


Jilid III  
Bil. 37



Hari Selasa  
8hb November, 1977

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KEEMPAT  
*Fourth Parliament*

PENGGAL KETIGA  
*Third Session*

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 4093]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
[Ruangan 4117]

USUL-USUL:

Menggantungkan Peraturan Mesyuarat 48 [Ruangan 4117]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada  
Peraturan Mesyuarat [Ruangan 4118]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kuasa-kuasa Darurat (Kelantan), 1977  
[Ruangan 4119]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K., (Lipis).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATO' HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Pertanian, DATUK SERI ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGGU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K., P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK SERI MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATUK CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR. NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, **TUAN S SUBRAMANIAM** (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, **TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S.** (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N.** (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, **TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N.** (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, **TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T.** (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, **DR. LING LIONG SIK** (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, **TUAN PATRICK ANEK UREN** (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, **TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN** (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, **TUAN LUHAT WAN** (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, **TUAN JAWAN ANAK EMPALING** (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, **DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J. S.M.J., A.M.N.** (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N.** (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK SAADUN BIN MUHAMMAD NOH** (Panti).
- „ **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.** (Pengkalan Chepa).
- „ **TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M.** (Padang Rengas).
- „ **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA** (Alor Gajah).
- „ **DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S.** (Payang).
- „ **TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K.** (Ulu Padas).
- „ **TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K.** (Dungun).
- „ **DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S.** (Machang).
- „ **TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N.** (Raub).
- „ **PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N.** (Kapit).
- „ **TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD** (Hilir Perak).
- „ **DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K.** (Kota Setar).

- Yang Berhormat TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR. HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).

- Yang Berhormat TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR. LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ DATUK LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus):
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).

- Yang Berhormat TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy  
Louis Yeoh Sim Ngoh  
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah  
Suhor bin Husin  
Amran bin Ahmad  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof  
Margaret Chye Kim Lian  
Puan Ng Chong Kin  
Puan Kong Yooi Thong  
Juliah binti Awam  
Supiah binti Dewak  
Ismail bin Hassan  
Shamsiah binti Mohd. Yusof  
Kalsom binti Ghazali

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

---

Selasa, 8hb November, 1977

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

PEMBINAAN JALANRAYA

1. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan untuk mengelakkan kemalangan lalulintas bolehkah jalanraya yang ada sekarang di Malaysia diperlebarkan ataupun dibina sesuai lebar axle kenderaan yang ada pada masa ini, memandang bahawa kebanyakan jalanraya kita telah dibina semasa zaman penjajah dalam axle kenderaan tidak selebar seperti yang terdapat pada masa ini dan kenderaan-kenderaan hari ini adalah besar-besar belaka.

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr. Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian kami sedar bahawa jalanraya-jalanraya akan menjadi tidak mencukupi kalau lalulintas bertambah pesat dan kenderaan bertambah besar. Oleh yang demikian, traffic volume selalu ditimbang apabila jalan lama diperbaiki dan jalan baru dirancang. Dengan langkah ini Kementerian kami berharaplah kemalangan jalanraya dapat dihadkan dan dikurangkan.

Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan bahawa jalan-jalan baik sahaja tidak akan mengelakkan kemalangan. Misalnya, Lebuhraya Seremban—Kuala Lumpur yang baru, beberapa kemalangan telah berlaku sejak lebuhraya ini dibuka walaupun jalan baru ini adalah di dalam keadaan yang baik sekali. Mengikut statistik-statistik polis lebih 70% kemalangan di Semenanjung Malaysia diakibatkan oleh kesalahan manusia.

KES-KES DADAH

2. **Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid** minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar bahawa mahkamah-mahkamah dalam negeri ini tiada memberi keutamaan terhadap kes-kes dadah dan apakah usaha-usaha yang sedang dijalankan supaya negara kita tiada dibanjiri oleh kes-kes dadah yang bertambah tiap-tiap hari.

**Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar untuk membuat anggapan bahawa mahkamah-mahkamah tidak memberi keutamaan terhadap kes-kes dadah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukalah saya menyatakan bahawa adalah menjadi amalan mahkamah-mahkamah untuk memberi keutamaan kepada kes-kes jenayah dan mengenai kes-kes dadah pula, satu arahan yang khas telahpun dikeluarkan pada 14hb Oktober, 1976, meminta mahkamah-mahkamah menyelesaikan kes-kes itu dengan segera.

## PELAN INDUK WILAYAH PERSEKUTUAN

**3. Tuan Chin Hon Ngian** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan:—

- (a) samada kerja Pelan Induk Pengezonan Wilayah Persekutuan (Master Plan and Zoning of the Federal Territory) telah bermula, dan jika ya, bila ianya akan disiap dan dilaksanakan. Jika tidak, apakah sebab-sebab kelewatan kerana ianya telah dinyatakan dalam Dewan ini 3 tahun yang lalu; dan
- (b) siapa telah dilantik membuat kajian ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr. Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Urusan menyediakan Pelan Induk Wilayah Persekutuan belum dapat dimulakan dengan giat hingga hari ini oleh kerana masalah kekurangan anggota-anggota profesional yang perlu dilantik untuk tujuan tersebut. Walau bagaimanapun, kerja-kerja peringkat awal (preliminary work) dapat dimulakan di mana data-data penting yang dikehendaki untuk kajian Pelan Induk itu sedang dikumpulkan. Jika kakitangan-kakitangan yang perlu dapat diperolehi dengan sepenuhnya urusan ini dijangka akan dapat diselesaikan dalam masa lebih kurang 2 tahun;
- (b) Adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya Pelan Induk yang penting itu dapat disediakan oleh pakar-pakar perancang daripada Jabatan-jabatan Kerajaan. Ini bertujuan supaya pengalaman yang diperolehi dalam urusan menyediakan Pelan Induk itu akan dapat digunakan kelak dalam pelaksanaannya. Oleh itu, satu cadangan untuk menubuhkan Pasukan Kajian Pelan Induk (Master Plan Study Team)

yang dianggotai oleh pakar-pakar perancang daripada Dewan Bandaraya, Jabatan-jabatan dan ajensi-ajensi Kerajaan sedang ditimbangkan sekarang ini oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Pasukan ini akan memulakan kerja-kerjanya apabila perlantikan pegawai-pegawai yang berkenaan dipersetujui.

**Tuan S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu bilakah Kuala Lumpur boleh adakan satu Master Plan yang tertentu.

Yang kedua, di dalam Dewan ini kita telahpun dengar daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan juga Yang Berhormat Menteri bahawa Kerajaan akan melantik seorang pakar perunding untuk mengadakan satu pelan lay-out untuk Kuala Lumpur, tetapi apa yang saya dapat tahu daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi kita belum dapat melantik pakar perunding, apakah sebabnya?

**Dr. Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah nyatakan Pelan Induk ini akan diselesaikan dalam masa lebih kurang dua tahun.

Kepada soalan yang kedua, sampai setakat ini kita belum melantik pakar perunding oleh sebab hasrat Kerajaan ialah supaya Pelan Induk itu dibuat oleh pakar-pakar perancang dan lain-lain pakar dalam Kerajaan.

## PEGAWAI-PEGAWAI BERPENGALAMAN DI PERINGKAT NEGERI

**4. Tuan Haji Jamil bin Ishak** minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau bercadang melengkapkan Jabatan-jabatan Kerajaan di peringkat Daerah dan Negeri dengan pegawai-pegawai yang mempunyai pengalaman luas

supaya segala rancangan pembangunan dapat dilaksanakan dengan licin.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya sedar pegawai-pegawai yang mempunyai pengalaman-pengalaman yang sesuai sangatlah diperlukan bagi menjayakan projek-projek pembangunan Kerajaan dengan lancar. Untuk tujuan ini, Kerajaan adalah senantiasa memberi perhatian terhadap sebarang kategori pegawai yang dihantar, baik di peringkat daerah, negeri ataupun di peringkat Kementerian, supaya mereka yang dihantar bagi menjayakan projek-projek Kerajaan itu bersesuaian dengan tugas dan tanggungjawab mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam yang mempunyai pengetahuan-pengetahuan tertentu, misalnya dalam pentadbiran tanah, adalah seboleh-bolehnya ditempatkan di pentadbiran tanah juga. Selain daripada pengalaman-pengalaman mereka, penempatan pegawai-pegawai adalah juga mengambil perhitungan, di mana yang berkaitan, akan kelulusan, latihan, minat dan juga kecenderungan pegawai-pegawai yang terlibat.

### JABATAN PENERANGAN

**5. Tuan Hashim bin Ghazali** minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau sedar ramai rakyat di luar bandar tidak mendapat penerangan dari Jabatan Penerangan dengan secukupnya kerana van penerangan kurang melawat ke tempat mereka; jika sedar, apakah langkah beliau supaya rakyat yang di luar bandar sentiasa mendapat tahu hal-hal yang ada kaitan dengan Kerajaan.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa):** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjelaskan soalan Yang Berhormat itu, Jabatan Penerangan Malaysia sentiasa dengan seberapa daya-

upaya untuk melawat ke kampung-kampung termasuk kampung-kampung baru, estet-estet dan sebagainya, khasnya bagi kawasan-kawasan pendalaman dengan seberapa kerap yang boleh. Jabatan ini hanya mempunyai 217 yunit bergerak sahaja untuk menjalankan tugas-tugasnya. Memang menjadi keazaman Kementerian ini jika boleh semua yunit-yunit Jabatan Penerangan melawat kampung-kampung dengan lebih kerap lagi terutama kampung-kampung pendalaman dan juga kampung-kampung yang terlibat dengan keadaan keselamatan. Walau bagaimanapun, lawatan ke kampung-kampung dibuat tidak kurang dari sekali dalam masa tiga bulan.

Selain daripada mengadakan wayang gambar dan penerangan yunit-yunit juga membuat temu ramah, perjumpaan-perjumpaan, kursus-kursus sivik dan majlis-majlis dialog. Rakyat dan orang ramai juga sentiasa mendapat penerangan, berita, peristiwa dan maklumat-maklumat menerusi siaran radio dan talivisyen Malaysia.

### TANAH PERLOMBONGAN

**6. Tuan Oh Keng Seng** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (i) jumlah ekar tanah yang sekarang ini di bawah perlombongan;
- (ii) jumlah ekar tanah lombong yang tidak dipakai;
- (iii) langkah yang diambil untuk mengambil semula tanah-tanah lombong yang tidak dipakai ini untuk diberikan kepada mereka yang tidak bertanah; dan
- (iv) jumlah ekar tanah, lombong dan ladang yang sekarang dikawal atau dipajakkan kepada orang-orang asing.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Haji Embong bin Yahya):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (i) Luas tanah

lombong yang masih dipegang dengan pajak melombong di seluruh Semenanjung Tanah Melayu berjumlah lebih kurang 346,236 ekar pada tahun 1975.

(ii) Perangkaan daripada Jabatan Perdana Menteri menunjukkan bahawa pada 30.6.69 ada lebih kurang 387,311 ekar tanah lombong yang dikerjakan. Oleh yang demikian, jumlah luas tanah lombong yang sudah luput pajakannya ialah 387,311 ditolak dengan 346,236 ekar bersamaan 41,475 ekar pada tahun 1975.

(iii) Tanah-tanah lombong yang sudah luput pajakannya dan jika tidak dilanjutkan tempoh pajakan itu akan menjadi tanah Kerajaan semula. Tiap-tiap negeri di Semenanjung Tanah Melayu memang merancang kegunaan tanah-tanah bekas perlombongan itu sesuai untuk negeri itu. Perlulah diingatkan bahawa menggunakan tanah bekas lombong untuk tapak rumah kediaman untuk rakyat memang sudah diamalkan oleh beberapa negeri di Semenanjung Tanah Melayu ini. Saya ingin juga memberi maklumat bahawa bukan semua tanah-tanah bekas lombong itu boleh digunakan untuk perumahan dengan sertaina. Ada juga kolam-kolam lombong yang diberikan lesen tumpangan sementara untuk memelihara ikan air tawar dan lain-lain ternakan dan pertanian.

(iv) (a) Jumlah ekar tanah lombong kepunyaan syarikat-syarikat bukan warganegara Malaysia belum didapati lagi. Walau bagaimanapun, luas tanah-tanah lombong di Semenanjung Tanah Melayu pada 31.10.69 ialah 387,711 ekar.

(b) Jumlah ekar tanah ladang kepunyaan bukan warganegara Malaysia yang dikumpulkan setakat 31.12.74 adalah seperti berikut:—

*Warganegara Singapura:*

<i>Jenis Tanaman</i>	<i>Luas</i>
Getah	115,000 ekar
Kelapa Sawit	45,000 ekar

*Warganegara British:*

Getah	502,600 ekar
Kelapa Sawit	278,900 ekar
Kelapa	19,000 ekar
Teh	3,700 ekar

*Warganegara Amerika:*

Getah	27,500 ekar
-------	-------------

*Warganegara Peranchis:*

Getah	17,600 ekar
-------	-------------

*India*

Getah	16,200 ekar
-------	-------------

*Lain-lain warganegara/bangsa*

Getah	48,500 ekar
Teh	78,200 ekar
Kelapa	12,600 ekar
Teh	300 ekar

**Tuan Oh Keng Seng:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar tanah-tanah lombong yang tidak dipakai selain daripada untuk perumahan, satu perkara yang baik ialah lombong-lombong ini adalah sesuai untuk pemeliharaan ikan. Sekarang masalah kita ialah kekurangan ikan, adakah Kerajaan ada rancangan yang besar memelihara ikan dan memberi tanah kepada orang ramai dalam rancangan Buku Hijau?

**Dato' Haji Embong bin Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah sebutkan tadi memang Kerajaan telah membuat rancangan ini iaitu diberi kepada rakyat untuk membuat kolam ikan. Kalau sekiranya belum memadai Kerajaan akan membuat rancangan lagi dari masa ke semasa.

**JAWATANKUAA PETUGAS  
PERUMAHAN**

**7. Tuan S. Samy Vellu** minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan

menyatakan samada beliau sedar bahawa Jawatankuasa Petugas Perumahan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Perak telah terbukti dapat mempercepatkan sekim-sekim rumah diluluskan terus oleh Pengarah Tanah dan Galian tanpa melalui pejabat-pejabat tanah di dalam daerah masing-masing. Oleh itu dapatkah Menteri yang berkenaan menimbangkan penubuhan jawatankuasa petugas yang sama di dalam negeri-negeri yang lain di Semananjung Malaysia, untuk mengatasi problem kelambatan dan kekurangan rumah.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kema-juan Perkampungan (Datuk Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Jawatankuasa Petugas Perumahan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Perak telah membuktikan perubahan terhadap permohonan-permohonan mengenai sekim-sekim perumahan berbanding dengan keadaan sebelum penubuhan Jawatankuasa tersebut. Namun demikian, perlu saya tegas-kan di sini bahawa perkara pokok yang menjadi asas pertimbangan Jawatankuasa tersebut ialah hal tanah.

Kerajaan-kerajaan Negeri yang lain berpeluang, dan ada di antaranya yang telah menghantar rombongan ke Negeri Perak bagi mengetahui sistem tersebut. Samada mereka hendak membuat apa-apa perubahan kepada sistem di negeri-negeri mereka atau tidak itu tidak diketahui. Oleh sebab keadaan di negeri-negeri mereka mungkin berlainan daripada keadaan di Negeri Perak dan juga mereka telah mengetahui keadaan yang berlaku di negeri itu saya berpendapat gesaan dari mana-mana pihak tidaklah menjadi perlu.

Perkara pokok yang perlu diatasi ialah yang berkaitan dengan tanah. Satu objek di dalam bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri melainkan di Wilayah Persekutuan. Justru itu Kerajaan-kerajaan Negeri dan Wilayah Persekutuan memilih cara menyelaraskan kerja-kerja memproses permohonan itu di peringkat Pejabat Pengarah Tanah dan Galian seperti di

negeri Perak dan Wilayah Persekutuan atau-pun di peringkat Pejabat Tanah Daerah. Masaalah perumahan adalah satu daripada perkara-perkara yang bersangkutan dengan masaalah tanah.

**Tuan S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu memberi penjelasan adakah Jawatankuasa tersebut di negeri-negeri yang lain. Jika tidak, bolehkah beliau memberi satu arahan untuk mengadakan Jawatankuasa Khas Perumahan di tiap-tiap negeri dan bolehkah beliau berikan fungsi tiap-tiap Jawatankuasa itu.

**Datuk Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, masaalah Kementerian saya untuk mengarahkan Kerajaan Negeri haruslah tidak timbul oleh kerana Pesuruhjaya Tanah dan Galian sentiasa mengadakan mesyuarat-mesyuarat di sini. Saya tadi telah jawab mengatakan bahawa Kerajaan Negeri sendiri telah terlibat dan dia itu berlainan, bukan masaalah tanah sahaja bahkan ada masaalah lain yang mana negeri-negeri yang lain lebih sesuai lagi daripada negeri Perak. Oleh itu, saya suka menegaskan fungsi sebagaimana yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu dalam negeri Perak ada 4 cara yang dijalankan:

- (i) Untuk menentukan section programmes bagi menyelesaikan masaalah semasa yang dijangka berkaitan dengan permintaan perumahan bagi penduduk di negeri Perak.
- (ii) Untuk menentukan pihak-pihak yang akan memajukan sesuatu projek di dalam konteks action programmes yang ditentukan.
- (iii) Untuk mengawasi supaya pelaksanaan oleh agensi yang dipilih untuk melaksanakan sesuatu sekim perumahan mengikut landasan yang ditentukan.
- (iv) Untuk memproses secara cepat permohonan memulakan sekim perumahan atas semua jenis tanah.

## EKSEKUTIF BUMIPUTRA

**8. Tuan Abu Bakar bin Arshad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kejayaan yang dibuat oleh syarikat-syarikat swasta menggunakan kakitangan eksekutif Bumiputra, jika berjaya nyatakan kejayaannya dan jika tidak apakah tindakannya selanjutnya.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, bilangan Bumiputra yang diambil bekerja sebagai pegawai eksekutif oleh syarikat-syarikat swasta adalah bertambah dari semasa ke semasa. Sebagai contoh pada 31hb. Disember, 1974 dalam syarikat-syarikat perindustrian yang diluluskan dan dilaksanakan terdapat kira-kira 18.4% daripada jumlah eksekutif adalah terdiri daripada Bumiputra. Angka ini telah meningkat menjadi 22.6% pada 31hb. Disember, 1975.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua syarikat perindustrian disyaratkan pada masa sekarang supaya mengambil pekerja yang mencerminkan struktur masyarakat berbilang kaum di negara ini. Syarikat-syarikat perdagangan yang ditubuhkan oleh bukan warganegara juga dikehendaki mematuhi syarat pengambilan pekerja seperti ini. Kerajaan juga menggesa lain-lain syarikat supaya berusaha mencapai matlamat struktur gunatenaga yang serupa. Melalui berbagai program latihan yang dijalankan oleh beberapa institusinya, Kerajaan akan terus memperbanyakkan bilangan Bumiputra yang terlatih supaya dapat diambil bekerja sebagai eksekutif dalam syarikat-syarikat swasta. Beberapa pihak swasta juga ada menjalankan program-program latihan untuk menambah bilangan eksekutif Bumiputra di kilang-kilang ataupun di gedong-gedong perniagaan mereka.

## HUKUMAN MATI BAGI PENYELUDUP DADAH

**9. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah** bertanya kepada Menteri Undang-undang:—

- (a) berapa bilangan pengedar dadah yang telah dihukum mati sejak undang-undang ini diluluskan di Parlimen dan adakah benar hukuman telah dijalankan, kiranya tidak, mengapa hukuman itu dilambat-lambatkan atau adakah undang-undang yang diluluskan di Parlimen ini hanya pada kertas undang-undang sahaja;
- (b) dalam penyiasatan Kerajaan adakah terdapat orang-orang hartawan di belakang dan membantu pengedar-pengedar ini dan kiranya ada sudahkah mereka ini diberkas dan siapa mereka itu.

**Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga akhir bulan September, 1977 hanya seorang sahaja pengedar dadah yang telah dijatuhkan hukuman mati oleh Mahkamah. Pesalah ini masih ditahan di Penjara Pudu kerana menunggu keputusan rayuan terhadap kesnya itu.
- (b) Kemungkinannya adanya orang-orang hartawan di belakang dan membantu pengedar-pengedar dadah ini tiada boleh dinapikan kerana pendapatan dari pengedaran dadah ini dikatakan sangat tinggi dan lumayan. Agensi-agensi Penguatkuasa Undang-undang seperti Polis, Kastam dan Biro Narkotik masih mengumpulkan maklumat atas mereka yang disyaki dan apabila jelas dengan bukti-bukti yang cukup tindakan undang-undang atas mereka akan diambil.

## PELABURAN SWASTA

**10. Dr. Chen Man Hin** minta Perdana Menteri menyatakan mengenai kadar pertumbuhan pelaburan untuk tiga tahun kebelakangan, sejauh mana kadar-kadar ini, terutamanya pertumbuhan pelaburan swasta, merosot berbanding dengan matlamat Rancangan Malaysia Ketiga, dan sebab-sebab kemerosotan tersebut.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Yang Berhormat Menteri Kewangan telahpun mengemukakan kepada Dewan ini satu analisa tentang Ekonomi Malaysia semasa beliau menyampaikan Ucapan Belanjawan beliau pada 28hb Oktober, 1977. Faktor-faktor dan angka-angka selanjutnya boleh juga didapati di dalam Laporan Ekonomi 1977/1978 yang dikemukakan pada masa yang sama. Dengan hal yang demikian, pada peringkat ini tidaklah ada apa-apa tambahan yang hendak saya buat kepada apa yang telah dikemukakan.

## PELABURAN SWASTA

**11. Tuan Oh Keng Seng** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan mengikut Laporan Tahunan Bank Negara untuk tahun 1976, adalah dinyatakan bahawa pelaburan tetap swasta untuk semua sektor ekonomi bertambah hanya sebanyak 4% berbanding dengan matlamat Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak 9.9%, adakah beliau boleh menyatakan sebab-sebab perlahannya pelaburan swasta dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menentukan bahawa matlamat-matlamat dalam Rancangan Malaysia Ketiga tercapai.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, saya baru sahaja menjawab satu soalan yang seakan-akan sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat itu dan saya tidak ada

apa-apa tambahan yang hendak dibuat kepada jawapan tersebut.

## PINJAMAN BANK

**12. Dr. Hee Tien Lai** minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa peniaga-peniaga kecil dan saudagar-saudagar mendapati sangat sukar untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman dari bank-bank sekarang. Jika ya, samada beliau akan mengesyorkan supaya perubahan-perubahan dibuat kepada dasar-dasar Bank kita yang ada sekarang dengan tujuan untuk menolong peniaga-peniaga kecil dan saudagar-saudagar.

**Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, seseorang peniaga atau saudagar boleh memohon kepada mana-mana bank perdagangan untuk mendapatkan pinjaman dan tiap-tiap permohonan yang diterima oleh bank perdagangan akan diberi perhatian mengikut 'merit'nya atau kelayakannya. Biasanya permohonan pinjaman akan diluluskan setelah bank perdagangan berpuas hati bahawa projek yang dibiayainya itu akan memberi keuntungan dan juga ada daya hidup (*viable*), peminjam berkelakuan baik serta boleh dipercayai dan berkemampuan membayar balik faedah dan pinjaman tersebut. Semua faktor-faktor ini lazimnya diberi perhatian oleh bank-bank perdagangan sebelum sesuatu pinjaman itu diluluskan.

Bank-bank perdagangan telah diberitahu tentang pentingnya mengadakan kemudahan-kemudahan kredit kepada peniaga-peniaga kecil dan saudagar-saudagar. Semenjak tahun 1974, bank-bank perdagangan dikehendaki mengeluarkan sebahagian dari jumlah pinjaman dan pendahuluan mereka kepada peniaga-peniaga kecil. Jumlah yang telah diberikan oleh bank-bank perdagangan kepada peminjam-peminjam dalam kategori ini ialah sebanyak \$1,328.2 juta atau 17.8% daripada jumlah pinjaman dan pendahuluan yang diluluskan oleh bank-bank perdagangan pada akhir bulan Jun, 1977.

Peniaga-peniaga kecil dan saudagar-saudagar boleh juga mendapat kredit di bawah Sekim Jaminan Kredit yang memberi jaminan kepada kemudahan-kemudahan kredit yang dikeluarkan oleh bank-bank perdagangan kepada perniagaan-perniagaan kecil. Had maksima pinjaman yang dikeluarkan di bawah sekim ini ialah \$200,000 untuk pinjaman kepada orang-orang Bumiputra dan \$100,000 untuk pinjaman kepada orang-orang bukan Bumiputra. Di bawah sekim ini, cagaran tidak perlu bagi pinjaman sebanyak \$30,000 ke bawah. Jumlah pinjaman yang belum dijelaskan di bawah sekim ini ialah \$237.5 juta setakat akhir bulan September, 1977.

Memang ada terdapat sungutan-sungutan bahawa beberapa permohonan samada daripada golongan peniaga-peniaga kecil atau saudagar-saudagar tidak berjaya untuk memperolehi pinjaman-pinjaman daripada bank-bank, kemungkinan sebilangan daripada pemohon-pemohon ini tidak dapat menyakinkan bank-bank yang berkenaan mengenai "viability" perniagaan yang hendak dijalankan oleh mereka tetapi sekiranya pemohon-pemohon ini tidak berpuas hati juga maka bolehlah mereka merayu kepada bank-bank perdagangan yang berkenaan untuk dipertimbangkan semula permohonan-permohonan mereka itu atau kepada Bank Negara Malaysia untuk disiasat, sekiranya mereka tidak dapat layanan yang sepatutnya.

Bank Negara Malaysia adalah sentiasa meneliti kemajuan yang dicapai oleh bank-bank perdagangan untuk menentukan bahawa kredit yang cukup diberi kepada peniaga-peniaga kecil dan juga saudagar-saudagar. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia akan menyiasat tiap-tiap tuduhan mengenai kesukaran untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan kredit dari bank-bank perdagangan jika maklumat penuh mengenai kesukaran ini dimajukan kepadanya.

Setakat ini, dasar-dasar yang ada sekarang adalah memadai untuk menentukan bahawa peniaga-peniaga kecil dan saudagar-saudagar akan mendapat kemudahan kredit daripada bank-bank perdagangan untuk memenuhi kehendak perniagaan yang sah.

**Tuan Ariffin bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa pinjaman yang kurang daripada \$30,000 yang diluluskan oleh C.G.C. tidak memerlukan jaminan. Adakah beliau sedar bahawa jangan kata \$30,000 kalau hendak pinjam \$5,000 pun dikehendaki jaminan, misalnya security, tanah dan sebagainya.

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, maksud Ahli Yang Berhormat itu agaknya berkehendakkan cagaran (security). Sememangnya memang ada keadaan di mana kalau meminjam \$30,000 ke bawahpun bank berkehendakkan cagaran, tetapi apabila disiasat dan didapati bank-bank itu agak curiga sedikit tentang daya hidupan (potential viability) perniagaan yang dikemukakan itu. Jadi untuk meneguhkan lagi keadaan maka untuk pinjaman seperti itu bank menganggap agak bijak untuk mendapatkan sedikit sokongan seperti misalnya cagaran. Mungkin tidak cagaran penuh tetapi cagaran separuh ataupun sekurang-kurangnya dua orang penjamin bagi pinjaman tersebut, tetapi tidaklah semua.

**Tuan Ariffin bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, kalaulah semacam itu yang dijawab oleh Timbalan Menteri, apakah tujuan diadakan C.G.C.

**Puan Rafidah Aziz:** Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya telah katakan tadi tiap-tiap pinjaman yang akan diluluskan itu mestilah berdasarkan kepada daya hidupan tiap-tiap perniagaan itu. Jadi kalau ada dikemukakan satu-satu projek yang mana agaknya marginal sahaja keadaannya, maka terpulanglah kepada bank merasakan samada riskonya terlalu besar, kalau tidak dikenakan apa-apa

cagaran maka ia ada meminta cagaran dan ini rasa saya adalah terpulang kepada bank untuk berunding dengan pemohon itu sendiri.

### CITY BUS SERVICE

**13. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bahawa memandangkan pesatnya pembangunan bandaraya Kuala Lumpur dan kesesakan pengangkutan jalanraya samada Kerajaan akan menimbangkan satu perkhidmatan City Bus Service (dijalankan oleh Syarikat Pengangkutan Sri Jaya) yang khusus untuk bandaraya sahaja di mana ia dapat memberi perkhidmatan yang secukupnya kepada orang ramai, adakah Kerajaan akan berikhtiar mengadakan satu tempat perhentian bas pusat (central bus station) dan teksi di mana semua bas dan teksi dari luar bandaraya ditempatkan di satu pusat sahaja dan perkhidmatan untuk masuk ke bandaraya dikelolakan secukupnya oleh City Bus Service dengan perjalanan giliran tiap-tiap 10 minit sebuah bas menyusul dan menaiki bas secara teratur mengikut giliran masing-masing:

- (a) minta pihak bas mengadakan dua pintu bas; satu untuk penumpang masuk dan satu lagi untuk penumpang keluar supaya tidak menjadi kesibukan keluar-masuk; dan
- (b) minta pihak mini-bas bekerjasama supaya tidak memberhentikan bas sesuka hatinya, sebaliknya hendaklah menurunkan penumpang-penumpang dekat dengan perhentian bas biasa di samping kebersihan bas-bas hendaklah dijaga di mana pencemaran udara dapat dikurangkan.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian kami dan juga pihak-pihak berkuasa yang lain di Kuala Lumpur sedang berusaha untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam di Bandaraya Kuala Lumpur untuk memenuhi keperluan orang ramai serta mengatasi masalah kesesakan lalulintas.

Buat keperluan pengangkutan awam masa ini, 'City Bus Service' sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu belum lagi sesuai bagi Bandaraya Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, segala tindakan sedang diambil untuk mengujudkan satu sistem pengangkutan awam yang lebih bersistem, misalnya membina dan memperbaiki sistem jalan di Bandaraya, mengadakan 'Bus Lane', mengubahsuai perjalanan bas berhenti-henti dan mengadakan kawasan pelesenan di Pusat Bandaraya tidak lama lagi.

Berkenaan dengan kawasan perhentian bagi kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam, tempat-tempat yang sesuai telahpun disediakan di Bandaraya Kuala Lumpur seperti berikut:—

- (i) Jalan Pekeliling iaitu bagi bas-bas dan teksi-teksi yang membuat perjalanan ke kawasan-kawasan Utara, Tengah dan Timur.
- (ii) Perhentian Pudu Raya — iaitu bagi bas-bas dan teksi-teksi yang membuat perjalanan ke kawasan Selatan.
- (iii) Perhentian Bas Klang — bagi bas-bas dan teksi-teksi yang membuat perjalanan ke kawasan pantai (Coastal Region).

Masalah yang timbul sekiranya satu pusat disediakan sebagai perhentian bagi kesemua perkhidmatan kenderaan awam yang datang dari seluruh negara sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu kesesakan lalulintas yang mungkin tidak terkawal. Oleh itu, Kementerian ini berpendapat adalah tidak wajar sekiranya kawasan perhentian bas dan teksi di Kuala Lumpur ditumpukan di satu pusat sahaja.

Untuk menjawab soalan:

- (a) Kementerian kami adalah menggalakkan syarikat-syarikat bas apakala menggantikan bas-bas lamanya dengan bas-bas yang menyediakan dua (2) pintu keluar-masuk supaya naik dan turun penumpang-penumpang dapat

dikawal dengan lebih teratur lagi. Walau bagaimanapun ini terpulanglah kepada syarikat-syarikat bas menyediakannya dan mengambil perhatian. Pada masa sekarang pun telah didapati setengah-setengah syarikat bas di Kuala Lumpur yang mempunyai bas-bas dua (2) pintu keluar-masuk.

Untuk menjawab soalan:

- (b) Dari awal lagi bas-bas mini telah diarahkan supaya menurun atau menaikannya penumpang-penumpang hanya diperhentian bas sahaja. Perkara ini sentiasa diawasi dan tindakan tertentu akan diambil terhadap mereka yang enggan mematuhi. Berkenaan dengan kebersihan bas-bas mini pula, pengusaha-pengusaha bas mini adalah sentiasa diminta menjaga kebersihan bas-bas mereka. Sementara itu pemeriksaan oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan juga dibuat dari semasa ke semasa ke atas bas-bas ini.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa untuk pada masa ini City Bus Service belum lagi sesuai. Apakah ukuran yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Kementerian yang berkenaan mengatakan samada sesuai atau tidak. Adakah ini mengikut ukuran bilangan penduduk di sesebuah pekan ataupun kawasan dari sesebuah pekan umpamanya.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian kami dan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan mendapatkan nasihat daripada satu kumpulan perunding dan buat sementara langkah-langkah yang dicadangkan oleh pihak perunding ini yang saya telah sebutkan tadi dianggap sesuai. Walau bagaimanapun, cadangan Ahli Yang Berhormat bagi City Bus Service ini akan diberi perhatian.

## MAS KE JEDDAH

**14. Toh Puan Onn Zariah binti Abu Bakar** minta Menteri Perhubungan menyatakan bilakah Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) akan membuat khidmatnya ke Jeddah.

**Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff):** Tuan Yang di-Pertua, MAS akan melancarkan penerbangan dua kali seminggu ke Jeddah mulai pada 15hb. Januari, 1978.

## PENGEDAR DADAH

**15. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kementerian yang berkenaan sedar, bahawa banyak rampasan-rampasan dadah didapati pada masa ini, lebih-lebih lagi di Negeri Perlis. Mengapa pengedar-pengedar itu tidak dapat ditangkap, hanya barang-barang sahaja yang dapat. Apakah kelemahan dari pasukan Kementerian ini dan apakah tindakan dari Kementerian yang berkenaan.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini memang sedar banyak rampasan dadah telah didapati pada masa ini. Adalah tidak benar wujudnya kelemahan daripada pihak Polis dalam memeriksa pengedar-pengedar dadah semasa membuat serbuan-serbuan. Untuk makluman Yang Berhormat sehingga bulan Ogos 1977 sebanyak 3,152 serbuan telah dibuat dan ini menghasilkan tangkapan berjumlah 3,951.

Di Perlis sahaja sebanyak 42 serbuan telah dijalankan dan hasilnya seramai 44 orang telah ditangkap. Di samping usaha-usaha ini Kerajaan juga telah menubuhkan Unit Pencegah Penyeludupan yang kini berjumlah 495 orang untuk membasmi kegiatan pengedar dan menyeludup dadah khususnya di kawasan sempadan.

## BANK BURUH

**16. Dr. Chen Man Hin** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan pegawai-pegawai Bank Negara yang telah dipinjamkan kepada Bank Buruh, nama, tanggungjawab dan syarat-syarat kerja mereka dan bilakah Bank Buruh akan dibenar menguruskan operasi-operasinya tanpa pengawasan atau penyeliaan Bank Negara.

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, tiada seorang pun pegawai Bank Negara yang telah dipinjamkan kepada Bank Buruh.

## FELDA/FELCRA UNTUK BELIA

**17. Datuk Haji Shafie bin Abdullah** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah beliau sedar bahawa ada beribu-ribu orang belia yang telah mendaftarkan diri memohon hendak memasuki rancangan FELDA/FELCRA dan masih lagi menunggu panggilan memasuki rancangan ini walaupun mereka telah lulus dalam temuduga tersebut dan apakah langkah-langkah yang Kementerian telah ambil untuk mengurangkan jumlah pemohon-pemohon ini yang semakin tahun umur mereka meningkat tua dan tenaga kian berkurangan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Haji Embong bin Yahya):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak sedar bahawa ada beribu-ribu orang belia yang telah mendaftarkan diri memohon hendak memasuki rancangan FELDA/FELCRA dan masih lagi menunggu panggilan memasuki rancangan.

Bagi rancangan-rancangan FELDA, hanya Warganegara Malaysia yang telah berkelamin sahaja yang diberi timbangan. Setakat ini FELDA hanya telah mengambil dua buah rancangan belia daripada Kerajaan-kerajaan Negeri, iaitu Rancangan Kemahang daripada Kerajaan Kelantan yang mempunyai sekarang

ini 300 peneroka dan Rancangan Lui Muda daripada Kerajaan Negeri Sembilan yang mempunyai 161 peneroka. Oleh itu, tidak ada pemohon-pemohon belia yang menunggu.

Mengikut sistem pengambil peneroka-peneroka rancangan belia FELCRA pula, apabila sebuah rancangan belia dibuka bagi satu-satu kawasan, tawaran dibuat kepada belia-belia tempatan yang mempunyai kelayakan yang ditetapkan untuk menjadi peneroka. Temuduga akan dijalankan dan mereka yang berjaya ditempatkan ke rancangan-rancangan setelah senarai calon-calon yang berjaya dipilih dan dipersetujui oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan. Pada masa ini bilangan peneroka belia yang telah berjaya dalam pemilihan dan masih menunggu untuk ditempatkan dalam rancangan ialah 22 orang sahaja. Mereka ini akan dimasukkan dalam rancangan pada bulan Disember, 1977 ini.

## PENGANGKUT GAS CAIR ASLI (L.N.G.)

**18. Tuan Oo Gin Sun** minta Perdana Menteri menyatakan iaitu oleh sebab Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (M.I.S.C.) telahpun menempah sebanyak lima (5) buah kapal pengangkut Gas Cair Asli (L.N.G.) dan kapal yang pertama akan diserahkan di dalam tahun 1979, semata-mata khusus untuk tujuan ini dan oleh kerana kelewatan atau kelambatan loji Gas Cair Asli apakah cadangan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (M.I.S.C.) terhadap kapal-kapal pengangkut Gas Cair Asli ini sebelum siap sedia Rancangan Bintulu itu dan berapa harga sebuah kapal pengangkut Gas Cair Asli (L.N.G.) itu.

**Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn):** Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia sedar akan masalah kapal pengangkut L.N.G. yang telah ditempah itu. Usaha-usaha sedang dijalankan bagaimana kapal-kapal tersebut akan digunakan, baik untuk jangka masa pendek mahupun jangka masa panjang. Oleh

kerana usaha-usaha ini masih lagi dalam peringkat perbincangan, saya tidak dapat memberi butir-butir yang lanjut.

Mengenai harga sebuah kapal pengangkut L.N.G. itu, pada masa ini saya tidak dapat memberikannya oleh kerana ia adalah rahsia perniagaan.

## PELANCUNGAN DI PULAU BESAR

**19. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin** minta Perdana Menteri samada beliau sedar bahawa Kerajaan Negeri Melaka telah mengadakan satu perjanjian dengan Kerajaan Italy bagi memajukan sebuah Pulau (Pulau Besar) di Melaka dalam tempoh masa 99 tahun, jika sedar apakah Kerajaan Pusat telah menerima dan mempersetujui usaha ini.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah meluluskan sebuah projek pelancungan di Pulau Besar dengan kelulusan Taraf Perintis pada 31hb Disember, 1976. Kompleks pelancungan ini akan melibatkan pelaburan modal sejumlah sekurang-kurangnya \$50 juta serta dijangka akan memberi peluang pekerjaan kepada 600 rakyat Malaysia. Kompleks ini akan juga menjadikan Pulau Besar sebagai satu pusat pelancungan antarabangsa.

Soal memberi hakmilik Pulau Besar kepada sebuah syarikat bernama (E.F.F.E.) Esportazioni Finaziamenti Fabbriche Estere dari Itali untuk memajukan projek tersebut adalah perkara Kerajaan Negeri.

## TALIPON — KEKURANGAN DI SABAH

**20. Tuan Buja bin Gumbilai** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa di Sabah masih kekurangan

kekuatan tenaga talipon memandangkan banyak permohonan yang tidak dapat diluluskan, kerana Pegawai Talikom tempatan mengatakan tidak ada sambungan; dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil supaya keadaan tersebut tidak berterusan.

**Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar di atas kekurangan ini. Walau bagaimanapun, Pejabat Talikom Sabah sedang berusaha sedaya-upayanya untuk menambah kebal-kebal pelanggan bawah tanah di semua bandar-bandar di Sabah supaya dapat memberi perkhidmatan kepada semua penunggu-penunggu dan juga pemohon-pemohon baharu. Untuk mencapai matlamat ini, Jabatan Talikom sedang menjalankan kerja-kerja mengadakan pesalur-pesalur baharu dan kebal-kebal pelanggan dan sebaik sahaja setengahnya siap dijalankan mengikut jangkaan pada awal tahun 1978 pemohon-pemohon yang sedang menunggu akan diberi perkhidmatan talipon secara progresif.

## PEGAWAI PERSEKUTUAN DI NEGERI-NEGERI

**21. Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa Pegawai-pegawai Kementerian di Jabatan Persekutuan di Sarawak tidak mendapat keistimewaan yang sama seperti pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dalam segi perumahan dan elaun perjalanan.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Saya telahpun menjawab soalan yang serupa daripada Ahli Yang Berhormat di Dewan ini pada 18hb Julai yang lalu. Saya rasa saya tidak ada tambahan yang lain lagi yang hendak dibuat.

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA  
KE DALAM MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG  
KUASA-KUASA DARURAT  
(KELANTAN), 1977**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta di bawah Fasal-fasal (4), (5) dan (6) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan untuk meluaskan ke Negeri Kelantan kuasa pemerintah Persekutuan mengenai semua perkara yang sekarang ini ada di dalam kuasa pemerintah Negeri Kelantan, dan untuk memberi kepada Raja Negeri Kelantan, dengan dikecualikan Dewan Undangan Negeri Kelantan, kuasa perundangan Negeri Kelantan mengenai semua perkara yang sekarang ini ada di dalam kuasa perundangan Negeri Kelantan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada hari ini.

**USUL-USUL**

**MENGGANTUNGAN PERATURAN  
MESYUARAT 48**

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, dengan izin Tuan Yang di-Pertua di bawah Peraturan Mesyuarat 90, Dewan dengan ini menggantungkan Peraturan Mesyuarat 48 sepanjang tempoh persidangan hari ini.

**Datuk Lee San Choon:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa, dengan izin Tuan Yang di-Pertua di bawah Peraturan Mesyuarat 90, Dewan dengan ini menggantungkan Peraturan Mesyuarat 48 sepanjang tempoh persidangan hari ini.

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
YANG DIBEBAHKAN DARIPADA  
PERATURAN MESYUARAT**

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, menurut peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga selesai dipertimbangkan urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan bahawa Dewan hendaklah ditempohkan sekarang hingga pukul 7.30 malam ini.

**Datuk Lee San Choon:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa, menurut peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga selesai dipertimbangkan urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan bahawa Dewan hendaklah ditempohkan sekarang hingga pukul 7.30 malam ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditempohkan sehingga pukul 7.30 malam ini.

*Persidangan ditempohkan pada pukul 3.20 petang.*

*Persidangan disambung semula pada  
pukul 7.36 malam.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan  
Mesyuarat*)

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KUASA-KUASA DARURAT (KELANTAN), 1977

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.36 mlm.

#### **Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn):**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang yang bertajuk "Suatu Akta di bawah Fasal-fasal (4), (5) dan (6) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan untuk meluaskan ke Negeri Kelantan kuasa pemerintah Persekutuan mengenai semua perkara yang sekarang ini ada di dalam kuasa pemerintah Negeri Kelantan, dan untuk memberi kepada Raja Negeri Kelantan, dengan dikecualikan Dewan Undangan Negeri Kelantan, kuasa perundangan Negeri Kelantan mengenai semua perkara yang sekarang ini ada di dalam kuasa perundangan Negeri Kelantan" dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengaku Rang Undang-undang ini mengandungi implikasi politik dan menyentuh prinsip demokrasi.

Sungguhpun demikian, saya tidak mengemukakannya dengan sewenang-wenangnya. Saya mengemukakannya, dengan perasaan penuh bertanggungjawab, dan dengan sebab-sebab yang tertentu dan yang tidak boleh dielakkan.

Seorang Ketua Kerajaan Pusat sebagai saya, memikul tanggungjawab yang amat berat, terutama mengenai keselamatan dan ketenteraman negara. Tanggungjawab saya berkenaan dengan perkara-perkara ini, tidak boleh dikompromi, walau apapun jadi kepada saya.

Perkara keselamatan dan ketenteraman negara, saya akan utamakan atas segala-galanya. Tidak ada faedahnya dan makna

kepada saya, jika kerana kepentingan politik, saya memejamkan mata dan memekakkan telinga, kepada terkorbannya nyawa, tertumpahnya darah dan musnahnya harta benda. Inilah yang harus berlaku di Kelantan — bukan sahaja di Kelantan, harus juga merebak ke negeri-negeri lain — jika Rang Undang-undang ini tidak dikemuka dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, demi Allah, saya tidak bermain politik. Kecil sangat saya, jika saya berniat dan bermain demikian. Apa yang saya maksudkan ialah menyempurnakan tanggungjawab saya, sebagai Perdana Menteri, dan tanggungjawab saya kepada rakyat dan negara.

Apa yang telah berlaku di Kelantan sekarang? Saya tidak berniat hendak menyalahkan sesiapa. Saya suka hendak mengemukakan kenyataan, sebagaimana yang terdapat oleh saya. Kacau-bilau, tunjuk perasaan, rusuhan, bakar-membakar, pecah-memecah harta-benda, berkumpul secara haram dan lain-lain perbuatan, adalah ekoran daripada undi tidak percaya ke atas Menteri Besar.

Saya tidak sekali-kali berniat hendak mengatakan tindakan itu wajar ataupun tidak, betul ataupun salah.

Apa yang saya hendak tekankan ialah akibatnya, iaitu berbangkitnya suatu keadaan yang mengancam keselamatan di negeri itu. Tidak dapat tidak, Kerajaan Pusat mesti campurtangan. Bagi menjamin keamanan dan keselamatan di Kelantan, saya telah mengarahkan supaya anggota polis ditambahkan. Ketika ini, jumlah anggota polis di negeri itu ialah 5,489 terpecah kepada anggota yang ada 1,279 dan reinforcement sebanyak 4,210 orang. Jika reinforcement itu tidak dihantar dengan segera, Allah sahajalah yang mengetahui betapa buruk lagi keadaan keselamatan di negeri itu akan terjadi.

Di samping itu pula, curfew terpaksa diadakan di Pekan Kota Bharu dan Kubang

Krian. Ini menyulit dan menyusahkan rakyat di kawasan-kawasan itu, terutama golongan yang miskin, yang mengais pagi makan pagi, dan tidak pula dapat mengais petang, langsung kelaparan.

Memang benar bahawa hak membuat keputusan, samada menolak atau menerima permohonan Menteri Besar itu, supaya Dewan Undangan Negeri dibubarkan dan pilihanraya diadakan, terletak di tangan Pemangku Raja, menurut Perlembagaan Negeri Kelantan.

Pemangku Raja belum membuat apa-apa keputusan, mungkin kerana bimbang bahawa apapun keputusan yang dibuat olehnya, akan menimbulkan perasaan tidak puashati di kalangan satu golongan rakyat dengan golongan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu, perasaan tidak puashati ini di kalangan rakyat di negeri Kelantan, mula memuncak, dan ini menimbulkan satu keadaan yang mungkin membawa kepada keganasan terhadap orang awam, memusnahkan harta-benda, dan mengancam keselamatan negeri itu dan keadaan ekonomi rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya memberi butir-butir berkenaan penangkapan dan lain-lain. Mengikut lapuran yang diberikan kepada saya, angka-angka berkaitan dengan mereka yang cedera dan ditangkap serta kerosakan terhadap harta-benda sehingga 5hb November adalah seperti berikut:

Cedera	—	19
Tangkapan	—	288
Kerosakan harta-benda kepada kedai dan rumah	—	35
Lori	—	1
Kereta	—	1
Motosikal	—	2
Pondok Polis	—	1

Mereka yang ditangkap adalah kerana melakukan kesalahan-kesalahan seperti berikut:

Melanggar perintah berkurung	—	127
Melakukan rusuhan	—	26
Berkumpul secara haram	—	75
Memiliki senjata offensive atau senjata merbahaya	—	9
Memiliki bom buatan sendiri	—	1
Membuat kacau-bilau dengan api	—	3
Tidak mempunyai Kad Pengenalan	—	29
Jumlah		270

Tuan Yang di-Pertua, bilangan mereka yang telah dilepaskan tanpa syarat ialah 76, dengan jaminan 194, ditahan untuk siasatan lanjut 18, di antara mereka yang telah ditangkap ialah 3 penuntut universiti dan 45 penuntut sekolah menengah.

Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya memberi penilaian ke atas situasi yang ada di Kelantan sekarang ini. Saya sangat memandang berat atas keadaan di Kelantan itu, saya mempunyai tanggungjawab utama untuk memelihara undang-undang dan ketenteraman memberi perlindungan kepada nyawa dan harta-benda dan menjamin keselamatan dan kehidupan ekonomi rakyat di negeri Kelantan. Penilaian saya ke atas keadaan yang diberi itu adalah seperti berikut:

Keadaannya adalah tegang, tetapi terkawal disebabkan oleh adanya polis dengan kekuatan yang mencukupi. Rusuhan dan keadaan awam yang tidak tenteram sudah tentu akan meletus jika tidak kerana ketegasan dan kekuatan pihak polis. Ada kemungkinan besar bahawa keadaan di negeri Kelantan itu akan merebak menjadi pergaduhan di antara kaum yang mungkin merebak ke serata negara kita.

Keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, akan dieksploitasikan oleh komunis, puak pelampau, anti-nasional dan anasir-anasir jahat yang akan mengancam keselamatan,

bukan sahaja di Negeri Kelantan bahkan di seluruh negara kita. Kemungkinan ini menjadi lebih serius disebabkan oleh sempadan bersama dengan Negeri Thai.

Tuan Yang di-Pertua, penyelesaian dan cadangan saya dengan mengambil ingatan akan ancaman yang sebenarnya kepada keselamatan dan pencabulan undang-undang, ketenteraman dan ancaman kepada kehidupan ekonomi orang ramai, bukan sahaja di Negeri Kelantan tetapi di seluruh negara. Selepas berunding dengan penasihat-penasihat mengenai hal-hal keselamatan saya penuh yakin bahawa penyelesaian yang hanya terbuka bagi krisis ini yang mungkin diterima oleh sebahagian besar daripada rakyat di negeri itu ialah supaya Kerajaan Pusat mengambilalih secara sementara akan tugas-tugas pentadbiran Eksekutif dan perundangan negeri itu. Cadangan ini sewajarnya sebagaimana yang saya cadangkan dibuat melalui Akta Parlimen dan inilah sebabnya pada malam ini kita berhimpun di sini membincangkan Rang Undang-undang itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah bertujuan hendak menghuraikan satu persatunya kandungan Rang Undang-undang ini. Perkaranya ialah tidak banyak — 16, dan rasa saya tidak payah hendak dimengertikan tujuan dan maksud Rang Undang-undang ini. Sebagai asasnya secara ringkas, Kerajaan Pusat akan mengambilalih kuasa Eksekutif dan kuasa undangan negeri itu sementara waktu dan ini diletakkan di bawah tanggungjawab Perdana Menteri dan Perdana Menteri itu adalah bertanggungjawab kepada Kabinet berkenaan pelaksanaan dan pentadbiran Kerajaan atau Negeri Kelantan itu dan Kabinet adalah bertanggungjawab kepada Parlimen ini — Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sistem kita ini cukup dengan jagaan daripada salahguna dan penyelewengan kuasa-kuasa yang diberi oleh Parlimen. Sungguhpun bunyinya terlampau besar dan terlampau indah kuasa Negeri

Kelantan itu diletakkan dan diberikan kepada Perdana Menteri, ini bukanlah hadiah kepada saya, ini ialah beban yang kalau saya boleh saya elakkan. Kerajaan Pusat cukup tanggungan dan rancangan-rancangan yang perlu dijalankan dengan segera bagi kebajikan rakyat semua dan saya tidak sekali-kali berkehendakkan kuasa ini, malah kalau boleh saya elakkan. Tetapi oleh kerana jawatan saya ini telah meletakkan ke bahu saya tanggungjawab keselamatan dan ketenteraman di negara ini, saya tidak rela jika saya tidak berikhtiar dengan seberapa daya upaya saya hendak mengelakkan daripada terkorban nyawa, tumpah darah, memusnahkan harta-benda di mana-mana negeri di dalam Persekutuan kita ini. Kalaulah terjadi kerana saya cuai dan lalai dan mengambil banyak perhitungan, pertama sekali perhitungan politik dan rela menengok nyawa terkorban, darah tumpah, saya bukan sahaja bertanggungjawab di Dewan ini, di Bangunan ini samada Dewan Rakyat atau Dewan Negara dan kepada rakyat seluruhnya tetapi saya akan bertanggungjawab di akhirat juga. Ini tanggungan berat pada saya. Saya tidak sanggup memikul tanggungan itu dengan tidak sepenuh saya berikhtiar mencari penyelesaian supaya terjamin keselamatan di sesebuah negeri.

Kuasa ini akan dijalankan oleh seorang pegawai dari Perkhidmatan Awam Persekutuan dan kepadanya akan terserah kuasa-kuasa executive, functions, powers yang sekarang ini dijalankan oleh Menteri Besar dan Executive Council. Tetapi kita ada membuat peruntukan supaya pegawai ini berjaga dan pegawai ini adalah dilantik oleh saya sendiri dan beliau bertanggungjawab dan menerima arahan, panduan, nasihat dan petunjuk daripada saya. Dan sebagaimana yang saya katakan saya akan bertanggungjawab pertamanya kepada Kabinet berkenaan pentadbiran dan perjalanan pentadbiran di Negeri Kelantan dan seterusnya kepada Dewan ini.

Selain daripada itu Duli Yang Maha Mulia Raja ada peranannya. Saya tengok dalam

peruntukan ini Dewan Undangan Negeri Kelantan tidak ada kuasa sementara waktu, iaitu sementara dalam masa Akta ini berkuat-kuasa, sedangkan undang-undang perlu juga diperbuatkan. Sebagai contohnya, kita sudah sampai peringkat penghujung tahun Budget mesti diluluskan. Kalau Dewan Undangan itu tidak ada kuasanya kepada siapa kuasa itu hendak kita berikan? Dalam peruntukan Rang Undang-undang ini kuasa meluluskan undang-undang sebagai itu atau undang-undang lain jika perlu adalah di tangan Raja Negeri Kelantan dengan nasihat Pengarah Kerajaan yang akan dilantik mengikut peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menegaskan kalau adalah sangkaan-sangkaan di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengatakan Undang-undang ini dibuat dengan tergesa-gesa atau cadangan telah dibuat dengan secara tergesa-gesa, itu adalah silap fahaman. Kami semua sangat sedar akan tanggungjawab kami dan bila berlakunya peristiwa di Kelantan itu, kami mengawasi, berfikir siang-malam sejauh mana akan melaratnya, seburuk mana keadaan di Kelantan itu akan berlaku dan saat mana yang kami, khususnya saya sendiri akan campurtangan supaya memberi peluang kepada pihak-pihak di negeri itu mencari jalan untuk mengatasinya sendiri. Nampaknya kita telah dapat sementara waktu ini dan kita tidak boleh membiarkan keadaan itu berlangsung begitu sahaja. Dan dengan adanya Pengarah Kerajaan dengan penuh kuasa sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Rang Undang-undang ini, maka kuasa dan tanggungjawab atas peranan di dalam negeri yang sudah-sudah ini dijalankan atau di tangan Menteri Besar atau Exco pada masa ini tergantung. Exco ada, Majlis Undangan ada, tetapi apa yang tidak ada kepada kedua-dua badan ini ialah kuasa dan ini dibuat dengan sebab-sebab yang tertentu. Dan saya mengakui kalau dipandang secara politik, tentu keadaan semacam ini — ada Menteri Besar, ada Exco, ada Dewan Undangan tetapi sebagai patung, sebagaimana yang dikatakan, saya mengaku. Bukan kita

tidak nampak, kita nampak. Tetapi sebagaimana yang saya tegaskan, kerana keadaan memerlukan penyusunan sedemikian sementara waktu. Itulah sebabnya dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini. Walaupun demikian, kita bercermat bila menggubal Rang Undang-undang ini supaya Perlembagaan Negeri Kelantan itu tidak tercuat, jika boleh. Itulah sebabnya Menteri Besar mesti ada, itulah sebabnya Exco mesti ada, itulah sebabnya Dewan Undangan mesti ada, kerana Perlembagaan Kelantan tidak dicuit langsung, dan Perlembagaan Kelantan memperuntukan jawatan-jawatan dan badan-badan ini.

Berkenaan dengan Duli Yang Maha Mulia Raja di Negeri itu ada diperuntukkan, iaitu Duli Yang Maha Mulia itu ada hak boleh meminta maklumat dan penerangan daripada Pengarah berkenaan dengan Kerajaan, perjalanan, pentadbiran di Negeri itu. Bagi memerintah sesebuah negeri kecil atau besar, tentu berbangkit bermacam-macam perkara dan masalah dan seorang tentulah tidak boleh terpukul dan tidak dapat memutuskan atau menjalankan tanggungjawabnya dengan memuaskan. Itulah sebab dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini supaya sebuah Council atau Majlis iaitu Majlis Penasihat (State Advisory Council) itu ditubuhkan mengandungi orang-orang sebagaimana yang telah tercatat di dalam peruntukan itu dan 4 orang lagi yang akan diangkat atau dilantik oleh Perdana Menteri. Pengarah itu, jika perlu, boleh meminta nasihat dan pandangan daripada Council ini dan apa pun pandangan yang diberi oleh Council ini hendaklah diberi pertimbangan, tetapi dengan syarat ini terpaksa dibuat dan Pengarah itu tidak semestinya mengambil tindakan atau bersetuju atau mengikut pandangan-pandangan yang diberi oleh Council itu.

Berkenaan dengan membuat Undang-undang, undang-undang akan dibuat oleh Raja Negeri itu dengan cara regulations sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Rang Undang-undang ini. Kuasa juga diberi

kepada Perdana Menteri membuat rules berkenaan dengan perkara-perkara yang tertentu dan yang lain-lain, jika perlu.

Satu perkara dan tentu Ahli-ahli Yang Berhormat hendak tahu ialah berapa lama pemerintah yang dikatakan ala-Mageran ini berjalan. Kenapa tidak disebutkan di dalam Rang Undang-undang ini, bulan dan tahunnya. Ini tentulah tidak wajar dibuat demikian, kerana kita tak tahu berapa lama keadaan di negeri Kelantan itu akan pulih supaya boleh diserahkan balik kuasa-kuasa ini kepada kuasa-kuasa yang patut menerimanya. Itulah sebabnya tidak disebutkan. Tetapi kuasa membatalkan kuatkuasa Undang-undang ini adalah terletak di tangan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan sebagaimana yang diketahui to repeal kepada Rang Undang-undang ini akan dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong mengikut nasihat Kabinet. Tentulah Kabinet lebih mengetahui samada keadaan itu sudah pulih ataupun tidak supaya kuasa-kuasa ini diserahkan balik kepada orang negeri itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, rasa saya telah jelaskan tujuan dan maksud Kerajaan mengemukakan Rang Undang-undang ini dan saya telah menerangkan iaitu jauh daripada kita hendak merangkum kuasa-kuasa daripada Negeri-negeri, sebaliknya kalau boleh dielakkan beban tanggungan ini dan Kerajaan Pusat tidak hendak menanggungnya.

Oleh yang demikian, daripada hasrat dan dari pandangan-pandangan yang datang daripada hati saya yang suci ini, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini akan memberi sepenuh-penuh pertimbangan dan sedalam-dalam pandangan pada masaalah merbahaya yang akan berlaku dan mungkin berlaku.

Saya tahu tentu ada hujah-hujah dari pihak-pihak yang tidak bersetuju dengan Rang Undang-undang ini menyatakan Rang

Undang-undang ini tidak perlu kerana perkara-perkara keseimbangan saya itu mungkin tidak terjadi. Alhamdulillah kalau benda-benda yang saya bimbangkan itu tidak terjadi, saya akan berkenduri, saya akan membaca doa selamat. Tetapi kalau benda itu terjadi, bukan orang yang mengatakan tidak perlu yang akan bertanggungjawab di dunia dan di akhirat, malah saya sendiri dan rakan-rakan saya di dalam Kerajaan Persekutuan yang akan menjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan saya yang ringkas ini, saya mencadangkan bahawa saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang ini supaya dibaca bagi kali yang kedua. (*Tepuk*)

8.12 mlm.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul tersebut.

Perkara yang perlu dipertimbangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari ini adalah merupakan satu perkara yang aneh dan pahit. Ketika kita bersama-sama berkumpul di Dewan yang mulia ini yang melambangkan lunas-lunas demokrasi negara kita, pada masa yang sama juga kita diminta untuk menimbangkan satu Usul yang bertentangan dengan tradisi ini. Yang anehnya, Tuan Yang di-Pertua, kita bermesyuarat mengikut proses demokrasi untuk meluluskan satu Usul yang pada zahirnya merupakan suatu pemerintahan yang tidak berdemokrasi.

Sesungguhnya, Tuan Yang di-Pertua, kenapakah Dewan ini terpaksa menempuh dugaan ini? Adakah kita, dengan sekelip mata sahaja, cuba hendak menamatkan sistem pemerintahan yang demokratik? Adakah kita telah hilang kepercayaan terhadap Kerajaan yang diwakili? Atau dengan lain-lain perka-taan, adakah peristiwa yang berlaku di Kelantan dulu, dua bulan yang lepas telah menjejaskan perspektif kita?

Jawapan kepada persoalan ini, Tuan Yang di-Pertua, bukanlah diselubungi oleh mystery. Alasan-alasannya sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adalah cukup jelas.

Fungsi utama Kerajaan yang bertanggung-jawab, adalah untuk menentukan keselamatan negara dan menentukan keamanan dan ketenteraman sentiasa ujud. Tidak sebuah pun organisasi sosial dan apa jua bentuk Kerajaan akan terselamat jika sekiranya tidak ujud apa yang dikatakan "Law and Order". Masyarakat demokratik tidak ujud di dalam 'vacuum' dan Kerajaan yang dipilih oleh rakyat tidak akan memberi erti jika suasana di dalam masyarakat itu tidak membenarkan rakyat diwakili dengan sebenarnya.

Di Kelantan pada hari ini, sungguhpun terdapat Majlis Perundangan Negeri, akan tetapi ujud pula suatu krisis. Perbezaan ideologi politik telah memecah-belahkan rakyat hingga tercetusnya trajedi yang belum pernah didengar sebelumnya. Tunjuk-tunjuk perasaan dan rusuhan, telah berlaku, emosi dan sentimen dibiarkan menguasai pemikiran.

Yang paling penting sekali, Tuan Yang di-Pertua, peristiwa-peristiwa ini telah menjejaskan kestabilan dan keselamatan negara. Nyawa dan hartabenda adalah dalam bahaya. Kominis-kominis dan anasir anti nasional telah diberi peluang untuk mengeksploitasi sentimen agama, untuk menimbulkan rasa benci di antara satu bangsa dengan yang lain.

Sanggupkah kita menafikan bahawa suasana ini ujud di Kelantan pada hari ini? Apakah ini bukan merupakan sesuatu krisis, patutkah kita hanya berpeluk tubuh dan membiarkan sahaja peristiwa ini berlaku, yang menyebabkan kerosakan demi kerosakan?

Tuan Yang di-Pertua, untuk memerintah negara di masa aman memerlukan kepintaran, akan tetapi untuk memerintah Negara di masa krisis memerlukan keberanian

juga. Kerajaan ini tidak akan lari dari tanggungjawabnya. Ia akan berbuat apa jua yang patut untuk mempertahankan keselamatan negara dan menentukan keamanan dan ketenteraman supaya proses amalan masyarakat dapat berjalan seperti biasa.

Pemerintahan darurat adalah merupakan langkah terakhir dalam sistem Kerajaan berdemokrasi. Jika ianya kerap kali dijadikan alasan untuk campurtangan Kerajaan Pusat, jika ianya digunakan bagi perkara-perkara yang kecil sahaja, maka tidak siapa, walaupun Kerajaan ini sendiri dapat mengadilnya. Tetapi fakta-fakta yang ada telah membuktikan dengan sendirinya. Kerajaan Perikatan — sebelum terbentuknya Kerajaan Barisan Nasional — telah menjalankan pemerintahan darurat sekali sahaja, dan telah dengan secara sukarela mengembalikan semula pemerintahan tersebut kepada rakyat sebaik sahaja keadaan mengizinkan. Hakikat yang sama perlu dijalankan di Kelantan kerana tidak ada jalan keluar untuk menyelesaikan krisis ini.

Tuan Yang di-Pertua, janganlah kita menganggap bahawa tanggungjawab Kerajaan terhadap pemerintahan demokrasi, adalah tidak tegas disebabkan oleh Usul ini. Kerajaan akan terus terlibat dengan sepenuhnya kepada semangat dan tujuan perlembagaan kita, tetapi ia tidak ingin membiarkan unsur-unsur demokrasi itu sendiri untuk melumpuhkan tenaganya hinggakan tidak dapat berbuat apa-apa jika timbul satu-satu krisis. Satu-satu Kerajaan hendaklah memerintah. Sekali ia mengabaikan tanggungjawabnya, ia tidak lagi merupakan Kerajaan. Kita tidak sanggup berbuat demikian.

Kerajaan Barisan Nasional akan terus menggunakan kepimpinannya di Negara ini. Antara kita yang tinggal di dalam Parti ini, mempunyai kesedaran penuh terhadap rakyat. Dalam tempoh dua puluh tahun lebih kita telah bekerjasama dan telah membuktikan Perikatan kita dalam memberikan kepimpinan politik kepada negara. Kita sama-sama

memikul beban untuk menyatupadukan berbagai-bagai kaum di negara ini dan menjalankan satu corak pemerintahan yang dapat diterima oleh semua kaum.

Inilah apa yang akan kita teruskan, di Kelantan, dan di tempat-tempat lain. Kita telah berjanji untuk menentukan bahawa pembangunan tidak akan terbantut disebabkan oleh politik dan rakyat Kelantan akan dapat peluang yang sama dengan rakyat di lain-lain negeri untuk memperbaiki taraf hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul tersebut.

#### 8.26 mlm.

**Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda (Nilam Puri):** Bismilla hirrahmanirrahim. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan izin untuk saya bercakap dalam Majlis ini dan ini adalah ucapan saya yang pertama sekali sesudah hampir lima tahun. Saya duduk di dalam Rumah ini sebagai anggota yang dipilih oleh rakyat dari kalangan Barisan Nasional. Ini ialah disebabkan pada masa-masa yang lepas saya adalah salah seorang daripada anggota Kerajaan. Segala ucapan saya ialah ucapan Kerajaan. Tetapi pada hari ini, syukur Alhamdulillah, saya dapat mengemukakan pendapat saya dan pendapat Parti saya yang mungkin di dalam beberapa hal tertentu ada perbezaan sedikit-sebanyak dengan pendapat Kerajaan.

Semenjak negara kita ini merdeka, fasal yang bernama Fasal 150 ini telah tiga kali digunakan orang. Samada digunakan orang secara baik atau secara tidak baik, ia telah digunakan. Dengan tiga kali ujudnya keadaan darurat di negara kita bermakna pergantungan kepada semua kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan demokrasi berparlimen dalam negara kita. Inilah kali yang keempatnya iaitu Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita pada masa sekarang. Empat kali

jumlahnya dengan yang ada sekarang ini telah diisytiharkan. Mungkin ada beberapa kali lagi dalam sejarah tanah air kita ini pada masa-masa yang akan datang akan menemui dan menempuh pengisytiharkan darurat; dengan sebab-sebabnya yang tersendiri, samada sebab-sebab yang mendatang atau didatangkan. Kesemuanya ini akan tercatat di dalam sejarah tanah air kita. Jenerasi kita yang akan datang akan membaca dan mengkajinya dan kemudian menghukumnya samada kesemua darurat atau emergency yang telah diisytiharkan itu sebenar-benar emergency atau darurat atau hanya "Emergency of Convenience".

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita meneliti kenyataan-kenyataan yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, kita dapat melihat dan menyaksikan dari jauh tentang jumlah angka-angka manusia yang ditangkap dengan sebab-sebab melanggar perintah berkurung dengan sebab-sebab berkumpul secara haram, dengan sebab-sebab melakukan rusuhan membawa senjata berbahaya dan sebagainya. Cuba kita lihat perbezaan antara tanggal 31hb. Oktober dengan tanggal 5hb November; antara 31hb Oktober dengan 5hb November tiada berlaku sebarang kekacauan. Tetapi yang ditangkap bertambah sebanyak 54 orang. Pada 31hb Oktober yang ditangkap 234 orang, sedangkan kenyataan Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri kita tadi setakat 5hb November, yang ditangkap 288 orang; bertambah 54 orang. Yang cedera tidak bertambah, justeru kerana tidak berlaku sebarang rusuhan antara waktu yang saya sebutkan tadi. Yang lain-lain itu adalah tangkapan yang bertambah kerana melanggar perintah berkurung atau sebagainya. Adapun kerosakan rumah-rumah kedai, lori, motokar, motosikal dan pondok polis tidak berubah angkanya pada 31hb Oktober dengan angka pada 5hb November; menunjukkan tidak ada berlaku sebarang rusuhan. Jelaslah bahawa apa yang berlaku tangkapan sekarang ini adalah lanjutan dari usaha pihak keselamatan untuk menambahkan tenteram lagi keadaan di Kelantan di mana orang-orang yang terlibat yang belum dapat ditangkap atau

dicekup di mana orang-orang yang melakukan rusuhan, yang melarikan diri tetapi diketahui oleh pihak pasukan keselamatan dapat dipungut satu demi satu, dari sehari ke sehari.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Apa yang berlaku sehari dua ini adalah usaha yang amat tinggi nilainya yang dilakukan oleh pasukan keselamatan kita, yakni pasukan polis, dalam menyelesaikan kerja-kerja rusuhan yang telah dilakukan oleh kalangan-kalangan yang tertentu yang terdahulu dari itu. Memang benar, saya sependapat dengan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Perdana Menteri, bahawa polis telah ditambah.

Pada 31hb Oktober, jumlah polis di negeri Kelantan 4,839 orang.

Pada 5hb November jumlah polis sudah bertambah lagi menjadi 5,489 orang. Antara 31hb Oktober dengan 5hb November tidak berlaku sebarang kekacauan, tetapi jumlah polis bertambah. Mungkin barangkali pertambahan yang banyak ini untuk melakukan usaha-usaha bagi memungut dan mengutip saki-baki orang-orang jahat dan nakal yang melakukan kerja-kerja yang tidak berperikemanusiaan dan kerja-kerja yang dibenci oleh orang-orang yang setia, yang dibenci oleh negara, yang dibenci oleh Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri sendiri, dan yang dibimbangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Sebenarnya masih banyak lagi orang-orang yang terlibat itu yang perlu dibersihkan dan diadili setimpal dengan kesalahannya jika terbukti kesalahannya. Malah, di dalam Dewan yang mulia inipun ada orang-orang yang terlibat itu hadir; tidak sebagai Ahli Dewan tetapi sebagai pemerhati.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh mengambil sejarah kejadian rusuhan di Kelantan itu bermula dari sidang Dewan Undangan Negeri di mana undi tidak percaya

dilakukan terhadap Menteri Besar. Kita terpaksa jauh kembali kebelakang — jauh kembali kebelakang — tetapi kalau terlalu jauh, terlalu panjang ucapan ini jadinya. Biarlah sedikit. Kita melihat rapat umum pada 24hb. September di Padang Merdeka, Kota Bharu, di mana yang disiarkan oleh akhbar-akhbar jumlah yang menghadiri rapat umum itu 80,000 orang. Bagi orang yang tidak pernah melihat dan hadir menyaksikan sendiri tempat di mana rapat umum itu diadakan jumlah 80,000 itu boleh dipercayai. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Padang Merdeka, Kota Bharu itu mesti dibuat 4 tingkat (4-storey Padang Merdeka) baharu boleh diisikan 80,000 manusia, sedangkan pada hari itu Padang Merdeka itupun tidak penuh, kalau ada pun separuh daripadanya — separuh daripada yang ada hadir itu anak-anak sekolah yang tidak mencapai umur dewasa, yang sengaja dikerah untuk menghadirinya. Itu satu.

Yang kedua, apakah sekarang ini polis sudah membenarkan rapat umum? Parti-parti politik di dalam Barisan Nasional sendiri pun belum pernah mendapat izin mengadakan rapat umum. Tetapi rapat umum di Padang Merdeka itu berjalan dengan begitu lancar yang boleh disifatkan sebagai rapat umum haram, tetapi menyifatkan semata-mata belum bererti memberi satu kesan yang positif.

Rapat umum di Padang Merdeka dilakukan oleh orang-orang yang tertentu, dengan menggunakan alat-alat pembesar suara kepunyaan pemerintah sendiri; diurus, ditadbir oleh pegawai-pegawai pemerintah sendiri. Alhamdulillah, tidak adalah berlaku sebarang kekacauan. Ini diikuti oleh rapat umum pada 28hb September di Padang Pasir Mas, juga demikian dari segi jumlahnya terlalu diragukan seperti saya sebutkan tadi. Tetapi orang-orang tertentu mengambil bahagian dalam rapat umum yang mungkin dianggap oleh pihak pasukan keselamatan sebagai rapat umum haram juga di mana alat-alat untuk kesempurnaan rapat umum itu digunakan

dari alat-alat pemerintah atau Kerajaan atau negara kita sendiri. Dengan berpandukan kepada dua contoh ini sahaja dengan tidak payah kita menyatakan bagaimana rapat umum itu boleh terjadi sedemikian rupa; kita dapat mencium bau apa yang ada di sebaliknya itu. Bak kata orang, berkilat ikan di air sudah ketahui jantan dan betinanya.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang menjadi pemimpin dalam rapat-rapat umum itu sampai sekarang ini bebas bergerak, bukan sahaja bebas bergerak dalam masyarakat di luar daripada bandar Kota Bahru, malah ada di antara mereka yang bebas bergerak waktu curfew sekalipun kerana mereka dapat curfew pass untuk berjalan, sedangkan ada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang tidak mendapat curfew pass sedemikian baik.

Tuan Yang di-Pertua, baharulah pada 15hb Oktober undi tidak percaya di Dewan Undangan Negeri dilaksanakan, seruan-seruan melalui kertas-kertas, surat-surat siberan serta melalui poster-poster diedarkan campur dengan melalui syarahan-syarahan diadakan di merata kampung, mengarah rakyat datang seramai yang boleh untuk berkumpul, untuk menjadi hakim. Itulah hari bermulanya peristiwa ini iaitu hari menetasnya telur yang telah dieramkan selama ini. Pada hari itulah belang-belang yang sebenarnya telah mulai tergambar. Tunjuk perasaan telah berlaku, yang menarik bukan sahaja oleh dunia Malaysia tetapi juga oleh dunia-dunia di luar Malaysia. Gambar-gambar yang disiarkan di dalam akhbar-akhbar di luar negeri dapat dipilih satu-persatu wajah bentuk perawakan muka tiap-tiap seorang yang ada di dalam gambar itu yang di antaranya ada di dalam Dewan ini, yang masih bebas bergerak.

Tuan Yang di-Pertua, di luar daripada soal kenapa itu semua berlaku, Negeri Kelantan belum pernah mengalami peristiwa besar. Sewaktu kejadian 13 Mei, 1969 Kuala Lumpur bermandi darah, api menjulang ke langit, rumah terbakar, nyawa terbang, Negeri Kelantan tidak berlaku kejadian seperti ini.

Rakyat Kelantan tidak ingin melihat darah tertumpah ke bumi dan nyawa hilang. Sayangnya orang yang cinta kepada keamanan terhadap nyawa manusia sama nilainya dengan sayang Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri sendiri kepada nyawa manusia sebab nilai ukuran kita itu dihukum dan dinilai oleh Allah Subhanahu Wataala sendiri. Kenapa 13 Mei di mana pada 15hb Mei disyitiharkan darurat, Negeri Kelantan tidak berlaku? Kalaulah benar seperti apa yang didakwakan oleh penyokong Usul itu baru sebentar tadi yang telah mengungkitkan kembali tentang apa yang dikatakan mengeksploitasikan sentimen agama oleh golongan-golongan anti-nasional — tidak pernah berlaku. Barangkali ucapan yang ringkas yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Buruh baru sebentar tadi berpandu kepada gambaran yang berlaku di Kelantan; pada 19 haribulan Oktober, 1977 rusuhan merosakkan Dewan Undangan Negeri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan, 20 haribulan rusuhan berlaku di Pasir Mas, 21 haribulan di Machang dan Tanah Merah, 22 haribulan di Kubang Krian dan Pasir Putih, 23 haribulan Kuala Krai, 24 haribulan Bachok. Kuala Krai tidak sempat berlaku kerana polis sempat mengambil tindakan tegas, demikian juga Bachok, demikian juga Machang. Inilah tiga tempat yang selamat. Saya dengan besar hati memberikan tabik hormat kepada Ketua-ketua Polis yang menjaga keamanan bagi ketiga-tiga tempat itu.

Berpandukan kepada kejadian-kejadian ini, 35 buah rumah yang binasa. Rumah itu termasuk istilah kedai. Sebahagian besar daripada rumah-rumah itu adalah milik orang-orang Tionghua, termasuk rumah yang dimiliki oleh Ketua Pemuda MCA di Pasir Putih itu sendiri. Apakah ini yang menjadi panduan Yang Berhormat Menteri Buruh yang membabitkan masaalah mengeksploitasikan dan membabitkan masaalah terbitnya soal permusuhan perkauman yang sangat-sangat digerun sehingga menjadi momok kepada kita bersama. Inilah soalnya yang sebenar, Tuan Yang di-Pertua. Soal kenapa rusuhan itu

boleh merebak. Saya sependapat dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kejadian tunjuk perasaan dan rusuhan yang berlaku di Kelantan itu memang hebat. Saya sependapat dengan beliau, memang hebat. Tetapi ada dua perkara yang mesti dikaji. Pertama, kenapa ia berlaku sedemikian? Yang kedua, betapakah kehebatannya yang sebenar sehingga membolehkan kita memperkosa Fasal 150 Perlembagaan sekali lagi untuk mengwujudkan kuasa darurat bagi mengambilalih pemerintahan Negeri Kelantan seperti Bill yang ada di hadapan kita ini, di mana walaupun kuasa Raja telah disebut tetapi dalam Fasal 6 merupakan pengurangan sama sekali akan kuasa Raja. Pada dan dalam keadaan biasa, di luar daripada kuasa darurat semua keputusan daripada Exco Negeri hendaklah diluluskan oleh Raja tetapi dalam Fasal 6 ini, Raja Negeri adalah berhak atas permintaannya mendapat apa-apa maklumat berkenaan dengan Kerajaan Negeri yang boleh didapati oleh Pengarah. Kalau tidak diminta mungkin tidak diberi dari segi maksud ayat itu sendiri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengkaji peristiwa rusuhan itu sendiri dan berpandukan pula kepada beberapa laporan yang mungkin boleh dipercayai, jelaslah bahawa rusuhan yang berlaku itu tidak 100% malah tidak sampai 50% dilakukan oleh anak-anak tempatan tetapi sebahagiannya dilakukan oleh professional demonstrators yang diimpot dari Kuala Lumpur dan juga troublemakers yang diimpot daripada Selatan Thai. Ada kira-kira hampir 500 orang, orang-orang yang ahli dalam kerja-kerja seperti ini dibawa masuk dari Selatan Thai, dan berpuluh buah bas dengan tambah \$6.00 seorang pergi balik, dan ada yang free, diangkut daripada Kuala Lumpur dari kalangan tertentu yang mendapat hotel free di Kota Bharu, yang mendapat wang poket \$8.00 seorang, siapa di belakangnya? (*Tepuk*) Segagah mana orang yang di belakang itu dengan kewangannya sampai dapat membiayai bagi melahirkan peristiwa yang begini hebat untuk membuktikan kepada dunia bahawa Kelantan sudah

begitu gawat, sudah tidak ada ubat selain daripada ubat yang bernama kuasa darurat. Dahulu ubat ini telah pernah dicuba di Negeri Sarawak, mujarab atau tidak, itu saya tidak mahu cerita hal Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pergi jauh, saya masih ingat beberapa ketika iaitu beberapa hari yang lepas, beberapa minggu yang lepas mungkin, seorang Ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang telah mengemukakan suatu Usul untuk menangguhkan Dewan ini bagi membincangkan perkara-perkara yang penting demi untuk kepentingan orang ramai. Tetapi Usul itu ditolak oleh Tuan Speaker dengan alasan bahawa keadaan di Negeri Kelantan itu telahpun tenteram. Dan hari ini kita telah didedahkan dengan satu Bill dan penjelasan bahawa sebenarnya Kelantan tidak tenteram. Apakah Tuan Speaker yang tidak mendapat maklumat yang cukup sampai menolak usul daripada seorang Pembangkang atau Majlis pada hari ini diberikan maklumat yang tidak betul sehingga terpaksa Bill ini dibentangkan. Ini ada dua perkara yang ada kait-mengait.

Saya sependapat dengan Tuan Speaker bahawa keadaan di Kelantan tenteram. Memang pihak Kerajaan boleh mengatakan bahawa ketenteraman di Negeri Kelantan itu disebabkan oleh polis yang dihantar berlipat-ganda daripada 1,000 lebih polis biasa yang ada di Kelantan sudah berjumlah 5,000 dan kalau polis ini ditarik balik apalah akan berlaku di Negeri Kelantan. Bertumpah darahlah yang akan berlaku di Kelantan. Rusuh lagilah. Banyaklah rumah yang binasa, banyaklah motokar yang akan dibakar, banyaklah lori yang akan dihancurkan. Boleh kita berkata demikian. Tetapi kalau orang-orang yang menjadi "leader" menjadi pemimpin, samada terang atau gelap, samada secara lahir atau secara batin, samada yang zahir di tengah-tengah orang ramai atau bersembunyi di sebalik daun lalang ditangkap dan diadili mengikut undang-undang negara, polis yang banyak itu boleh ditarik balik. Biarlah polis biasa menjaga Kelantan itupun cukup.

Satu bukti, Tuan Yang di-Pertua, rumah Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar diserang orang pada 22hb Oktober, 1977, bertepatan dengan hari Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, Timbalan Perdana Menteri melawat dan menziarah ke Negeri Kelantan untuk melihat dari dekat suatu peristiwa atau satu pesta rusuhan sedang berlaku. Rumah Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar Kelantan memang diletakkan polis bagi mengawasinya. Tetapi polis yang mengawal rumah itu tidak diberikan arahan untuk bertindak! Dengan demikian waktu rumah itu diserang orang polis yang mengawal itu sendiri mencari tempat berlindung diri. Sampai rumah Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar, rumah selapis dimasuki sampai ke dalam rumah. Sebelum itu kepada seorang pegawai polis yang bertanggungjawab diminta bantuan. Tetapi perkecohan telah berlaku, sampai Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar kata kalau polis tidak dapat tolong saya terpaksa menembak. Dan dijawab oleh polis — terserah kepada saudaralah mahu menembak atau tidak. Kalau saudara tidak puas hati apa yang saya buat, saudara boleh bawa perkara ini ke dalam Parlimen. Sedangkan dia tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar bukan seorang Ahli Parlimen.

Bila keadaan begitu panas, perusuh-perusuh sudah masuk ke dalam kawasan pagar, Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar melepaskan tiga das tembakan ke atas; pegawai polis yang bertanggungjawab berkejar ke rumah dan mengambil pistol dari tangan Timbalan Menteri Besar dan membawa pergi simpan. Bukan rampas — mengambil!! Dan Timbalan Menteri Besar terpaksa bersetuju memberikannya. Akibat daripada itu penyerang-penyerang itu makin bertambah naik semangat. Memang ramai polis yang berkawal di jalanraya, di muka depan tetapi rumahnya jauh ke belakang. Serangan datang dari belakang. Polis berkawal di depan. Tiap kali cermin rumah Timbalan Menteri Besar pecah dibaling batu

ataupun dilastik, tiap-tiap kali tepuk orang ramai di luar yang bukan orang tempatan. Dan polis berdiam diri kerana tidak ada perintah. Rumah Timbalan Menteri Besar sudah dimasuki orang. Tingkapnya sudah dipecah dan besi jaring tingkap sudah dihantuk dengan kayu sampai tercabut dan terus masuk ke dalam bilik tidur. Timbalan Menteri Besar terpaksa mengunci biliknya, dan berada di corridor bersama dengan anak buahnya. Barulah ketika itu yang kalau 30 detik lagi tiada datang bantuan polis, Allah sahaja yang maha mengetahui. Barangkali Perdana Menteri kita pun akan menangis dan ternampak betapa tatkala dia menghadapi wajah Tuhannya di akhirat kelak untuk menjawab tentang kematian seorang manusia akibat daripada rusuhan yang telah direncanakan sedemikian rupa. Mujurlah seorang pegawai polis yang didatangkan dari Kuala Lumpur — biarlah saya sebutkan namanya untuk memberi penghormatan kepada beliau — Encik Zaman Khan, Pegawai Siasatan Jenayah Negeri Selangor dengan keceragasannya sendiri, tidak sampai lima minit perusuh yang dikatakan ramai itu semuanya bertaburan lari. Dan ada yang dapat ditangkap di dalam rumah itu dengan tangan Encik Zaman Khan sendiri. Kenapa kejadian atau tindakan seperti itu tidak bermula dari awal. Takut timbul reaksi. Takut polis dituduh provokasi. Tetapi harta orang ramai dikerasi? Tidak menjadi persoalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tiada di Kota Bharu pada hari itu. Saya berada di Kuala Lumpur. Saya mendapat S.O.S. daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar Kelantan sebab dari jam pagi sampai pukul 1.30 tengahari dia hanya berlindung di corridor rumahnya. Untuk mencari air minum pun tidak dapat. Tidak ada siapa yang dapat membantu. Alasannya begitu ramai perusuh. Polis tidak berupaya untuk menghantar sebuah Land Rover atau sebuah kereta perisai untuk mengeluarkan keluarga Timbalan Menteri Besar itu dari rumahnya.

Satu hal yang aneh yang tidak terfikir dalam

kepala kita ini, betapalah perangai manusia boleh berubah sedemikian cepat, dari sifat-sifat kemanusiaan yang biasa kepada sifat-sifat kemanusiaan yang luar biasa. Kambing-kambing belaan Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar dengan ayam Turkeynya dibawa dan disembelih di sebuah sekolah. Kenduri besar — ghanimah, katanya. Ini rampasan perang. Di makan ramai-ramai. Aneh, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengkaji sejarah Negeri Kelantan seperti yang saya katakan tadi, hal seperti ini tidak mungkin berlaku. Sekarang ini anak-anak sekolah, cuba kita lihat kenyataan Perdana Menteri sendiri. Di antara yang ditangkap, bukan yang terlibat. Ditangkap tiga penuntut universiti. 45 penuntut sekolah menengah. Ini yang dapat ditangkap. Yang tidak atau sebagainya itu masih banyak.

Jiwa anak-anak kita sudah diracuni oleh pertentangan politik yang tidak berfaedah sama sekali. Nama pemimpin dikotori, sehingga anak-anak itu sendiri tidak lagi memikirkan soal belajar kerana sebahagian dari guru-gurunya terlibat secara langsung dalam peristiwa ini. Barangkali Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran lebih tahu dari saya.

Tuan Yang di-Pertua, rusuhan di Kota Bharu berlaku antara 19hb dengan 22hb. Ada di tengah-tengahnya hari yang kosong. Beberapa banyak sekalipun bantuan polis boleh diangkut pada hari-hari yang kosong itu sebab semua orang tahu bahawa pada 20hb rusuhan akan berlaku di Pasir Mas. Circularnya — surat sebarannya sudah ditabur oleh orang-orang yang tertentu, ada dengan tandatangan, yang orang itu masih bebas merdeka dalam masyarakat. Pada hal dia yang memimpin.

Kenapa itu tidak dapat ditahan? Kenapa orang boleh berarak, berdemonstrasi dan merusuh di Pasir Mas? Sampai beberapa buah kedai China habis dibaling batu termasuk kedai kepunyaan Yang Amat Berhormat

Datuk Menteri Besar sendiri, kerana perusuh tidak tahu itu kedainya, kerana China yang menyewanya. Kenapa lepas itu sampai boleh berlaku di Machang dan kenapa perintah berkurung hanya dilaksanakan di bandar Kota Bharu dan di Kubang Kerian sahaja. Memang saya sependapat dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa perintah berkurung itu menyiksakan rakyat yang mencari makan yang kais pagi makan pagi dan sebelah petang tidak boleh mengais maka tidak boleh makan, perutnya kosong — itu pendapat saya. Tetapi tidakkah sekarang ini perintah berkurung telah dilonggarkan sampai 9.00 malam baru perintah berkurung itu dimulai. Mengais petang tidak wujud lagi dah, cuma kalau hendak mengais malam. (*Ketawa*) Di sinilah timbulnya persoalan, seteruk manakah keadaan yang ada sekarang ini sampai kita hendak membawa undang-undang ini.

Saya teringat, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Timbalan Perdana Menteri berziarah ke Kelantan yang saya sebutkan tadi, memang ada dua orang pemimpin PAS dibawa bersamanya dan saya merestuinnya. Kedapatan bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri hadir di rumah No. 10. Rumah No. 10, Tuan Yang di-Pertua, ialah rumah Kerajaan, bekas rumah kediaman Menteri Besar. Saya pernah tinggal di rumah itu selama hampir 9 tahun. Di rumah inilah Timbalan Perdana Menteri menemui pemimpin-pemimpin apa yang dinamakan Barisan Bertindak Rakyat yang dapat dicamkan satu-persatu. Pemimpin PAS dua orang ada hadir sama, tetapi bukan dalam perbincangan, sebab mereka datang daripada perbincangan di rumah saya pada 22hb, tatkala rumah Timbalan Menteri Besar selesai diserang dan curfew pun berlaku, orang pun bersurai, sebahagian daripada yang bersurai itu menuju ke rumah saya dan rumah saya menjadi sasaran serangan itu. Tidak banyak yang rosak, alhamdulillah syukur. Hanya sekeping dua kaca pecah di baling batu, itu tercubit-cubit sedikit tidak apa. Nasib baik kerana polis cepat datang — selamat. Pada masa kejadian

itu dua orang pemimpin PAS itu ada di rumah yang dibawa oleh polis pergi ke rumah No. 10 di ketika mana Timbalan Perdana Menteri sedang berunding dengan pemimpin-pemimpin apa yang dinamakan Barisan Bertindak Rakyat.

Saya minta maaf terpaksa menyebut atas capacity apakah Timbalan Perdana Menteri bertemu dengan pemimpin-pemimpin Barisan Bertindak Rakyat? Apakah pertemuan itu atas capacitynya sebagai Timbalan Perdana Menteri? Kalau itulah capacitynya *de facto* Kerajaan Malaysia mengakui wujudnya Barisan Bertindak Rakyat yang tidak pernah didaftarkan yang disifatkan sebagai haram. Kalaulah Timbalan Perdana Menteri menemuinya atas capacitynya sebagai Timbalan Presiden UMNO, bolehkah kita mengatakan bahawa UMNO mengakui wujudnya Barisan Bertindak Rakyat itu? Paling kurang atau mungkin orang dapat menuduh, mungkinkah ada sesuatu seperti kata orang, "Ada undang di sebalik batu". Inilah fikiran yang ada di dalam kepala orang ramai sekarang, pemimpin-pemimpin itu sudah dikenali, orang inilah yang memimpin demonstrasi, orang inilah yang memimpin rapat umum, orang inilah juga yang memimpin rusuhan, walaupun tidak ke depan mukanya. Kalau orang-orang yang seperti itu dan rakan-rakannya yang masih ada disebalik itu dapat polis amankan buat sementara waktu, insya Allah dengan izin Allah s.w.t. yang dibimbangkan oleh Perdana Menteri kita tidak mungkin akan berlaku. Jangan kita terlalu panic menghadapi keadaan, sampai terpaksa kita hendak memperkosakan Perlembagaan kita sendiri, sudah tiga kali Perlembagaan kita digunakan mungkin pada 15hb Mei, 1969 itu wajar tetapi inilah apa yang berlaku sekarang ini akan dikatakan orang sebagai satu Emergency of Convenience.

Tuan Yang di-Pertua, latar belakang ini terpaksa saya terangkan untuk mendapat suatu gambaran yang begitu terang. Apakah sebenarnya yang berlaku di Kelantan? Saya tidak menyalahkan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Sri Perdana Menteri kita,

kerana beliau tidak pergi ke Kelantan dan tidak menyaksi serta melihat sendiri. Beliau hanya dihulurkan kenyataan-kenyataan oleh orang-orang yang tertentu, mungkin dengan tujuan-tujuan tertentu atau mungkin dengan tujuan-tujuan yang baik. Tetapi gambaran yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru sebentar tadi gerun rasa hati kita mendengarnya. Rakyat seluruh Malaysia akan berasa gerun kerana disiarkan dalam talivisyen sebentar tadi, terasa bagi rakyat Malaysia betapa negeri Kelantan sekarang ini dilanda, bukan banjir, tetapi dilanda oleh rusuhan demi rusuhan, dilanda oleh penyakit hendak membunuh antara manusia, dilanda oleh penyakit hendak bertumpah darah, terasa satu gambaran yang paling menakutkan. Tetapi malangnya waktu perbincangan ini berjalan, kamera talivisyen telah mematikan suisnya (*Ketawa*) maka suara kita inipun tinggallah, rupa kita ini tinggallah dalam Rumah yang mulia ini sahaja.

Belum pernah lagi berlaku dalam Dewan yang mulia ini sejak saya menjadi ahli Dewan semenjak tahun 1959 talivisyen memainkan peranan untuk mengambil ucapan seseorang pemimpin kecuali dalam perkara-perkara yang tertentu seperti Budget dan sebagainya. Tetapi itu satu hal biasa — tak apalah kita tidak perlu publicity, yang perlu diketahui oleh orang ramai ialah apa yang digambarkan tentang Kelantan sekarang ini tidak sehebat itu. Sebab itulah maka Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua tidak membenarkan dan tidak meluluskan permohonan Ahli daripada Pembangkang untuk menangguhkan Dewan pada satu ketika yang lalu bagi membahaskan perkara yang dianggap kepentingan umum iaitu krisis di negeri Kelantan, kerana Tuan Yang di-Pertua mengakui dan mengetahui keadaan yang sebenarnya. Saya tidak fikir tempoh jarak antara hari permohonan untuk ditangguhkan Dewan bagi membahaskan perkara penting dengan hari ini merupakan jarak yang begitu jauh sehingga perbezaan waktu itu tenteram dengan waktu sekarang yang tidak tenteram sedemikian rupa hebatnya, sehingga memerlukan undang-undang

ini dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, di mana justifikasinya dalam masalah ini? Di mana justifikasinya terhadap tindakan kita untuk mendaratkan sebuah negeri? Apakah tidak mungkin orang akan membuat satu justifikasi yang berlainan dengan mengatakan bahawa tindakan ini mengandungi unsur-unsur politik walaupun Yang Amat Berhormat mengakui dengan perkataan demi Allah sekalipun, ini tidak bercampur dengan unsur-unsur politik. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat melarikan diri daripada persoalan politik. Rusahankah dia, demonstrasikah dia, pentadbiran tak betulkah dia, pembangunan negarakah dia? Kesemuanya mempunyai pertalian yang erat dengan politik, sebab politik adalah suatu organism yang begitu aktif yang mengaut dan mencangkup kesemua aspek kehidupan manusia. Kalau kita hendak mengatakan bahawa langkah ini diambil bukan kerana politik — payah juga untuk setengah-setengah orang menerimanya, terutamanya sekali barangkali pihak saya dan rakan-rakan saya sendiri.

Sebagai satu contoh, Tuan Yang di-Pertua tahu bahawa perundingan sedang berjalan antara pihak PAS Negeri Kelantan dengan pihak Perdana Menteri yang pada mulanya PAS Negeri Kelantan tidak menyangka perundingan itu dengan Perdana Menteri, sebab kami sangka perundingan itu ialah antara parti dengan parti, mungkin Barisan Nasional, mungkin UMNO, mungkin apa belum tahu, sebab wajahnya belum lihat di mana sewaktu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pergi satu formula dihulurkan kepada Ahli-ahli Perhubungan PAS Kelantan. Dari formula itu dijawab, diterima tetapi penerimaannya ditambah yang baru. Kenapa pada masa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pergi menziarah ke Negeri Kelantan dan bertemu wajah dengan beberapa orang wakil daripada Perhubungan PAS Negeri Kelantan tidak menghulurkan soal Rang Undang-undang ini? Yang dihulurkannya hanya tidak mahu muka

lama, nak muka baru, tetapi UMNO boleh muka lama, jangan muka baru, orang UMNO muka lama tak apa, orang PAS semua muka lama tak boleh, hendak muka baru — tidak pernah dihulurkan. Kalau inilah yang dihulurkan pada hari itu tidak panjang rundingan sampai hari ini boleh dikaji dan dibahaskan dengan baik. Sebab itu sewaktu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberikan surat sesudah berjumpa wajah dengan saya, saya telah menghubungi Kelantan; dan Kelantan, oleh kerana datang suatu cadangan untuk mewujudkan Pegawai Pentadbir Kanan MCS di bawah Undang-undang yang akan diluluskan oleh Parlimen di bawah Undang-undang Darurat; orang Kelantan terkejut, sampai ke situkah kita ini hendak pergi? Dan satu cadangan balas telah dikemukakan bahawa tidak perlu Undang-undang Darurat, boleh orang Kelantan bertolak-ansur demi untuk menjaga keamanan negeri kalau itulah yang menjadi alasannya. Jawatankuasa Keselamatan Negeri yang wujud di bawah Undang-undang Darurat 15hb Mei, 1969 di bawah arahan Perdana Menteri boleh diubahsuai di mana tidak payah Menteri Besar orang PAS yang tak dikehendaki itu menjadi Pengarah Keselamatan Negeri atau menjadi Pengerusi Majlis Keselamatan Negeri. Kalau tak hendak sekalipun mukamuka PAS itu duduk seorang pun boleh orang PAS bertolak-ansur, kalau itulah alasannya untuk keselamatan. Kalau untuk pembangunan, di zaman Allahyarham Tun Abdul Razak telah melantik seorang Pegawai Pembangunan Negeri yang dipercayai benar mempunyai kelayakan dan amanah bagi melaksanakannya. Sebab itu tatkala Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri talipon kepada saya bahawa Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri ingin bertemu dengan Wakil-wakil Perhubungan PAS Negeri Kelantan, itupun kalau sudi, kata beliau iaitu cara orang Melayu bercakap memanglah berlapiknya itu, ada-ada etiket-etiket yang tidak punya erti — “kalau sudi”. Saya kata boleh diikhtiarkan. Datuk pun boleh sama. Insyallah, kata saya. Pada anggapan orang-orang PAS di Kelantan jawapan daripada PAS

itu akan ikut dibahas dan dibincangkan. Katanya, Perdana Menteri yang menjemput. Maka hadirilah 5 orang wakil dari PAS Kelantan dan saya ikut sama bersama seorang kawan lagi — yang di sebelah saya ini. Saya terpaksa bertanya kepada Perdana Menteri yang menjadi Pengerusi, apakah sifatnya pertemuan kita hari ini. Maka dijawablah, pertemuan hari ini ialah di antara Perdana Menteri Malaysia dengan PAS. Saya betulkan balik, bukan dengan PAS, dengan PAS Negeri Kelantan. Kalau dengan PAS Pusat, saya belum bawa rundingan lagi, sebab yang diminta PAS negeri — Ya, PAS Negeri Kelantan. Tetapi cuba kita lihat komposisi....

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat bercakap 50 minit sudah dalam hal latar-belakang yang menyebabkan dibawa Rang Undang-undang ini. Memang saya boleh benarkan menyatakan sebab-sebab mengapa Rang Undang-undang ini dibawa tetapi sudah patut sampai masanya dibahaskan terus kepada usul ini, iaitu Rang Undang-undang ini.

**Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda:** Ya, sudah sampai ke situ, Tuan Yang di-Pertua — sudah sampai ke situ sekarang.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ya, sila teruskan!

**Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda:** Terima kasih. Komposisi dalam Dewan itu ialah di tengah-tengah Perdana Menteri, di kanannya ialah Setiausaha Barisan Nasional, di kirinya Setiausaha UMNO sedangkan Timbalan Perdana Menteri berhadapan dengan saya di pihak UMNO, seolah-olah seperti UMNO dengan PAS yang hendak bersidang, padahal hakikatnya antara Perdana Menteri dengan PAS Kelantan. Dan amat malangnya pertemuan pada hari itu bukan membahaskan usul penyelesaian dari PAS tetapi menyatakan hasrat Perdana Menteri sendiri hendak memaksakan Rang Undang-

undang ini dilaksanakan dalam negara kita sehingga sampai terkeluar cakap, walau PAS setuju ataupun tidak, kami hendak laksanakan. Itu memanglah sikap tegas Perdana Menteri patut dipuji.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah pandangan daripada PAS itu dapat dikaji bersama pada ketika itu, saya percaya kita akan dapat penyelesaian dan keadaan politik negara kita tidak jadi seperti sekarang. Saya dan rakan-rakan saya terpaksa keluar daripada Jemaah Menteri atau Kerajaan ialah kerana hendak mencari keadilan. Saya hendak menjaga nama baik Kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri yang ada sekarang, supaya jangan saya berdiri di kerusi Menteri itu bercakap menentang Perdana Menteri sendiri. Saya merelakan diri meninggalkan tempat itu datang ke mari untuk menyatakan pendirian. Keputusan keluar daripada Kerajaan — bukan keluar daripada Barisan Nasional — dibuat oleh parti dan sebagai manusia berparti, manusia politik yang berparti, mesti patuh kepada arahan parti, demikian PAS, demikian UMNO, demikian DAP, demikian apa-apa parti sekalipun.

Dalam hal ini tidak selesa rasanya pendirian saya jika tidak disebut satu masalah yang berkait; iaitu, parti telah memutuskan semua Menteri, semua Timbalan Menteri dan semua Setiausaha Parlimen mestilah berhenti kalau Rang Undang-undang ini hendak dibawa juga. Sebab Rang Undang-undang ini kami merasakan satu Rang Undang-undang yang akan memperkosakan hak-hak demokrasi walaupun undang-undang demokrasi membenarkannya tetapi ia bukanlah satu-satunya jalan keluar, ia hanya merupakan jalan terakhir sesudah kita cuba mencari jalan yang lain tetapi belum pernah kita mencubanya, maka parti memerintahkan semuanya berhenti dengan memberi notis surat dengan satu keputusan siapa yang tidak patuh kepada parti dia dipecat dengan sendirinya tatkala dia enggan menerima perintah parti. Maka menjadi satu tandatanya kepada Rumah yang mulia ini seorang Menteri yang

ada dalam Kabinet yang ada sekarang ini, dia pada pukul 2.00 siang tadi sudah tidak lagi menjadi anggota Parti PAS, maka anggota parti apakah dia sekarang? Barisan Nasional adalah terdiri daripada parti-parti yang disebut namanya, kalau parti tak disebut namanya belum menjadi anggota Barisan Nasional. Kalau bebas belum ada dalam sejarah Barisan Nasional. Kalau dia masuk UMNO, belum lagi. Maka ini saya percaya Perdana Menteri kita akan dapat menyelesaikannya dengan baik. Memanglah, Tuan Yang di-Pertua, menjadi seorang Perdana Menteri ini terpaksa dibebankan dengan problem-problem dan masaalah-masaalah yang banyak. Memang, kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai. Ini pepatah Melayu kita sendiri. Maaf, saya ingin membacakan sebuah Hadis Nabi: "Kullulukumra'i-wakul-ra'i masuulun ran-rai-yatih". Maksudnya setiap kamu adalah pemimpin dan setiap pemimpin itu bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpin. Bukan bertanggungjawab dalam Rumah yang mulia ini sahaja, bertanggungjawab di hadapan Padli Rabul-Jalil yang akan menentukan siapa yang benar siapa yang salah. Dan kerana kami berasa kami berada di pihak yang benarlah, dengan nama Allah Tuhan yang menjadikan kita dan menjadikan cahaya pada hari ini, saya sanggup dengan rakan-rakan saya berdiri di sebelah sini untuk menyatakan kebenaran walaupun tidak ada sesiapa yang mahu menerima.

Saya, oleh kerana Tuan Yang di-Pertua telah memberi amaran tadi, saya hormati, tak mahulah cakap panjang walaupun terasa banyak lagi hendak cakap. Saya sudah ucapan saya ini dengan mengatakan bahawa saya bagi pihak parti saya dan mungkin ada orang lain yang akan bercakap jika perlu menentang dengan kerasnya Usul Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Perdana Menteri ini.

9.22 mlm.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji**

**Arshad):** Tuan Yang di-Pertua, Aa'uzubil-lah-himinasy-syaitan-nir-rajim, Bismillah-hirrahman-nirrahim. (*Tepok*)

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya cuba tarik perhatian selain daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, tolong jangan ganggu ucapan di sini dengan bertepuk.

**Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad:** Saya berdiri di sini adalah untuk menyokong penuh Usul Rang Undang-undang ini. Pada fikiran saya, Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang ini telah menjadi perlu sekarang ini oleh kerana sebagai Perdana Menteri telah menyebutkan kerumitan-kerumitan yang berlaku dalam Negeri Kelantan pada masa ini belum dapat diselesaikan dan tidak siapa yang boleh menafikannya bahawa dianya akan menjadi lebih meruncing kalau sekiranya huraian tidak dapat dibuat.

Saya sendiri beberapa hari yang lalu pernah mengatakan bahawa Undang-undang seperti ini memanglah tidak sewajarnya dijalankan di mana-mana negeri sahaja kalau sekiranya kita masih mempunyai jalan-jalan untuk menghuraikan dalam masa yang segera. Saya sendiri masih ingat tatkala Tuan Speaker kita menolak Usul dari pihak Pembangkang beberapa hari yang lalu itu ialah dengan fahaman bahawa rundingan-rundingan yang intensif masih dijalankan dan huraian dapat dicapai dengan seberapa segeranya. Tetapi adalah jelas sehingga pada tarikh ini pemimpin-pemimpin Kelantan yang terlibat secara langsung di dalam krisis ini telah menempuh jalan buntu untuk menyelesaikannya. Sebagai dikatakan oleh Perdana Menteri tadi bahawa sekiranya ini dibiarkan maka dia tidak syak lagi akan menyebabkan negeri itu akan terus terdedah kepada ancaman dan juga keselamatan di negeri itu tidak dapat dijamin. Terlepas daripada soal latar belakang oleh sebab kalau kita berbicara tentang latar belakang ramai orang akan mengatakan orang-orang

Kelantan sendiri menyatakan bahawa kerumitan ini bermula dan berlaku daripada tindakan-tindakan politik, kita terpaksa menyebut nama orangnya di sini, kerana menyingkirkan seorang seperti Datuk Haji Mohd. Nasir. Orang ramai telah ketahui apakah tindakan-tindakan yang telah dijalankan-nya dalam masa ia mengendalikan negeri itu ialah untuk mengujudkan suatu pentadbiran yang bersih dan membela kepentingan orang ramai di negeri itu sendiri. Apabila tindakan-tindakan menyingkirkan Datuk Haji Mohd. Nasir telah dilakukan maka hal-hal seperti ini telah berbangkit.

Saya sendiri di dalam beberapa Majlis Mesyuarat Jawatankuasa Agong PAS itu sendiri bersama dengan tujuh orang rakan yang lain dan 13 orang Ahli Dewan Ulama PAS Pusat yang sebulat suara kecuali pengerusinya telah berusaha untuk menyelamatkan hal ini supaya Datuk Haji Mohamad Nasir tidak dipecat daripada parti secara tidak wajar dan disingkirkan daripada kedudukannya secara tidak wajar juga. Tetapi segala-segalanya telah berlalu dan sebelum ini telah dikatakan bahawa apapun tindakan yang akan dibuat terhadap beliau ini maka ianya akan menyelesaikan semua masalah dalam negeri Kelantan. Saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, siapa yang sponsor, siapa yang mengubah atau siapa yang makan upah dalam demonstrasi-demonstrasi ini tetapi terlepas daripada semua persoalan ini, Kelantan mendapat suasana yang rumit. Ini tidak dapat dielakkan. Oleh sebab itulah pada fikiran saya Rang Undang-undang ini sekarang adalah wajar bagi dijalankan dan Rang Undang-undang ini sebagaimana jaminan yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ia tidak mesti dijalankan beberapa lama kalau sekiranya pemimpin-pemimpin politik Kelantan yang terlibat secara langsung itu dapat mencari huraian yang mudah, dapat menolong usaha Kerajaan, usaha Perdana Menteri kita mengembalikannya keamanannya dan mengelakkan daripada meruncingnya lagi suasana, saya percaya Perdana Menteri kita akan membatalkan

perlaksanaan Undang-undang ini dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, inilah saatnya walaupun soal ini sebenarnya soal Negeri Kelantan, tetapi kita mempunyai tanggungjawab bersama untuk memberikan sekurang-kurangnya satu formula yang lain bagi melegakan buat sementara waktu kerumitan dan ketegangan di Kelantan itu. Inilah saatnya pada fikiran saya kita harus lebih mementingkan maruah bangsa, maruah umat Kelantan itu sendiri, lebih daripada yang lain-lainnya. Umat Kelantan berkehendakkan satu kehidupan yang aman, menikmati pembangunan yang terus pesat, umat Kelantan mahukan satu pemerintahan yang bersih lagi adil, umat Kelantan tidak mahu nama mereka yang harum sebagai pencinta keamanan dicemarkan dengan peristiwa-peristiwa yang akan menumpahkan darah. Inilah maruah umat Kelantan, itulah integrity umat Kelantan yang kita harus utamakan lebih daripada yang lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini pada fikiran saya tidak akan boleh menguntungkan mana-mana juga golongan politik dan kita tidak perlu khuatir kepada apa lagi sekiranya Pengarah yang akan melaksanakan Undang-undang ini terdiri daripada pegawai-pegawai, orang-orang yang benar-benar tegas dan adil mengendalikannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini saya berharap benar-benar apabila sahaja Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan maka Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri haruslah bertindak dengan tegasnya tanpa mengira siapa juga, anasir daripada parti mana pun yang ingin memancing di air keruh di dalam suasana yang tegang pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang kalau hendak diceritakan banyak masalah yang menimbulkan apa yang berlaku pada masa ini dan memanglah kalau sekiranya sikap kita masih kita mengabaikan kehendak orang

ramai, kehendak rakyat jelata kita memperkecilkan, saya yakin kalau sekiranya di antara kita masih ada yang memperkecilkan misalnya memperkecilkan apa yang dinamakan Jawatankuasa Bertindak Barisan Rakyat Kelantan, walaupun badan ini bukan sebuah badan parti politik dan sebagainya, tetapi apa yang nyata bahawa mereka adalah rakyat jelata yang ramai dan kita tidak boleh memperkecilkan mereka tetapi boleh dikatakan di sini kalau kita masih menganggap hasrat rakyat jelata, gelombang rakyat jelata yang ada di Kelantan sekarang ini kecil dan suatu masalah yang boleh dibenam-benam, ditekan-tekan begitu sahaja dengan propaganda-propaganda politik yang mudah, maka krisis dan ketegangan di Negeri Kelantan itu tidak akan tamat. Saya tidak hendak memanjangkan bagaimana caranya Datuk Mohamed Nasir disingkirkan dan sebagainya dan saya sendiri tidak ada apa-apa kepentingan kalau Datuk Mohamed Nasir terus menjadi Menteri Besar di Kelantan atau dipilih semula, tetapi apa yang kita kehendaki ialah kita memerhatikan hasrat orang ramai itu sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham consequence daripada tindakan ataupun sikap yang saya ambil pada hari ini ataupun pada pagi tadi. Saya boleh katakan di sini saya telahpun duduk di dalam parti ini selama lebih daripada 20 tahun, saya telah berjuang di dalam parti ini tidak untuk mencari kekayaan. Saya sedar apa yang berlaku yang akan dilakukan oleh Ketua Parti itu terhadap saya, tetapi saya yakin bahawa pendirian yang saya ambil ini untuk menyokong Rang Undang-undang ini ialah demi kepentingan umat negeri Kelantan sendiri. Saya sedar bahawa Ketua Parti itu boleh melakukan apa yang diistilahkan sebagai "tindakan disiplin" kepada saya dan ini adalah terserah kepada kemahuannya. Tetapi sukalah saya tegaskan di sini bahawa sebagai seorang ahli politik di manapun saya akan berada atau akan diletakkan, saya boleh tegaskan di sini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua bahawa saya terus akan berpegang kepada prinsip politik kebumiputeraan dan keislaman dan saya ulangi lagi; saya akan ber-

juang dengan prinsip politik yang dua ini yang saya boleh katakan di sini tidak juga akan kurang daripada rakan-rakan saya yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya hendak menyatakan di sini bahawa apa pun pegangan dan fahaman politik yang kita pegang, tetapi kita harus memandangkan kepentingan orang ramai lebih daripada yang lain-lain. Itulah prinsip politik yang saya pegang dan saya anuti, Tuan Yang di-Pertua.

9.35 mlm.

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dengan penuh perasaan tanggungjawab dan perasaan sedih kerana apa yang Parlimen berhajat membuat dengan perisytiharan darurat dan penguatkuasaan Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan dengan tujuan menggantungkan Perlembagaan Negeri Kelantan dan mengadakan pemerintahan ala-Mageran di negeri tersebut merupakan suatu "subversion" kepada basis demokratik Perlembagaan Malaysia.

Jika sekiranya demokrasi berparlimen dan sistem Kerajaan Pusat/Negeri akan terus hidup dan kekal adalah amat penting mereka yang memerintah menyedari dan memahami bahawa sungguhpun terdapat apa-apa perselisihan faham politik ataupun betapa hebatnya persaingan di antara parti, prinsip-prinsip demokrasi dan jaminan-jaminan yang termaktub di dalam Perlembagaan untuk sebuah masyarakat demokrasi tidak boleh dikorbankan dalam memajukan kepentingan politik kepartian.

Menteri-menteri Kerajaan telah selalu beri amaran bahawa kominis hendak menggunakan demokrasi untuk menjahanamkan demokrasi, tetapi biarlah kita ingat di kebanyakan negara-negara Asia dan Afrika parti-parti yang memerintah dengan majoriti Parlimen mereka yang sebenarnya telah menggunakan demokrasi untuk menjahanamkan demokrasi dan mereka sebaliknya telah mengadakan regime yang bersifat authoritarian dan totalitarian.

Adalah tidak menasabah untuk mengatakan bahawa apa yang diminta pada petang ini yakni invocation Article 150 dan mengadakan pemerintahan ala-Mageran adalah mengikut peruntukan undang-undang di tanah air kita. Kalau begitu tindakan-tindakan mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang pun boleh melahirkan suatu sistem authoritarian dan totalitarian. Dan kita ingat baru-baru ini dalam suatu sidang undang-undang peguam mengenai "Hakisan Hak-hak Asasi" di mana Timbalan Dekan Fakulti Undang-undang Universiti Malaya telah menyatakan bahawa adalah "unreasonable" untuk bercadang kemah terdapat checks and balances ke atas kuasa-kuasa Kerajaan pada suatu hari kelak Kerajaan akan mengadakan suatu undang-undang untuk meminda Perlembagaan dengan memberikan kuasa kepada Kerajaan untuk membuat undang-undang serta meminda Perlembagaan dengan peraturan-peraturan. Dan jikalau ini berlaku, itupun sah di sisi undang-undang. Itupun legal!

Apa yang Parlimen, rakyat Kelantan dan Malaysia, malah rakyat dunia, harus berpuas hati ialah terdapat suatu keadaan di Kelantan yang mempertahankan penguatkuasaan Perkaranya 150 untuk mengadakan pemerintahan ala-Mageran dan bukannya pihak Barisan Nasional ataupun lebih tepat lagi UMNO mempunyai bilangan undi di Parlimen yang dikehendaki untuk meluluskan undang-undang darurat di bawah Perkara 150 untuk mengenakan pemerintahan ala-Mageran di Kelantan.

Oleh yang demikian, akan menjadi sangat perlu bagi kita untuk mengesan balik peristiwa yang berlaku di Kelantan yang telah mengakibatkan pembentangan Rang Undang-undang ini di Parlimen pada petang ini.

Hampir dalam pertengahan bulan September, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan telah diberi kata dua oleh partinya sendiri iaitu Jawatankuasa Perhubungan PAS Kelantan samada beliau meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar sebelum 20hb.

September ataupun menghadapi undi tidak percaya terhadapnya di Dewan Undangan Negeri Kelantan di mana PAS memegang 22 dari 36 kerusi dalam Dewan tersebut.

Datuk Haji Mohamed Nasir enggan meletakkan jawatan dan beliau menuntut bahawa langkah itu diambil kerana beliau telah bertindak mengambil balik concession sebanyak 350,000 ekar tanah yang diberikan kepada Syarikat Timber Mines dan juga kerana beliau membekukan tanah seluas 240,000 ekar di sempadan Kelantan-Perak yang dipercayai mengandungi bijih timah yang bermutu tinggi.

Pada 29hb September selepas mesyuarat Jawatankuasa Pusat PAS diumumkan bahawa Datuk Haji Mohamed Nasir dipecat. Selepas itu pula diakui pemecatan Datuk Mohamed Nasir adalah salah. Selepas itu diadakan suatu lagi mesyuarat pada 10hb Oktober, 1977 di mana beliau dipecat semula oleh Jawatankuasa Pusat Tertinggi PAS dengan 13 undi menyokong, 7 undi menentang dan 2 undi berkecuali.

Pada 15hb Oktober, Dewan Undangan Negeri Kelantan telah meluluskan usul tidak percaya terhadap Datuk Haji Mohamed Nasir dengan 20 undi menyokong dan 13 anggota UMNO dan seorang anggota MCA bertindak keluar dari Dewan.

Sementara itu tunjuk-tunjuk perasaan dan rapat-rapat umum diadakan dan semuanya telah bermula pada bulan September dan di sini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berkata bahawa ekor dari undi tidak percaya rapat-rapat umum diadakan. Saya rasa ini tidak benar. Tunjuk-tunjuk perasaan dan rapat-rapat umum sebenarnya telah diadakan sebelum itu dan tunjuk-tunjuk perasaan dan mesyuarat-mesyuarat awam telah bertambah selepas usul tidak percaya diluluskan. Semuanya berlaku dengan pengetahuan, kebenaran, kalau bukan dengan penggalakkan pihak-pihak tertentu baik pun di Kelantan atau di Kuala Lumpur. Malah

disalah satu rapat umum raksaksa yang diadakan tanpa kebenaran pihak polis, CPO Kelantan, mengikut lapuran, yang ditugaskan untuk menjaga keamanan dan undang-undang telah membuka pintu kereta Datuk Mohamed Nasir dan mengalu-alukan beliau ke rapat umum tersebut yang diadakan tanpa kebenaran Polis!

Kita dapat tahu tadi dari Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri yang telah menyebutkan bahawa satu rapat umum raksaksa diadakan pada 22hb September dan sebelum itu pengumuman telah dibuat dalam suratkhbar yang menyatakan bahawa pada 24hb September akan diadakan satu rapat umum raksaksa di mana lebih daripada 100,000 orang akan hadir. Lapuran-lapuran mengatakan ada 80,000 orang. Bernama mengatakan pada 24hb September lebih kurang 60,000 orang membanjiri padang Merdeka di Kota Bahru untuk menunjukkan sokongan mereka kepada Menteri Besar Kelantan di masa itu.

Selepas usul tidak percaya diluluskan hingga 19hb Oktober tunjuk-tunjuk perasaan telah diadakan dan perintah berkurung pada 19hb dijalankan selama 24 jam di Kota Bahru dan perintah berkurung selepas itu diluaskan ke Kubang Kerian. Apa yang menarik perhatian ialah sungguhpun perintah berkurung dikenakan, rapat-rapat umum, tunjuk-tunjuk perasaan terus diadakan di lain-lain tempat untuk beberapa hari lagi.

Sebelum saya sambung ucapan saya ingin saya menjelaskan pendirian parti saya atas rapat-rapat umum. Dalam sebuah negara yang percayakan dalam amalan-amalan demokrasi, hendaklah diadakan kebebasan untuk mengadakan rapat-rapat umum yang teratur dan damai supaya parti-parti politik dapat mempunyai hubungan cara langsung dengan rakyat serta juga berpeluang menjelaskan kepada rakyat apa yang sedang berlaku di dalam negara dan juga menjelaskan pandangan-pandangan mereka. DAP tidak menentang rakyat Kelantan dari mengadakan rapat-rapat umum tetapi apa yang perlu di-

jelaskan ialah mengapakah pihak Polis mengenakan pengharaman ke atas rapat-rapat umum dan setiap kali parti DAP memohon untuk mengadakan rapat-rapat umum pihak Polis telah menolak permohonan kita. Saya kata ini bukan oleh kerana saya mahu mendapat kebenaran untuk mengadakan rapat umum DAP; itu hal lain. Soalannya ialah kenapa di Kelantan rapat-rapat umum dibenarkan tanpa mendapat kebenaran Polis. Ini menimbulkan persoalan kenapa pihak-pihak di Kuala Lumpur pada akhirnya bertanggungjawab untuk rapat-rapat umum membenarkan malah menggalakkan rapat-rapat umum diadakan. Ini juga menimbulkan persoalan samada terdapat apa-apa motif yang melibatkan orang-orang atasan dan berpengaruh di peringkat kebangsaan. Sementara tunjuk-tunjuk perasaan dan rapat umum diadakan apa yang dikatakan formula Mahathir telah dibentang, dibincang, ditolak dan sekarang kita menghadapi satu Rang Undang-undang mengikut Perkara 150 Perlembagaan Malaysia yang akan menggantungkan Perlembagaan Kelantan.

Sebelum itu, pada 2hb November, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berjumpa dengan pemimpin-pemimpin PAS dan menerangkan kepada mereka dengan lebih lanjut Formula Dr. Mahathir dan baharu-baharu ini kita dengar pendirian PAS mengenai perkara ini.

Saya rasa adalah amat jarang dan aneh di mana ugutan pengisytiharan darurat dan pengantungan sebuah Kerajaan yang telah dipilih oleh rakyat tanpa diadakan secara blatant dalam satu conflict di antara parti-parti politik dan personaliti-personaliti.

Ini hendaklah dikutuk samasekali kerana keselamatan, security tidak boleh digunakan sebagai satu alat "blackmail" dalam political negotiations.

Apa yang penting ialah samada satu keadaan darurat ujud atau tidak. Jika sekiranya

satu keadaan darurat ujud maka pengisytiharan darurat hendaklah diisytiharkan beberapa hari dahulu dan bukan bergantung kepada penerimaan atau penolakan formula Mahathir. Malah ini terbukti dengan jelasnya tiada ujud satu keadaan di mana pengisytiharan darurat patut diadakan kerana emergency situation tidak menunggu sesiapa atau jawapan oleh sesiapa. Kalau ada emergency situation pengisytiharan tidak perlu menunggu jawapan mengenai perbincangan-perbincangan politik. Soalan yang ditanya-tanyakan oleh rakyat hari ini ialah samada pengisytiharan darurat di bawah Perkaranya 150 dan penganan Pemerintahan al-Mageran disebabkan oleh pertimbangan-pertimbangan serius yang diberikan di mana keselamatan atau ekonomi Persekutuan atau tempat-tempat lain terancam atau perisytiharan darurat itu digunakan secara frivolously, indiscriminately dan tidak sungguh-sungguh untuk memajukan kepentingan-kepentingan politik golongan tertentu pada hari ini.

Saya menghormati kejujuran dan keikhlasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah membentangkan Rang Undang-undang ini kerana beliau percaya perbuatan ini adalah demi kepentingan negara dan saya menerima kenyataannya bahawa beliau membentangkan Rang Undang-undang ini dengan hati yang suci. Tetapi kita mempunyai hak untuk mempersoal samada beliau ataupun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mempunyai segala faktor-faktor mengenai perkara ini ataupun samada mereka ini dilengkapi dengan alasan-alasan yang kuat untuk menggunakan perkara 150 untuk menggantung Perlembagaan Negeri Kelantan. Ahli-ahli Dewan ini pasti akan ingat bahawa pada 19hb September, 1966 satu pengisytiharan darurat di Negeri Sarawak telah dibuat dan satu Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri Sarawak (Darurat) 1966 telah diluluskan dengan pantas dan pada masa itu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, sekarang ada menjadi ahli Dewan ini, beliau telah mengambil bahagian

perbahasan ke atas Rang Undang-undang itu dan kita semua masih teringat beliau telah menyokong supaya Ketua Menteri ketika itu Stephen Kalong Ningkan digulingkan sungguhpun Mahkamah Tinggi Sarawak telah mengisytiharkan bahawa pemecatan beliau itu adalah tidak mengikut Perlembagaan dan tidak sah.

Biarlah saya menghuraikan secara ringkas faktor-faktor ini. Tuan Yang di-Pertua, mengenai kes Datuk Stephen Kalong Ningkan, pada 14hb Jun 1966....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini cerita lama, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, ini menunjukkan kejujuran Kerajaan samada tepat atau tidak tepat perisytiharkan darurat. Dan saya cuba menunjukkan dengan kes-kes ini sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Timbalannya kemukakan Rang Undang-undang dengan hati yang suci tetapi mungkin mereka tidak dapat semua faktor-faktor yang benar yang boleh menjustifykan pembentangan Rang Undang-undang ini di dalam Dewan ini. Pada 14hb Jun, 1966 21 dari 42 anggota Majlis Undangan Negeri Sarawak telah menghantar sepucuk surat daripada Kuala Lumpur kepada Gabenor Negeri Sarawak yang menyatakan bahawa mereka tidak lagi mempunyai keyakinan terhadap Datuk Stephen Kalong Ningkan sebagai Ketua Menteri Sarawak. Dan pada 16hb Jun Setiausaha Sulit Gabenor telah menulis surat kepada Datuk Stephen Kalong Ningkan dan berkata bahawa Gabenor berpuashati Datuk Stephen Kalong Ningkan tidak mempunyai sokongan sebilangan besar anggota Majlis Undangan Negeri dan Datuk Stephen Kalong Ningkan diminta meletakkan jawatan. Apabila Datuk Stephen Kalong Ningkan enggan berbuat demikian beliau dipecat dan beliau telah pergi ke mahkamah dan mahkamah telah mengisytiharkan beliau masih lagi Ketua Menteri yang sah. Selepas itu darurat diisytiharkan dan Parlimen dipanggil dengan satu

mesyuarat tergepar (emergency) untuk meluluskan satu Rang Undang-undang seperti yang dihadapi pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, masa itu Perlembagaan Sarawak dipinda menurut kuasa darurat. Adalah nyata pada ketika itu terdapat satu krisis Constitutional di Sarawak tetapi adakah pada masa itu satu keadaan darurat telah wujud seperti mana diperuntukkan di bawah Perkara 150. Apakah terdapat satu keadaan benar (genuine) darurat berlaku atau seperti dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri ini adalah satu emergency of convenience. Kalau emergency of convenience pernah berlaku dahulu, ia boleh berlaku lagi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak merujuk, untuk memperkuat hujah-hujah saya mengenai emergency of convenience, kepada sebuah buku yang bernama "The Politics of Federalism" yang ditulis oleh Yang Berhormat Senator Datuk Syed Kechik (*Ketawa*). Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah ketawa sekarang! Pada masa itu Yang Berhormat Senator Datuk Syed Kechik terlibat dalam perkara-perkara menggulingkan Datuk Stephen Kalong Ningkan dan pada masa itu beliau telah juga mengambil bahagian dalam perkara-perkara yang mengakibatkan pengistiharan darurat di bawah Perkara 150 Perlembagaan Malaysia kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat sebutkan edisi berapa dan muka berapa?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya akan sebutkan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini untuk rekod.

**Tuan Lim Kit Siang:** Edisi pertama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Edisi pertamalah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, edisi yang pertama (1st published) December 1966 "The Politics

of Federalism" oleh Bruce Rose-Larson yang boleh dikatakan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh siapa?

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh Bruce Rose-Larson.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi Ahli Yang Berhormat kata Syed Kechik!

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai Syed Kechik yang boleh disimpulkan sebagai authorised biography of Syed Kechik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukanlah Syed Kechik yang mengarang tetapi orang lain yang mengarangnya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, mengenai peranan Syed Kechik baik di Sarawak atau di Sabah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak faham tadi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Di muka 44, pada masa itu Mahkamah belum mengisytiharkan bahawa Datuk Stephen Kalong Ningkan sah sebagai Ketua Menteri Sarawak disebutkan:

"Syed Kechik saw that if the courts were to deliver a final judgment in Ningkan's favour, little could be done to compel Ningkan to convene the Council Negri immediately. According to the Sarawak constitution, the Council could be convened only on the instruction of the state cabinet, of which Ningkan would again be head, to the Governor."

Dan selepas itu, sebelum High Court membuat keputusan:

"An alternative plan had to be developed, and Syed Kechik saw this as residing in the Sarawak constitution. The gaps in the constitution which made it impossible for the Chief Minister to be dismissed and for the Council Negri to be convened, even though the Chief Minister did not have majority

support, had to be closed. This could be done by Kuala Lumpur's suspension of constitutional process in the state. To begin to set the stage for such federal action, Syed Kechik drafted statements for release to the press on August 28 regarding the gravity of the security situation because of political tensions and the communist threat. A petition was sent by the Council Negri members to the *Yang di-Pertuan Agong* (The King of Malaysia) and copied to the Prime Minister, in which the events were recounted of the preceding two-and-one-half months, the legal aspects were detailed of the likely suspension of constitutional government because of the impasse in the courts, and a request was made for special action to preserve security and prevent administrative chaos."

Selepas Mahkamah mengumumkan keputusan:

"The next morning, Chief Justice Harley handed down his judgment in Ningkan's favour, and Ningkan was reinstated as Chief Minister. Syed Kechik immediately got on to Tun Razak to say that Ningkan had to be brought down at whatever cost — financial or constitutional. He was sent \$20,000 to cover the expenses of ministers who had to move out of government houses and of Council members who had to be cloistered until matters were resolved."

Dan akhirnya satu perenggan mengenai perkara yang berlaku pada 14hb September, sehari sebelum pengisytiharan darurat:

"On September 14, Syed Kechik reported to Tun Razak through his military channels that SUPP and SNAP had agreed to make united stand with a common platform in the coming elections and that their support in the state was growing. He reported also that there was a possibility of some demonstrations being staged in Kuching that very day. Indeed, these were already being planned.

Leaflets denouncing Ningkan with allegations that SNAP and the communists in SUPP would 'kill' democracy in Sarawak were distributed throughout Kuching. A demonstration was organised at Pangkalan Batu across from the Astana, where hundreds assembled to proclaim their support for Tawi Sli and the Sarawak Alliance government. Although such assemblies were strictly illegal under the emergency regulations, the police had been informed of the benign intent and asked to stay out of it."

Tadi apabila Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri mensifatkan apa yang berlaku di Kelantan, saya teringat kembali apa yang berlaku di Sarawak.

"Although such assemblies were strictly illegal under the emergency regulations, the police had been informed of the benign intent and asked to stay out of it. As trusting all this, some Berjasa supporters engaged in a bit of vandalism later that evening, breaking the windows of a few establishments in Kuching to reflect anti-British and anti-Ningkan sentiment."

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa yang dibaca dalam buku itu sudah habis.

**Tuan Lim Kit Siang:** Cerita dalam buku itu tidak habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat tolong tujukan kepada Rang Undang-undang ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya. Ini menunjukkan bahawa bukan aneh di negara kita di mana darurat atau emergency of convenience boleh diciptakan. Dan tadi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketawa dan ini menunjukkan Yang Berhormat Syed Kechik tidak boleh dipercayai atau mempunyai perasaannya sendiri dalam hal ini. Saya ada di sini atau signed statement oleh seorang yang terlibat dalam peristiwa 1966. Dengan izin Tuan

Speaker, saya hendak bacakan perenggan yang berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa namanya yang signed statement itu?

**Tuan Lim Kit Siang:** Senawi bin Sulaiman yang berkata:

“In 1966, some time in September, when I was then the Executive Secretary of the Sarawak Alliance, I remembered being called to a meeting by Datuk Rahman — at that time he was a Federal Minister — on one of his visits to Kuching. I remembered I was then called to be present at the rendezvous and there was a gathering-cum-meeting. Datuk Rahman bravely told the gathering that the State’s destiny in Malaysia was at stake. He stated as Dato Stephen Kalong Ningkan had won his appeal case and had been reinstated as Chief Minister following the 1966 crisis, nothing could make Dato Ningkan to convene the Council Negri meeting despite the many approaches made on the latter by dissident Alliance Council Negri members who were opposed to Dato Ningkan. Dato Rahman eventually concluded that we (meaning the Bumiputra and Pesaka dissidents) must create an emergency and an atmosphere of tension in the State in order to constitutionally enable His Majesty the Yang di-Pertuan Agong to direct His Excellency the Governor to direct the Chief Minister to convene a Council Negri meeting as soon as possible. With the convention of Council Negri under such circumstances, Dato Kalong Ningkan will be ousted once and for all.”

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada nampak kaitannya Ahli Yang Berhormat itu membaca hikayat sejarah berkenaan dengan apa yang terjadi di Sarawak. Kalau tujuan Ahli Yang Berhormat membacakan sejarah itu dengan tujuan iaitu apa yang berlaku di Kelantan pada masa ini

adalah dibuat-buat, saya mintalah Yang Berhormat itu memberi bukti-buktinya kepada saya dan saya tidak nampak kaitannya perkara yang kita bahaskan ini dengan sejarah daripada buku Syed Kechik atau buku Syed Besar (*Ketawa*) yang Ahli Yang Berhormat itu membaca.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sejak tadi saya sudah kata kalau Ahli Yang Berhormat hendak baca berkenaan dengan Syed Kechik daripada perkara lama saya benarkan Ahli Yang Berhormat baca, sebab Yang Berhormat kata Yang Berhormat hendak membawakan dalil-dalil betapa emergency tidak patut diisytiharkan. Bila saya dengar setakat inipun nampaknya tidak bersangkutan langsung, jadi minta hentikanlah baca itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada satu pepatah yang sangat mustahak, yang sangat tepat: “Those who do not want to learn from the mistakes of history are condemned to repeat them.”

Kita bukan bahas hikayat-hikayat. Apa yang kita buat sekarang ialah hikayat. Kalau di masa lampau boleh timbul darurat yang disengajakan oleh orang-orang bawah, sungguhpun dalam masa itu mungkin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah Tunku Abdul Rahman dan Timbalannya Allahyarham Tun Abdul Razak tidak tahu, mungkin sekarang pun ada berlaku perkara seumpama itu di mana ada berlaku peristiwa-peristiwa yang direka, disengajakan sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan hati yang suci, jujur dan ikhlas bantangan Rang Undang-undang ini. Kalau kita tidak mahu tahu apa yang berlaku di masa lampau, ini menunjukkan bahawa kita takut menghadapi kebenaran dan saya tidak faham kenapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri takut menghadapi kebenaran iaitu samada ada terdapat emergency of convenience atau tidak ada emergency of convenience.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak takut!

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya menyampuk ucapan Ahli Yang Berhormat itu. Kalau Ahli Yang Berhormat itu mendatangkan tuduhan begitu seperti yang saya katakan, kalau ada bukti-buktinya, saya mengucapkan banyak terima kasih. Buku yang Ahli Yang Berhormat itu membaca rasa saya termampulah membeli dan membacanya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa yang saya terangkan tadi bukan didapati dari buku mengenai Syed Kechik. Saya baca satu signed statement yang dibuat oleh seorang yang terlibat dalam perkara ini dan apa yang berlaku pada masa lampau boleh berlaku sekarang. Kalau perkara ini tidak penting; saya mahu tanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apa perkara yang penting?

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta sambung teguran atas Rang Undang-undang ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya. Akhirnya mengenai perkara ini, saya boleh serah signed statement ini kepada Tuan Yang di-Pertua atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Serah kepada saya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Daripada Senawi, direka digalak oleh Yang Amat Berhormat Datuk Ketua Menteri untuk mengadakan rusuhan-rusuhan di Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Surat ini tidak boleh dikatakan betul atau tidak betul, ditulis namanya sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia tidak tulis, dia ada sign di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ialah dia signed, dia tulis. Itulah saya kata berhenti baca.

**Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Ya'kub (Payang):** Mengikut Standing Order Dewan Rakyat ini seorang Ahli Yang Berhormat yang membawa satu perkara kepada Dewan ini mesti sendirinya

bertanggungjawab atas apa yang dikatakannya. Ingin saya hendak ketahui samada Ahli Yang Berhormat itu sanggup bertanggungjawab apa yang ada dalam surat itu. Jikalau dia sanggup bertanggungjawab, saya cabar dia katakan di luar Dewan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya bertanggungjawab kerana ini ada ditandatangani oleh orang ini bernama Senawi, dan untuk makluman Yang Amat Berhormat saya ada....

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta duduk Yang Berhormat! Saya sudah kata tadi, surat Yang Berhormat terima ini yang dikatakan ditulis oleh seorang yang bernama Senawi bin Sulaiman, itu tidak ada siapa tahu betul atau tidak betul. Yang Berhormat telah dicabar, adakah Yang Berhormat tahu apa yang sebenarnya? Kalau tahu, minta sebut di luar Dewan ini. Sekarang ini saya tahan Yang Berhormat membaca, minta sambungkan ucapan menyentuh Rang Undang-undang ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak tahu siapa terlibat dalam rusuhan-rusuhan. Saya tahu kalau dia ada tandatangani. Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta sambung ucapan menyentuh Rang Undang-undang ini sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada sebut perkara ini oleh kerana kita terlibat dalam perkara Rang Undang-undang di hadapan kita dan kita tidak ada sebab-sebab baikpun daripada segi Perlembagaan atau moral untuk menjustifykan perisytiharan darurat dan mengadakan satu Kerajaan atau pemerintahan MAGERAN di Kelantan. Onus kita di pihak ini bukan untuk memberi butir-butir untuk menunjuk samada peristiwa itu di-engineered dalam peristiwa krisis Kelantan. Ini mungkin diketahui dalam sejarah masa hadapan. Onus terletak atas bahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bentang

Rang Undang-undang ini yang boleh menunjukkan bahawa keadaan menjustifikan pembentukan Rang Undang-undang ini.

Tadi saya ada sebut mengenai perkara mengadakan rapat-rapat umum. Itu satu perkara yang mesti dijelaskan kerana ia mungkin tunjuk peristiwa-peristiwa itu disengajakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu terangkan pendirian saya dan partai saya di sini. Kita bukan cakap di sini bagi pihak PAS atau Menteri Besar Kelantan atau UMNO. Apa yang kita concerned ialah bahawa basis (asas) demokrasi Perlembagaan kita dijaga dan integrity sistem demokrasi kita tidak dijejas oleh apa-apa kuasa atau faktor-faktor politik. Saya rasa sangat ironical di tahun 1966 Dewan ini diminta meluluskan satu Rang Undang-undang semacam ini dengan penguatkuasaan. Perkara 150 untuk mengisikan satu lacuna dalam Perlembagaan di mana mengikut Allahyarham Tun Abdul Razak, "to see that real democracy is practised in Sarawak and accepted democratic practices are adhered to", tetapi di malam ini keadaan timbul, kenapa? — Oleh kerana real democracy dan democratic practices tidak diadhered to. Samada Menteri Besar Kelantan baik, benar atau tidak benar, patut atau tidak patut, ada silap atau tidak ada silap, itu hal lain. Tetapi terdapat undi tidak percaya diluluskan oleh majoriti dalam Dewan Undangan Negeri pada 15hb Oktober terhadap beliau dan sampai hari ini beliau belum lagi meletakkan jawatan. Saya rasa kalau kita mahu ikut, mahu tengok demokrasi diamalkan dan amalan-amalan demokrasi diadhered to, inilah perkara yang mesti kita bincang. Di sini saya bukan kata bahawa Datuk Mohamad Nasir baik atau tidak baik, betul atau tidak betul, tetapi prinsip amalan demokrasi.

Sebenarnya, dalam Kelantan tidak ada krisis Perlembagaan oleh kerana parti-parti yang majoriti yang boleh melantik seorang Menteri Besar. Kalau kita memegang teguh kepada prinsip demokrasi bahawa kuasa ialah akhirnya daripada rakyat, satu cara atau satu

formula yang baik ialah untuk mengadakan pilihanraya besar di Negeri Kelantan supaya orang ramai dapat satu peluang untuk menentukan siapa yang mereka mahu membentuk Kerajaan yang baru. Kalau oleh kerana sebab-sebab tertentu, kalau UMNO atau PAS ada sebab-sebab tertentu mengapa mereka tidak mahu pilihanraya umum diadakan di Kelantan, dan saya tidak boleh nampak kenapa mereka enggan hendakkan pilihanraya umum kalau mereka fikir apa yang mereka buat ialah untuk kepentingan orang ramai, mengikut cara demokrasi. Lagi satu jalan ialah untuk parti-parti yang mempunyai majoriti control bebas berhak melantik Menteri Besar. Kedua-dua boleh dibuat dengan senang. Sebenarnya mengikut Clause 16 (6) Perlembagaan Kelantan di mana seorang yang telah menandatangani dalam tahun 1948, kalau saya tidak silap. Ada peruntukan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada banyak kali diubah semenjak saya sains pun.

**Tuan Lim Kit Siang:** "If the Menteri Besar ceases to command the confidence of the majority of the members of the Legislative Assembly, then, unless at his request His Highness dissolves the Assembly, he shall tender the resignation of his State Executive Council." Ada peruntukan di mana satu pembubaran boleh diadakan atau penggantian dibuat. Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagikah Yang Berhormat!

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada sedikit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sedikit lagi. Banyak orang lain yang hendak bercakap. Pendek-pendeklah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, perjalanan Perlembagaan belum dihabiskan. Sebab itu tidak ada apa sebab-sebab Perlembagaan atau moral untuk mengadakan satu pemerintahan ala-Mageran di Kelantan.

Saya telah membaca suratkhobar dan di antara alasan-alasan yang diberi kenapa pemerintahan ala-Mageran perlu ialah oleh kerana urusan-urusan Kerajaan tergendala. Kalau benar ini berlaku, ini bukan oleh kerana apa-apa sebab. Oleh kerana jawatan Menteri Besar tidak dikosongkan. Dan jalan keluar bukan dengan menggantung Perlembagaan Kelantan tetapi dengan menggantikan Menteri Besar. Satu soalan kita harus tanya ialah samada Perlembagaan kita govern kelakuan parti-partai pemerintah atau parti-partai pemerintah govern kelakuan-kelakuan Perlembagaan. Daripada apa yang berlaku nampaknya bukanlah Perlembagaan yang mutlak tetapi pandangan-pandangan dan fikiran-fikiran parti pemerintah, kalau sesuai pinda atau guna peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan tanpa mengikut erti dan semangat Perlembagaan sebenarnya. Apa yang berlaku sekarang, kalau tidak ada sebab yang benar, ialah ada threat to security whereby the security of the economic life of Kelantan was threatened, saya rasa bukan sahaja pengisytiharan darurat hari ini bahkan Rang Undang-undang ini dibuat *in fraudem legis* atau tidak mengikut sebab-sebab yang sebenar.

Saya telah katakan tadi saya menghormati kejujuran, integrasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi akibat apa yang telah berlaku, saya dapat satu kesimpulan bahawa rakyat di Kelantan digalakkan ataupun dibenarkan mengadakan rapat umum atau lain-lain. Yang Berhormat Menteri Besar Kelantan dibenarkan berdiri tegas terhadap PAS. Akhirnya, semuanya itu adalah untuk kepentingan UMNO Kelantan yang nampaknya akan berpeluang bagi kali pertama semenjak kemerdekaan berkuasa di Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tindakan-tindakan Draconian ini sebenarnya ialah tindakan yang mengancam demokrasi kita oleh kerana mereka yang percayakan demokrasi akan lebih lemah semangat dan mereka yang melaung-laungkan bahawa

demokrasi itu ialah kosong baik pun pihak kominis atau pihak-pihak yang percaya lebih baik dalam pemerintahan militer ataupun ketenteraan, mereka akan dapat kuatkuasa sahaja. Dan Rang Undang-undang ini telah menimbulkan satu soalan besar mengenai masa depan demokrasi.

Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh menimbang semula, mungkin terlalu lewat implikasi-implikasi Rang Undang-undang ini terhadap masa depan demokrasi berparlimen dan perhubungan Persekutuan dan Negeri.

Rang Undang-undang ini menunjukkan precedent yang sangat merbahaya yang akan menandakan sampai bila-bila pun pemerintahan NOC ialah satu jalan keluar yang biasa. Nampaknya ada sedikit 'encoring' hendak berbalik kepada masa NOC di tahun 1969 dan tahun 1970. Bila ini akan membelakangkan "tugas nation building yang democratic" — tajuk rencana yang ditulis oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam satu artikel "solidarity" di tahun 1971. Dan satu ayat dalam rencana tersebut berbunyi:

"Feudalism versus Democracy in Malaysia — Democracy is losing ground and feudalism is catching on".

Saya menyeru semua Ahli-ahli Parlimen termasuk semua Ahli-ahli Barisan Nasional supaya mereka boleh discern kepentingan nasional dari kepentingan parti, boleh mengikut conscience dan mengundi. Dan saya pun berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh bebaskan whip (free whip) di mana semua ahli-ahli ada peluang menyuarakan pendapat-pendapat mengikut apa yang mereka fikir baik demi kepentingan negara.

10.18 mlm.

**Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri kita sebentar tadi yang saya anggap sebagai satu langkah yang wajar dan kena pada tempatnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar dan telah cukup faham terhadap sikap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang sentiasa sanggup bertolak ansur dalam menyelesaikan sebarang problem yang dihadapi oleh negara, terutama sekali yang melibatkan kepentingan rakyat. Ini dapat dibuktikan oleh semua pihak dari setiap keputusan yang diambilnya tidak pernah dibuat secara terburu-buru. Tetapi adalah mencerminkan langkah yang saksama dan penuh keadilan sesuai dengan ketinggian peribadinya sebagai seorang pemimpin negara yang bertimbang rasa dan penuh keinsafan. Tetapi apabila beliau berdepan dengan satu issue yang melibatkan keselamatan bangsa dan negara, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita terpaksa tegas dan mengambil jalan tengah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pergolakan politik di Kelantan kini kita tidak dapat menafikan bahawa sekiranya keadaan yang berlaku dibiarkan tanpa campurtangan Kerajaan Pusat maka akibatnya akan menjadi lebih buruk dan mungkin tidak dapat dikawal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pertelingkahan yang tidak habis-habis itu walaupun telah berkali-kali dirundingkan dengan hati yang terbuka dan semangat muhibbah tetapi masih juga tegang, maka tidak ada jalan lain yang nampak kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita hanya mengambilalih pemerintahan negeri Kelantan untuk diletakkan di bawah pentadbiran Kerajaan Pusat.

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, hanya dengan cara ini sahajalah keadaan yang kusut itu dapat dibendong semata-mata untuk faedah dan kepentingan rakyat yang tidak berdosa. Ini adalah memandangkan betapa siksanya penderitaan rakyat sejak sebulan yang lepas yang terpaksa hidup di bawah pemerintahan yang kucar-kacir, dan boleh dikatakan

Kerajaan demokrasi yang telah sekian lama wujud di negeri Kelantan dengan tiba-tiba menjadi sebuah negeri yang tidak mempunyai Kerajaan. Jadi, adakah wajar perkara itu di-biarkan begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kini apa yang kita lihat sebuah negeri yang aman dan sedang membangun telah bertukar menjadi satu keadaan rusuhan dan merosakkan harta-benda rakyat yang manakala dibiarkan mungkin mengakibatkan perbalahan kaum dan pertumpahan darah. Akibat dari perbalahan yang tidak putus-putus itu Kerajaan terpaksa menempatkan beribu-ribu anggota Pasukan Keselamatan semata-mata untuk mengawal keadaan yang bertambah liar. Tetapi adakah kita sedar bahawa dengan kehadiran anggota-anggota Pasukan Keselamatan dan polis itu dengan sendirinya telah menimbulkan perasaan bimbang dan takut di kalangan rakyat jelata. Oleh itu, adalah menjadi tugas dan kewajipan Kerajaan Pusat mententeramkan kembali fikiran rakyat dengan bertindak segera menarik balik anggota-anggota Pasukan Keselamatan yang telah ditempatkan di Kelantan sekian lama.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dipandang dari sudut ilmu alam Kelantan adalah sebuah negeri yang terdedah kepada anasir-anasir luar. Sejarah telah membuktikan bahawa negeri itu dianggap sebagai pintu masuk anasir-anasir jahat, dengan demikian sebarang keadaan huru-hara yang timbul di negeri itu adalah menjadi idaman dan cita-cita mereka mencetuskan keadaan yang lebih buruk, mereka akan menggunakan segala kesempatan untuk menghancurkan kestabilan dan perpaduan rakyat yang sentiasa hidup dalam aman dan damai. Di samping itu apa yang lebih mustahak segala rancangan pembangunan yang diidam-idamkan oleh setiap rakyat tidak akan dapat dilaksanakan mengikut Rancangan Malaysia Ketiga dan juga Dasar Ekonomi Baru. Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh gembira dengan langkah Perdana Menteri kita yang telah dapat melahirkan satu keputusan yang paling

bijak. Ini dengan tidak syak lagi tujuan beliau berbuat demikian adalah untuk kepentingan rakyat jelata dan menempatkan cita-cita mulia ini di atas segala-segalanya. Perpaduan dan kehormonian hidup hanya akan menjadi kenyataan sekiranya negeri itu kembali kepada keadaan biasa. Jadi, adalah paling wajar dan kena pada tempatnya kita menyokong Rang Undang-undang ini dengan satu tekad bahawa kita mestilah mengutamakan kebajikan rakyat dengan apa jua cara yang sesuai dan diterima oleh akal fikiran yang waras.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bukanlah satu tindakan yang kekal. Ini hanya sebagai satu langkah sementara yang membolehkan negeri Kelantan balik seperti keadaan sediakala supaya rakyat yang telah sekian lama tinggal di bawah perintah berkurung akan dapat semula bergerak mencari rezeki dan membuat aktiviti-aktiviti pembangunan. Jadi, tidak seharusnya kita mesti menentang dan membangkang tujuan yang baik itu. Kepada yang berhak akan tetap menerima haknya kembali kerana setiap langkah sementara itu akan kembali kepada keadaan biasa.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti ingat kepada satu firman Tuhan "Bahawa manusia digalakkan menyebut sesuatu yang benar walaupun ia terasa pahit".

*10.26 mlm.*

**Datuk Senu bin Abdul Rahman (Kuala Kedah):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Kuasa-kuasa Darurat (Kelantan) 1977 yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya mengambil peluang ini hendak membincangkan sedikit masaalah yang disebutkan begitu panjang lebar oleh seorang daripada Ahli Pembangkang tadi iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, tetapi sayangnya

beliau tidak ada di dalam Dewan pada masa ini. Beliau telah menunjukkan seolah-olah beliaulah menjadi pembela demokrasi di dalam negeri ini, beliau telah cuba hendak membentangkan di dalam Dewan ini dan kepada orang ramai bahawa Malaysia semenjak merdeka ini telah melakukan beberapa kesalahan-kesalahan yang menyentuh kedudukan demokrasi. Contoh yang dibawanya, umpamanya, apa yang berlaku di Sarawak dalam tahun 1966, kemudian apa yang berlaku pada 13hb Mei, 1969 dan apa pula yang berlaku pada hari ini dengan keadaan yang berlaku di Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan Ahli Yang Berhormat tersebut sekiranya Kerajaan Pusat yang bertanggungjawab, Parlimen ini yang bertanggungjawab kepada negara tidak mengambil tindakan-tindakan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, saya rasa keadaan dalam negara kita pada hari ini tidak sebegini sebagaimana yang ada pada hari ini. Ini adalah menunjukkan bahawa Kerajaan Pusat adalah bertanggungjawab, Kerajaan Pusat adalah menjalankan dasar demokrasi. Bila kita bercakap masaalah demokrasi kita tidak boleh pisahkan samada demokrasi di negeri atau demokrasi di Kerajaan Pusat. Demokrasi yang paling besar sekali di dalam negara kita ini ialah demokrasi di dalam Parlimen ini dan orang yang bertanggungjawab sekali ialah Perdana Menteri. Kalau demokrasi hendak hidup di dalam sesebuah negara, Parlimen adalah bertanggungjawab, bukannya negeri-negeri semata-mata. Sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, kita melihat beberapa banyak negara-negara yang pada mulanya berdasarkan demokrasi tetapi kerana kesilapan, kerana kelalaian, kealpaan pemimpin-pemimpin demokrasi Pusat tidak menjalankan tanggungjawab manakala berbangkit kekacauan-kekacauan yang kecil-kecil di kawasan-kawasan dan di negeri-negeri, maka itulah sebabnya kekacauan itu merebak sehingga beberapa buah negara-negara demokrasi yang dahulunya mengamalkan demokrasi; pada hari ini hancur.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-  
pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa patut sangat rakyat negeri ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan kerana tindakan-tindakan yang tegas diambil dan tidak dibiarkan sebagai bisul, dibiarkan sehingga pecah dahulu baru hendak diperbaiki, tetapi kita mengambil tindakan tegas setelah kita memerhati, setelah kita mempelajari dan mengkaji melalui alat-alat kelengkapan-kelengkapan kita, masalah-masalah yang berlaku di tiap-tiap negeri maka masa itulah bila sampai masanya kita mengambil tindakan. Saya rasa kalau sekiranya keadaan di Sarawak dahulu yang saya sendiri tahu, saya juga sendiri mengambil peranan, kalau dibiarkan Kerajaan yang dipimpin oleh Datuk Kalong Ningkan dahulu, yang saya rasa kita semua pun tahu keadaan Datuk Kalong Ningkan yang memimpin Sarawak pada masa itu, kalau dibiarkan terus memimpin Sarawak, saya tidak tahu apa Sarawak akan jadi pada hari ini samada Datuk Abdul Rahman akan menjadi Ketua Menteri Sarawak pada hari ini atau tidak. Tetapi alangkah besarnya perubahan yang telah kita lihat semenjak bertukar pemerintahan, semenjak kuasa diambil diguhkan kuasa Parlimen ini untuk membetulkan kejadian di Sarawak, betapa senangnya rakyat di Sarawak pada hari ini. Saya harap Datuk Abdul Rahman akan dapat....

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tolong jangan sebut nama Ahli di dalam Dewan.

**Datuk Senu bin Abdul Rahman:** Minta maaf. Saya harap rakyat negeri ini sendiri pergi ke Sarawak hari ini melihat kemajuan-kemajuan yang telah berlaku di dalam sedikit tahun ini. Begitu juga dalam tahun 1969, 13 Mei yang sangat-sangat disukai oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu dijadikan sebagai alasan kononnya kita ini hendak membunuh demokrasi. Kalaulah tidak kerana Kerajaan Pusat mengambil tindakan tegas atas kejadian 13 Mei, 1969 itu tidak diadakan

MAGERAN, tidak diadakan undang-undang yang sesuai untuk demokrasi, maka harus seluruh negara kita akan bertumpah darah dan harus tidak ada Malaysia sebagaimana Malaysia yang ada pada hari ini, tidak ada rakyat Malaysia yang dapat menikmati keamanan, kestabilan politik dan kebahagiaan sebagaimana yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada soal Kelantan. Saya sedih sungguh kalau saya bercakap masalah yang berlaku di Kelantan dan apa lagi kalau pula ada tuduhan-tuduhan yang mengatakan bahawa UMNO juga terlibat di dalam demonstrasi dan perpecahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, biar saya terangkan daripada mulanya. Sepanjang yang saya tahu, saya sendiri pun sebagai Setiausaha Agong UMNO, tidak pernah sepatahpun membuat kenyataan di dalam akhbar menyentuh kejadian-kejadian yang berlaku di Kelantan apa lagi manakala Datuk Asri sendiri berkali-kali mengingatkan bahawa masalah Kelantan itu adalah masalah kami, masalah PAS, masalah keluarga PAS. Jadi, kita tidak campurtangan. Saya sendiri memberitahu Bahagian-bahagian jangan campurtangan masalah Kelantan kerana itu masalah PAS. Pada masa itu bukan lagi menjadi masalah Barisan Nasional kerana pada masa itu masalah di antara Menteri Besar PAS dengan Ahli-ahli Dewan PAS sendiri, tetapi manakala masalah itu telah menjadi besar sehingga rakyat Kelantan sendiri telah menunjukkan perasaan walau apapun hendak dituduh atau hendak dikatakan demonstrasi itu diatur atau disusun tetapi rakyat Kelantan yang menunjukkan bahawa mereka sendiri yang menyokong Menteri Besar, mereka sendiri tidak mahu menyingkirkan Menteri Besar. Itu adalah satu perkara yang ganjil. Biasanya kita tahu demonstrasi selalunya menentang Menteri Besar, hendak menjatuhkan Menteri Besar, hendak menjatuhkan Kerajaan, ini rakyat sendiri keluar menyokong Menteri Besar, tidak mahu disingkirkan Menteri Besar dan tidak mahu beberapa orang Ahli-ahli PAS

yang mereka katakan, bukan saya katakan, tidak boleh dipercayai konon memegang peranan di dalam Kerajaan. Jadi manakala berlaku perkara ini sudah melibatkan Barisan Nasional sendiri. Biar saya terus-terang katakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Asri sendiri....

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya mengingatkan lagi, Standing Order tidak membenarkan menyebut nama — Ahli dari Nilam Puri!

**Datuk Senu bin Abdul Rahman:** Ahli dari Nilai Puri sendiri tidak pernah semenjak berlakunya krisis di Kelantan, berlakunya perselisihan antara Datuk Mohamad Nasir dengan 20 Ahli Dewan Negeri, sepanjang yang saya tahu tidak pernah sekalipun mengemukakan perkara itu kepada Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri. Semasa itu Yang Amat Berhormat masih ada lagi di sini sebelum keluar negeri dan selepas daripada itu manakala Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjadi Pemangku Perdana Menteri pun tidak pernah soal ini dibincangkan dengan Timbalan Perdana Menteri.

Saya sebut perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan hendak menuduh PAS, saya telah katakan tadi saya sedih sungguh perkara ini boleh berlaku. Kalau berlakulah antara UMNO dengan PAS, yang saya bimbang sungguh yang kita tidak mahu sama sekali berlaku berpecahan. Kita telah merasa perpecahan dahulu bagaimana sedihnya, bagaimana buruknya berpecahnya kita dan bagaimana indah dan baiknya manakala PAS sudah bersatu di dalam Barisan Nasional, bagaimana banyak kemajuan-kemajuan yang telah kita buat. Jadi, saya harap supaya masaalah ini difahami dengan sedalam-dalamnya oleh pemimpin-pemimpin PAS supaya soal ini dipandang dari segi negara keseluruhannya, bukannya daripada segi parti hendak mengambil tempat ataupun hendak membolot. Demi Allah, saya mengatakan tidak ada sama sekali niat, apa lagi kalau daripada pihak UMNO hendak mencuba

menjatuhkan PAS di Kelantan pada masa ini hendak mencari peluang umpamanya, tetapi kalau sudah rakyat Kelantan sendiri yang mengadakan berbagai-bagai demonstrasi, rakyat Kelantan sendiri, Nilam Puri sendiri yang boleh dikatakan menjadi anak buah didikan Datuk Asri sendiri, Majlis Ulama sendiri — saya bukan katakan Ahli dari Nilam Puri ini tetapi Kolej Nilam Puri.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Kalau hendak bertanya, hadapkan kepada Yang di-Pertua.

**Datuk Senu bin Abdul Rahman:** Maaf.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang di-Pertua ada di sini (*Ketawa*).

**Datuk Senu bin Abdul Rahman:** Kolej Nilam Puri sendiri yang Datuk Asri menjadi pengasasnya. Yang saya maksudkan Kolej Nilam Puri, bukan Datuk Asri, Nilam Puri dan Wakil Nilam Puri sendiri yang menjadi pengasas. Tetapi daripada apa yang kita baca dalam suratkhbar, daripada Nilai Puri itulah yang melahirkan atau membantu demonstrasi dan sebagainya. Begitu juga Majlis Ulama yang menjadi Majlis Agung PAS yang menjadi penasihat kepada Jawatankuasa Agung PAS, itupun juga berpecah, itupun juga menyokong tidak mahu disingkirkan Datuk Haji Mohamad Nasir. Jadi di mana kedudukan UMNO, Tuan Yang di-Pertua, biar saya terangkan berterus-terang di sini. Dengan keadaan yang demikian UMNO sudah menjadi serba-salah, samada UMNO hendak menyokong yang 20 ini ataupun hendak berkecuali ataupun hendak menyokong kehendak rakyat dengan Kolej Nilam Puri dengan Majlis Ulama dan sebagainya. Inilah sebabnya maka tindakan yang diambil oleh wakil UMNO yang 13 orang di dalam Dewan itu.

Saya harap sungguh-sungguh masaalah yang berlaku di Kelantan ini walaupun barangkali daripada figures yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri tadi yang diarguekan pula oleh wakil dari

Kota Melaka dan juga wakil dari Nilam Puri tidaklah merupakan sebagai figures yang besar atau bilangan yang mencemaskan, tetapi daripada lapuran-lapuran pihak polis dan sebagainya daripada wakil Nilam Puri itu sendiri tadi pun mengatakan kalau sekiranya polis tidak tegas di Machang, di Tumpat dan beberapa tempat lagi akan berlaku kekecohan. Wakil dari Nilam Puri itu sendiri juga mengatakan kalau polis tidak tegas, tidak cepat dan tidak dihantar cepat enforcement ke Kelantan harus entah apa yang telah berlaku. Kesemuanya itu adalah menunjukkan bahawa keselamatan sudah tidak terjamin. Jadi, manakala keselamatan sudah tidak terjamin dalam sesebuah negeri adalah tanggungjawab Parlimen, tanggungjawab Perdana Menteri dan tanggungjawab Dewan ini. Inilah Dewan demokrasi yang paling besar sekali dalam negeri ini, bukannya di dalam Dewan ini sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Dewan ini yang hendak membunuh demokrasi. Kalau Dewan ini hendak membunuh demokrasi, Malaysia kita sudah mejadi sebagai negara-negara tetangga yang hari ini mempunyai Kerajaan totalitarian atau dictatorship dan sebagainya. Insya Allah, saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, selagi UMNO ini masih menjadi teras Kerajaan, selagi kepercayaan diberi penuh kepada UMNO ini, Insya Allah, tidak akan jadi totalitarian dalam Kerajaan dalam Malaysia ini dan demokrasi tidak akan hancur.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penghabisan, saya minta rakan-rakan saya yang saya sayangi sungguh daripada PAS yang telah beberapa tahun ini bersama-sama kita bersusah-payah, dalam kawasan saya sendiri wakil kawasan negeri talipon saya dua tiga malam sudah, apa hendak jadi, katanya. Minta tolonglah selesaikan. Kalau kita berpecah apa akan jadi kepada kita, apa akan jadi kepada kita sebagai wakil rakyat, khususnya kepada orang Melayu? dan kalau berpecah PAS dengan UMNO bukan sahaja orang Melayu yang akan rosak tetapi orang Cina, India dan kaum lain pun akan hancur. Ini kenyataan, Tuan Yang di-Pertua. Saya selalu mengata-

kan, sampai saya disalahfahamkan oleh setengah-setengah pihak ada pihak mengatakan saya anti-Cina, anti-India dan sebagainya kerana saya bercakap mengenai UMNO dan mengenai Melayu. Biar saya berterus-terang mengatakan ini di Dewan ini pada malam ini dalam masaalah MAGERAN ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai Setiausaha Agung UMNO saya mesti bercakap begitu, saya mesti mengatakan bahawa UMNO mesti kuat, UMNO mesti bersatu-padu, UMNO dan PAS hari ini mesti bersatu. Kitalah tulang belakang Kerajaan, kalau kita tidak bersatu-padu, kalau kita tidak kuat Kerajaan yang ada hari ini akan hancur. Kalau sebuah parti lain hari ini, parti Melayu pun hari ini saya suka katakan yang tidak mempunyai dasar belakang 30 tahun sebagaimana UMNO ini memerintah, saya tidak tahu dan saya tidak fikir bahawa demokrasi yang dibimbang dan ditakutkan oleh orang-orang yang bukan Melayu hari ini akan dapat dikekalkan. Tetapi kalau UMNO terus berkuasa tuan-tuan dan puan-puan percayalah Dewan ini akan terus berjalan dan demokrasi akan terus berjalan dalam negara kita.

*10.47 mlm.*

**Dr. Tan Chee Khoon (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tadi kita telah dengar ucapan wakil dari Nilam Puri dan wakil dari Kota Melaka yang mana kedua-duanya menyatakan ancaman yang ada sekarang di Kelantan tidak begitu serius sehingga Kerajaan boleh membawa Rang Undang-undang seperti ini ke Dewan ini. Dewan ini juga telah mendengar kali yang pertama perkataan yang digunakan oleh wakil dari Nilam Puri iaitu emergency of convenience. Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan berkehendak Kerajaan boleh mengadakan emergency supaya Kerajaan boleh membawa apa-apa Rang

Undang-undang ke Dewan ini dan luluskan Rang Undang-undang tersebut.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, sejarah negara kita, mula-mula Malaya dan kemudiannya Malaysia seperti disebutkan oleh wakil dari Nilam Puri ini kali yang ketiga kita telah menggunakan Perkara 150 Perlembagaan kita. Apabila kita membahaskan pindaan Perlembagaan Perkara 150, saya masih ingat saya membantah sekeras-kerasnya terhadap plugging of the lacuna seperti yang disebutkan oleh Allahyarham Tun Dr. Ismail apabila kita membahaskan pindaan itu. Dan pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan ada rusuhan, demonstrasi, kekacauan dan kecederaan kerana batu dibaling oleh rakyat Kelantan, tetapi situasi atau keadaan di Kelantan telah dapat dikawal dan kita telah dengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan adalah mencukupi anggota-anggota polis sebanyak hampir 5,000 yang ada di Kelantan sekarang yang boleh menyelamatkan apa-apa tindakan anasir jahat di Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu pada pendapat saya, saya tak perlu Kerajaan Pusat mengisytiharkan darurat baharu sekarang di Kelantan dan mengadakan Rang Undang-undang seperti ini pada petang ini. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kali pertama NOC atau Mageran telah diadakan di sebuah Negeri di tanah air kita, malangnya Mageran ini telah diadakan di Kelantan. Saya mengatakan malangnya kalau sekiranya NOC telah diadakan misalnya di Kedah, tidak begitu banyak orang mengatakan, "tengoklah UMNO buat kekacauan kerana hendak jahanamkan PAS yang baru-baru ini mengadakan Mageran di Kelantan".

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar perkataan "the perfidious alwin". Ini bermakna orang Perancis tidak percaya orang Inggeris, begitu juga jangan dikatakan oleh anggota PAS "the perfidious UMNO" yang sekarang mengadakan Rang Undang-undang ini supaya boleh menjahanamkan PAS di Kelantan. Tadi kita

telah dengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menyatakan Rang Undang-undang ini tidak boleh dielakkan dan tanggungjawab dalam Rang Undang-undang ini tidak boleh dielakkan oleh beliau sendiri, tanggungjawab dan tugas-tugas di dalam Rang Undang-undang ini telah menjadi tugas yang berat kepada beliau. Ini saya akui, tetapi rakyat jelata di tanah air kita belum diberitahu dengan teliti apa yang berlaku mengenai pergaduhan antara anggota-anggota PAS yang bergaduh dengan UMNO apa yang berlaku dalam rusuhan dan demonstrasi di Kelantan kerana kita belum tahu apa yang sebenarnya berlaku, barangkali ada sebab yang Kerajaan tidak mahu memberitahu walaupun wakil dari Nilam Puri tadi menyatakan antara 35 rumah yang telah dipecah atau dibaling dengan batu oleh orang dewasa adalah kebanyakan rumah orang-orang Tionghua. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab rakyat jelata tidak tahu sebenarnya apa yang berlaku antara beberapa perkara yang disebut oleh saya, maka rakyat jelata tidak boleh mengambil sikap terhadap Rang Undang-undang ini dan saya sendiri mengakui saya tidak tahu apa yang sebenarnya berlaku di Kelantan, mahupun di Kuala Lumpur antara Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di dalam rundingannya dengan anggota-anggota PAS. Saya tidak tahu, barangkali apabila sejarah negara ini akan ditulis di masa akan datang, kita boleh tahu. Walau bagaimanapun pada pendapat saya Kerajaan Pusat sekarang ada mempunyai cukup kuasa, untuk mengawal keadaan di Kelantan, tak payahlah Kerajaan Pusat mengisytiharkan darurat yang baru di Kelantan dan kalau situasi di Kelantan dikawal dan anggota-anggota PAS diberi masa yang lanjut dan mencukupi mungkin mereka boleh menyelesaikan pergaduhan yang ada sekarang antara Datuk Haji Mohamed Nasir dan anggota-anggota PAS lain.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan ini saya telah menyatakan demokrasi di tanah air kita adalah demokrasi baru iaitu kita telah mencapai kemerdekaan semenjak tahun 1957 dan sekarang ini baru berumur 20 tahun

sahaja. Di dalam sejarah satu-satu negara, 20 tahun ini ialah masa yang singkat sahaja dan saya tidak menyatakan demokrasi di tanah air kita ialah nascent democracy. Ini bermakna demokrasi yang muda, dan saya nyatakan demokrasi di tanah air kita diibaratkan sebagai sebuah pokok yang tender dan fragile dan perlu dibela bukan sahaja oleh pemerintah tetapi juga oleh pihak Pembangkang dan oleh semua rakyat jelata di tanah air kita. Oleh itu, saya menyatakan Rang Undang-undang ini ialah satu setback kepada demokrasi di tanah air kita dan kalau sekiranya Kerajaan Pusat ada mengkaji perkara ini dengan sedalam-dalamnya, barangkali mungkin Kerajaan Pusat boleh menyelesaikan pergaduhan di antara anggota-anggota PAS dan tak payah dibawa Rang Undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar pergaduhan di antara anggota-anggota PAS telah melibatkan parti lain sekarang. Kita telah dengar maksud Ahli dari Kota Melaka, kalau tidak salah saya beliau mengatakan UMNO telah menuduh PAS dan sekarang ialah pergaduhan di antara orang-orang Melayu. Tetapi kita telah dengar wakil dari Nilam Puri mengatakan kebanyakan rumah-rumah yang sering dibaling dengan batu ialah rumah orang Tionghua. Ini bermakna pergaduhan di antara orang Melayu telah melibatkan orang Cina dan kalau kita tidak dijaga dan tidak diambil tindakan yang tegas dan segera boleh menyebabkan pergaduhan antara satu kaum dengan lain kaum dan kalau kita tidak jaga ia boleh menjadikan satu racial conflict.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui adanya ancaman. Ini tidak boleh dinafikan bahawa ada ancaman terhadap Kelantan. Tetapi saya menyatakan ancaman, rusuhan, demonstrasi dan kekecauan yang ada pada masa dahulu boleh dikawal oleh pihak Polis dan kalau sekiranya perlu, boleh minta anggota-anggota tentera juga.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit fasal-fasal mengenai Rang

Undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, Pengarah Kerajaan atau Supremo dipanggil oleh suratkhbar akan dipilih di antara seorang Pegawai Kerajaan atau bekas Pegawai Kerajaan. Saya hendak bertanya kepada Kerajaan mengapa Supremo ini akan dipilih daripada Pegawai Kerajaan atau bekas Pegawai Kerajaan. Mengapakah tidak boleh dipilih daripada pihak swasta, orang yang tidak berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan. Barangkali mungkin kalau kita siasat dengan teliti, kita akan mendapat seorang pegawai yang paling baik yang boleh jadi Supremo yang tidak berkhidmat di dalam perkhidmatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya wakil dari Nilam Puri di dalam ucapannya menyatakan ada orang yang sering membaling batu kepada rumah Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri Besar Kelantan. Mula-mulanya pihak Polis tidak mengambil tindakan yang tegas. Saya berharap Kerajaan akan menyiasat tuduhan ini dan mengambil tindakan yang tegas, oleh sebab kalau pihak Polis tidak bertindak dengan segera terhadap apa-apa serangan, rusuhan atau kekecauan, akan berleluasa, kalau kita tidak dijaga.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Dr. Tan Chee Khoon:** Sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya berharap apabila situasi di Kelantan kembali kepada aman dan damai kuasa-kuasa atau Akta ini akan dibubarkan atau dibatalkan supaya zaman darurat akan dibatalkan di Kelantan. Tadi kita dengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan Undang-undang ini buat sementara sahaja di Kelantan. Kita berharap sementara ini tidak dipanjangkan selama-lamanya, Tuan Yang di-Pertua.

Kita berharap sebelum pilihanraya umum yang akan datang Akta ini ditarik balik supaya kita boleh mengadakan pilihanraya umum di seluruh Malaysia.

*11.08 mlm.*

**Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Ya'kub (Payang):** Tuan Yang di-Pertua, memang saya yakin tiap-tiap Ahli Yang Berhormat di Dewan ini berasa dukacita bahawa terpaksa bagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan Kabinetnya mengemukakan Rang Undang-undang ini bagi menyelesaikan suatu masalah politik yang telah timbul di Negeri Kelantan yang seharusnya pada biasanya dapat diselesaikan menerusi jentera-jentera parti. Bagaimanapun Dewan ini telah diminta membincang, memberi pendapat atas Rang Undang-undang ini samada menyokong atau tidak menyokong terserahlah samada Ahli itu daripada PAS, DAP ataupun daripada mereka yang lain.

Kita telah banyak mendengar hujah-hujah daripada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang membaca gurindam Senawi Sulaiman ataupun hikayat Yang Berhormat Senator Datuk Syed Kechik. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka membaca gurindam Senawi Sulaiman dan hikayat Yang Berhormat Senator Datuk Syed Kechik sebagai bukti menyokong hujah Ahli Yang Berhormat itu bahawa keadaan darurat yang telah diisytiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah darurat of convenience, tetapi sebaliknya bila saya cabar Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu sendiri untuk bertanggungjawab atas kenyataan-kenyataan yang kononnya dibuat oleh Senawi Sulaiman, beliau enggan berbuat demikian. Mengikut Peraturan Mesyuarat yang biasa dalam mana-mana Dewan, seseorang Ahli Yang Berhormat yang membuat ucapan atau membuat soalan dalam Dewan ini atas sesuatu perkara mesti bertanggungjawab sendirinya atas kebenaran atau sebaliknya kenyataan itu.

Saya sempat bertanya Ahli Yang Berhormat itu sendiri di luar Dewan tadi samada beliau sanggup bertanggungjawab atas apa yang dikatakan oleh beliau surat tuduhan daripada Senawi Sulaiman. Beliau menjawab bagai-

mana beliau hendak tahu atas perkara itu benar atau tidak benar kerana pada masa itu dia tidak ada di Kuching. Bermakna beliau sendiri tidak yakin atas kebenaran tuduhan-tuduhan daripada Senawi Sulaiman terhadap saya, tetapi menggunakan surat-surat itu menuduh bahawa Kerajaan Pusat tidak jujur dalam perkara mengisytiharkan keadaan darurat di Kelantan. Itulah tembelang Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang bersikap kalau mengikut cakap orang Sarawak "kedak lango kedak" hinggap sana sini bawa berita yang tidak betul, yang tidak baik yang dia sendiri tidak mahu bertanggungjawab.

Yang Berhormat Ahli dari Marudu sendiri telahpun mengeluarkan mengenai hikayat Senator Datuk Syed Kechik menafikan kebenaran beberapa akuan-akuan buku itu tetapi bukanlah tujuan Dewan ini untuk membahaskan baik atau tidak baiknya hikayat Yang Berhormat Senator Datuk Syed Kechik itu. Yang di hadapan kita ini ialah dengan pendeknya, adakah kita percaya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ataupun tidak. Jikalau kita tidak percaya bahawa memang benar keadaan darurat itu berlaku di negeri Kelantan pada masa ini, adakah kita sekalian Ahli-ahli Yang Berhormat ini sanggup bertanggungjawab andaikata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menarik balik Rang Undang-undang ini. Adakah kita sekalian sanggup bertanggungjawab iaitu kalau sesudah Rang Undang-undang ini ditarik balik seperti yang dimaksudkan oleh setengah-setengah pihak berlaku keadaan yang tidak baik, rusuhan dan lain-lain, siapa yang harus bertanggungjawab di waktu itu. Perlembagaan kita telah memberi tugas dan kewajipan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk bertanggungjawab kepada negara mengenai masalah keselamatan dan ini tidak dapat dihujah hatta kepada mahkamah. Ini telah dibuktikan dalam kes Datuk Stephen Kalong Ningkan di mana Datuk Stephen Kalong sendiri telah membawa perkara beliau kepada mahkamah yakni mengenai masalah darurat. Mahkamah telah memutuskan bahawa apabila

proklamasi itu telah dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mahkamah tidak menyoal lagi sebab-sebabnya benar atau tidak benar, kerana Perlembagaan memberi sepenuhnya kuasa dan bukan sahaja kuasa tanggungjawab kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Seperti rakan saya, Ahli Yang Berhormat dari Kepong, saya akui, saya sendiri pun tidak begitu faham, tidak begitu mengetahui keadaan yang sebenar-benarnya berlaku di Kelantan. Saya sendiri tidak ke sana, apa yang dapat saya kutip ialah kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan di akhbar-akhbar, tetapi saya tidak sanggup sama sekali untuk menentang pendapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam masalah ini kepada siapa tanggungjawab mengenai keselamatan negara telah diberi oleh Perlembagaan, oleh Undang-undang kita. Dengan hal yang demikian itu, tidak ada pilihan lain bagi kita sekalian saya rasa, selain daripada menyokong Rang Undang-undang ini sepenuh-penuhnya di samping itu megharapkan dengan adanya kuasa-kuasa yang akan dijalankan di bawah Rang Undang-undang ini keadaan di negeri Kelantan akan menjadi bertambah baik dan Insya Allah demokrasi seperti biasa akan segera dapat dilaksanakan. Ini pengalaman di negeri Sarawak di mana Kerajaan Pusat telah mengisytiharkan darurat membolehkan demokrasi berjalan dengan sepenuhnya dan juga mententeramkan keadaan di dalam negeri. Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi telah berkata bahawa demonstrasi telah diadakan di luar mahkamah oleh golongan-golongan yang menentang Datuk Stephen Kalong Ningkan. Ini menunjukkan beliau itu adalah jahil sekali atas keadaan sebenarnya berlaku pada masa itu. Demonstrasi yang berlaku ialah demonstrasi yang dilakukan oleh beberapa orang golongan Datuk Stephen Kalong Ningkan sendiri membawa posters dan lain-lain, itu diadakan di luar mahkamah. Demonstrasi yang lain berikutan daripada demonstrasi itu kerana rakyat merasa jelas sebahagian besar

daripada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak tidak lagi mempunyai kepercayaan kepada Datuk Stephen Kalong Ningkan pada masa itu.

Ringkasnya, Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita berasa dukacita bahawa terpaksa Rang Undang-undang ini dikemukakan kepada Dewan ini, saya menyokong dengan harapan semoga daripada keadaan yang tidak begitu sihat pada masa ini akan timbul suatu keadaan yang boleh membawa kepada negeri Kelantan itu keamanan, ketenteraman dan kemajuan buat selama-lamanya setelah ini.

Sekali lagi sebelum saya duduk, saya ingin mencabar Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, dia tidak ada di sini supaya dia sendiri bertanggungjawab membuat tuduhan yang dibacanya tadi di luar Dewan. Tidak guna bagi saya hendak menyaman Senawi Sulaiman kerana dia tidak mempunyai wang satu sen pun sedangkan untuk perbelanjaan isterinya beberapa tahun yang lalu tiap-tiap bulan dia minta sedekah kepada saya. Belanja susu anaknya pun begitu juga. Jadi, kalau saya bawa dia ke mahkamah hanya membuang masa sahaja, tetapi kalau tuduhan itu datang sendirinya dengan tanggungjawab Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan Undang-undang.

*11.20 mlm.*

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba (Alor Gajah):** Tuan Yang di-Pertua, ada dua sebab mengapa Undang-undang ini dibawa ke Parlimen bagi mengadakan sebuah Kerajaan darurat di Kelantan.

Yang pertama, seperti yang telah banyak dibahaskan ialah mengenai keselamatan dan yang kedua sebanyak-sedikit berlaku Constitutional crisis, (Krisis Perlembagaan). Wakil dari Kota Melaka mendatangkan soalan mengapa Menteri Besar yang telah diberikan undi tidak percaya dalam Dewan masih lagi menjadi Menteri Besar padahal mengikut

peraturan-peraturan biasa seseorang yang telah dilucutkan jawatan dengan undi yang terbanyak mesti diganti dengan orang baru. Tetapi Perlembagaan Negeri Kelantan itu adalah berlainan sedikit daripada Perlembagaan yang biasa. Apabila Menteri Besar Negeri Kelantan mendapat undi tidak percaya daripada majoriti dalam Dewan Undangan Negeri maka Menteri Besar itu boleh melakukan salah satu daripada dua cara. Yang pertama, Menteri Besar itu boleh memohon supaya Duli Yang Maha Mulia Sultan, atau sekarang ini Pemangku Raja, untuk membubarkan Dewan Negeri dan pilihan yang kedua ialah meletakkan jawatan. Apabila salah satu daripada dua cara dilakukan barulah seorang Menteri Besar yang baru dapat dipilih dan menubuhkan Kerajaan baru di negeri itu.

Sepanjang yang saya ketahui Menteri Besar Datuk Mohamad Nasir sudahpun memilih salah satu daripada dua jalan keluar, yang tersebut dalam Perlembagaan itu, dengan memohon kepada Pemangku Raja supaya Dewan Negeri Kelantan dibubarkan. Ini bermakna Menteri Besar itu telah mengikut kehendak-kehendak Perlembagaan, tetapi malangnya saya tidak tahu sehingga pada hari ini bahawa permintaannya itu belum lagi mendapat jawapan daripada Pemangku Raja. Maka dengan sebab itu pilihan yang kedua belum dapat dilaksanakannya. Maka dengan sebab itu, beliau terus menjadi Menteri Besar sehingga pada hari ini. Dan mengikut satu siaran akhbar yang saya baca, samada benar atau tidak, seorang ahli Dewan Undangan Negeri PAS telahpun mengemukakan suatu rayuan kepada mahkamah meminta ruling daripada mahkamah supaya Menteri Besar itu meletakkan jawatannya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak UMNO tidak dapat memujuk ataupun mendesak Menteri Besar itu meletakkan jawatan kerana ianya bukan ahli UMNO dan dia telah dipecat pula daripada ahli PAS dia menjadi seorang Menteri Besar bebas. Inilah kedudukan Perlembagaan sepanjang yang saya ketahui.

Berapa lamakah keadaan ini akan berlanjutan seorang Menteri Besar yang begitu kedudukannya dengan tidak ada Exco lagi tentulah akan terhalang kemajuan-kemajuan Negeri Kelantan padahal Negeri Kelantan telah jauh tertinggal ke belakang dan mesti di-segerakan pembangunannya untuk menebus kembali kelemahan-kelemahan yang telah lalu itu dan ditambah pula dengan adanya masalah keselamatan. Maka tidak ada jalan keluar lain yang boleh dibuat oleh Kerajaan Pusat yang bertanggungjawab, melainkan dengan mengadakan Undang-undang ini supaya ditubuhkan Kerajaan darurat, supaya dapatlah digerakkan jentera Kerajaan bagi mencapai kemajuan di samping menjaga keselamatan rakyat negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa ahli yang telah bercakap tadi, baik daripada parti Pembangkang termasuk wakil dari Nilam Puri membayangkan seolah-olahnya Kerajaan Pusat, tegasnya Perdana Menteri kita hendak menghancurkan Kerajaan PAS di Negeri Kelantan. Di sini saya minta saudara-saudara semua dan seluruh rakyat mengetahui hakikat yang sebenar bahawa Parti Islam Se Tanah Melayu (PAS) adalah menjadi anggota kepada Barisan Nasional yang mana Perdana Menteri menjadi Pengerusinya. Sehingga pada hari ini saya sebagai Setiausaha Agung Barisan Nasional belum lagi mendapat apa-apa berita rasmi samada parti itu telah menarik diri daripada Barisan Nasional. Oleh kerana tidak ada berita rasmi yang disampaikan kepada saya, saya masih menganggap dan saya mengalu-alukan PAS sebagai salah satu anggota Barisan Nasional. Masakan seorang Pengerusi Parti Barisan Nasional mahu menghancurkan partinya sendiri yang mana PAS itu menjadi salah satu anggota kepada parti Barisan, dan keputusan Perdana Menteri hendak mengadakan Undang-undang ini diambil sebelum ahli-ahli parti PAS meninggalkan Kerajaan pada hari ini. Jika sekiranya Undang-undang ini dikemukakan oleh Perdana Menteri sesudah parti PAS meninggalkan Kerajaan maka itu tentulah ada jalan bagi sesiapa yang hendak menuduh yang Perdana

Menteri hendak menghancurkan Kerajaan musuhnya, tetapi Undang-undang ini telah dikemukakan sebelum mereka mengambil tindakan dan tidak ada siapa yang boleh menerima tuduhan yang menyatakan bahawa seorang Pengerusi sebuah parti ingin hendak menghancurkan partinya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah salah seorang penyokong kuat penubuhan Kerajaan Campuran di antara PAS dengan UMNO dan seterusnya menubuhkan kerjasama Barisan Nasional di mana PAS turut sama menyertainya. Tujuan utama ditubuhkan Barisan Nasional bukan sahaja hendak menguatkan perpaduan rakyat setelah tercetusnya pergolakan berdarah 13 Mei, 1969 bahkan juga dengan tujuan hendak mengurangkan politik-ing supaya seluruh tenaga Kerajaan dapat digembeling untuk usaha pembangunan. Langkah PAS selama ini turut sama berusaha dengan tujuan yang sama amatlah menggalakkan. Tetapi malangnya, peristiwa yang berlaku di Kelantan menimbulkan masalah yang boleh membawa keretakan dalam perpaduan Barisan Nasional sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pendirian UMNO dan MCA terpaksa berkecuali dalam Dewan Undangan Negeri waktu membincangkan usul tidak percaya kepada MB Negeri Kelantan adalah kerana parti PAS mendakwa peristiwa itu adalah krisis rumahtangga parti PAS sendiri. Oleh itu, tindakan berkecuali oleh UMNO dan MCA adalah wajar sekali. UMNO juga tidak mahu mengambil kesempatan bagi mendesak Kerajaan supaya diadakan satu pilihanraya baru di Negeri Kelantan kerana dua sebab.

Sebab yang pertama, UMNO tidak mahu melihat kekacauan dan tumpah darah berlaku semata-mata dengan tujuan untuk merebut kuasa.

Kedua, UMNO masih menganggap parti PAS sebagai rakan seperjuangan dalam Barisan Nasional. Oleh itu tidak patut UMNO mengambil kesempatan untuk menghancurkan parti rakannya sendiri.

Kerajaan darurat yang hendak ditubuhkan di Kelantan dengan kuatkuasa Akta Parlimen adalah semata-mata untuk melindungi nyawa rakyat dan segala hartabenda mereka.

Parti PAS sepatutnya berterima kasih dan menerima dengan baik cadangan hendak mengadakan Kerajaan darurat yang dicadangkan ini kerana ini akan mendatangkan keuntungan kepada parti PAS sendiri. Kerana sekiranya berlaku kekacauan dan tumpah darah sebaik-baik sahaja parti PAS menubuhkan Kerajaan barunya sekarang tanpa Kerajaan darurat, maka ini akan merosakkan atau menghancurkan imej parti PAS itu sendiri. Dengan adanya keadaan darurat ini, maka dapatlah PAS berselindung bagi membetulkan kedudukannya untuk memerintah Negeri Kelantan semula apabila Kerajaan darurat ditarik balik. Dengan penubuhan Kerajaan pentadbiran darurat membolehkan parti PAS dapat hidup semula dengan sempurna di Kelantan kemudian kelak. Inilah dia kejujuran pemimpin-pemimpin Kerajaan Pusat terhadap rakan seperjuangannya parti PAS. Tetapi malangnya usaha baik ini telah disalahfahamkan. Belumlah terlewat lagi masanya bagi rakan-rakan kita dalam parti PAS untuk menimbangkan semula pendiriannya dan menyokong Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila berlaku peristiwa 13hb. Mei, 1969 Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj selaku Perdana Menteri dengan serta-merta mengisytiharkan keadaan darurat dan beliau dengan sukarela menyerahkan kuasanya kepada seorang lain iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak untuk memulihkan semula keamanan. Langkah Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj ini tidak sedikit pun dianggap sebagai menurunkan mertabatnya sebagai tokoh utama dalam bidang politik Malaysia, tetapi sebaliknya ia merupakan satu langkah yang bijak dan mulia semata-mata dengan tujuan hendak menyelamatkan nyawa rakyat. Peristiwa ini patutlah dijadikan contoh dan tauladan oleh kita semua termasuk pemimpin-pemimpin PAS sendiri. Keselamatan rakyat

adalah perkara yang terpenting sekali dalam perjuangan politik. Di dalam tahun 1971 demokrasi telah dipulihkan semula. Pemulihan demokrasi itu bukan dengan desakan daripada rakyat tetapi adalah dengan kemahuan Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj sendiri. Sekali lagi Tunku Abdul Rahman menunjukkan kemuliaan hatinya dan muncul sebagai seorang jaguh demokrasi sejati walaupun pemerintahan NOC atau Mageran masih boleh dilanjutkan lagi. Contoh ini juga patut ditauladani oleh kita semua. Kejujuran pemimpin-pemimpin Partai Perikatan pada waktu itu dalam masaalah ini sepatutnya diyakini oleh parti PAS dan inilah kejujuran yang diwarisi oleh pemimpin-pemimpin Barisan terutamanya oleh Perdana Menteri kita yang ada sekarang ini.

Pemerintahan darurat di Kelantan seperti yang banyak disebut bahkan telah diakui oleh Perdana Menteri hanya untuk sementara sahaja dan pemerintahan demokrasi akan dipulihkan semula dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perjuangan politik; kepentingan rakyat adalah menjadi perkara yang utama lebih daripada kepentingan parti dan diri sendiri. Dan slogan ini hendaklah dikotakan dan bukannya disebut dibibir sahaja.

Penubuhan pentadbiran darurat di Kelantan tidak boleh dianggap sebagai hendak membunuh demokrasi. Sebaliknya, langkah ini bertujuan sebagai ikhtiar supaya pemerintahan demokrasi dapat dipulih dan dikekalkan. Demokrasi hendaklah digunakan untuk pembangunan dan sebaliknya apakah ertinya demokrasi jika ianya menimbulkan kekacauan dan kemusnahan hidup dan merosakkan hartabenda rakyat. Kita mahu Malaysia diperintah cara demokrasi selama-lamanya. Tetapi dengan kedudukan di Kelantan yang ada pada hari ini penubuhan Kerajaan darurat tidak dapat dielakkan. Dengan lain-lain perkataan, kita tidak mahu melihat demokrasi membunuh demokrasi tetapi kita mahu me-

lihat Kerajaan darurat ini sebagai jentera untuk menghidupkan semula demokrasi.

Pemerintah darurat dalam tahun 1969 dikenakan di seluruh negara kerana corak kekacauan yang berlaku di waktu itu adalah merupakan perselisihan kaum, tetapi sebaliknya di Kelantan keadaan adalah berlainan.

Demonstrasi-demonstrasi yang ditunjukkan oleh rakyat adalah perarakan-perarakan menyokong Kerajaan kerana membantah langkah memberhentikan Menteri Besar mereka. Oleh kerana Menteri Besar telah disingkirkan maka adalah dikhuatirkan rakyat akan bertindak lebih keras lagi jika pemerintah darurat tidak diwujudkan.

Inilah sebabnya pemerintahan darurat di negeri Kelantan itu diwujudkan dan terhad hanya setakat di Negeri Kelantan sahaja dan tidak diwujudkan di seluruh negara. Langkah mengadakan Kerajaan darurat juga perlu diambil sebelum anasir-anasir jahat dapat mengambil kesempatan untuk menimbulkan pergaduhan kaum di Kelantan yang boleh menyebabkan merebak keseluruh tanah air.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pertikaian yang berlaku di Kelantan telahpun ada tanda-tanda menunjukkan surat-surat hasutan yang dikeluarkan supaya orang-orang Melayu bangkit memusuhi orang-orang Cina di negeri itu. Dan ini sangatlah besar bahayanya dan mesti dipadamkan dengan segera. Di atas sebab-sebab inilah saya menyokong kuat Undang-undang Kuasa-kuasa Darurat yang hendak digunakan kepada Negeri Kelantan itu.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan kemenangan gemilang Barisan Nasional dalam pilihanraya tahun 1974 adalah disebabkan oleh penyatuan tenaga politik daripada 9 buah parti politik di waktu itu. Kekuatan Barisan Nasional bertambah dua kali ganda di Trengganu, Kelantan dan Kedah disebabkan adanya kerjasama yang rapat di antara UMNO dan PAS di dalam Barisan Nasional.

UMNO ingin mengekalkan kekuatan tersebut selama-lamanya untuk kepentingan rakyat seluruhnya, tetapi malangnya UMNO terpaksa menanggung apa jua akibat yang berlaku terbit daripada tindakan Kerajaan darurat di Kelantan itu semata-mata kerana hendak menyelamatkan nyawa rakyat, parti ini lebih mementingkan keselamatan nyawa rakyat daripada mencapai kemenangan dalam pilihanraya. Kerajaan mempunyai tujuan utama dalam perjuangannya iaitu menyelamatkan jiwa rakyat dan hartabenda mereka, tidak bermakna lagi demokrasi, Tuan Yang di-Pertua, jika rakyat telah mati. Demokrasi hanya berfaedah jika rakyat masih hidup dan pemerintahan darurat di Kelantan adalah jalan keluar yang sebaik-baiknya bagi menyelamatkan nyawa rakyat dan untuk membolehkan mereka dapat menikmati semula pemerintahan demokrasi kemudiannya kelak. Langkah mengadakan Kerajaan darurat bukannya formula daripada UMNO, tetapi ianya merupakan keputusan Kerajaan Pusat, UMNO hanya setakat memberikan sokongan sahaja atas cadangan Kabinet yang diwakili oleh hampir semua parti-parti Pembangkang di dalam Kerajaan yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen telahpun melantik seorang ahlinya menjadi Perdana Menteri dan begitu juga di dalam parti melantik seorang ahli menjadi Pengerusi dan dengan secara tidak sengaja, secara ketbetulan, kedua-dua jawatan itu dipegang oleh seorang iaitu Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Onn. Beliau sebagai Perdana Menteri adalah orang yang bertanggungjawab kerana beliau mengetahui dengan sepenuhnya akan masalah keselamatan dalam negeri ini. Jika sekiranya beliau tidak mengambil tindakan bagi menyelamatkan situasi yang buruk pada hari ini, beliau akan menanggung dosa yang besar akhirnya.

Boleh jadi Kerajaan darurat ini dianggap sebagai satu kesilapan, tetapi kesilapan membiarkan rakyat berbunuh-bunuhan sama sendiri adalah lebih besar lagi kerana jika

sekiranya Kerajaan darurat ini difikirkan satu kesilapan hari ini, besok pagi boleh ditarik semula, dua hari kemudian boleh ditarik semula. Tetapi jika nyawa rakyat telah terkorban di Kelantan tidak akan ada gantinya lagi, dan jika ini berlaku Perdana Menteri akan menanggung dosa besar dalam seumur hidup. Bagi pihak kita yang telah meletakkan kepercayaan kepada beliau dan yakin apa yang dikatakannya situasi di Kelantan itu boleh mendatangkan bahaya maka sebab itu kita wajib memberikan sokongan kepada Undang-undang ini.

Sebelum saya duduk, Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap peristiwa yang berlaku pada hari ini amatlah ganjil kerana seperti yang kita maklum segala ahli-ahli daripada parti PAS telahpun meninggalkan Kerajaan yang diketuai oleh wakil daripada Nilam Puri, Yang di-Pertua Agong PAS. Ini bermakna mereka itu tidak menaruh kepercayaan kepada Perdana Menteri sekurang-kurangnya dalam masalah hendak mengadakan Kerajaan darurat di Kelantan. Tetapi sebaliknya sehingga pada saat ini saya sebagai Secretary-General of the National Front belumlah mengetahui samada parti PAS ini akan kekal duduk di dalam Barisan Nasional atau tidak. Kita berharap kalau boleh mereka itu duduk kekal bekerjasama dengan kita bersama-sama mentadbirkan negeri ini, tetapi sangatlah anehnya jika di dalam undang-undang ini mereka itu tidak menaruh kepercayaan kepada Perdana Menteri, tetapi sebaliknya di dalam parti mereka itu memberi kepercayaan kepada orang yang sama, tentulah menjadi satu tanda tanya yang sukar hendak dijawab. Oleh sebab itu, saya memohon kepada rakan-rakan saya daripada parti PAS, boleh jadi mereka tidak akan dengar langsung permintaan saya atau rakan-rakan saya yang lain, tetapi untuk rekod supaya semua rakyat tahu yang kita ingin bekerjasama dengan mereka demi kepentingan rakyat dan negara kita, samada mereka mahu timbang semula atau tidak terpulang kepada mereka kerana mereka ada mempunyai pendirian sendiri. Inilah sahaja ucapan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, pada ketika ini saya tidaklah hendak menetapkan waktu mana saya hendak jemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab, sebab saya faham ada ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak bercakap. Di hadapan Dewan ini kita ada satu Rang Undang-undang kerana hendak mendirikan satu Kerajaan di bawah Perkara 150 Perlembagaan iaitu dengan ringkas "Kerajaan Darurat". Saya harap Ahli-ahli yang berucap minta tumpukan kepada Rang Undang-undang ini; jikalau bersetuju bolehlah sebut hujah-hujah fasal apa bersetuju, jika tidak sebutlah hujah-hujah fasal apa tidak setuju. Jangan eratkan panjang lagi latarbelakang yang menyebabkan patut diadakan Undang-undang ini oleh Dewan kita di sini sebab latarbelakang sudah kita dengar daripada beberapa pihak. Jadi, saya mintalah kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tolong pendek-pendekan ucapan atau teguran supaya seberapa ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dapat peluang memberi buah fikiran.

Bagi pihak saya sendiri di sini tidak mengapa, sampai ayam berkokok pun boleh, tetapi tentulah satu rang undang-undang itu ada sekatannya, jikalau kita melarat jauh-jauh sangat itu boleh jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri pun letih. Jadi, saya minta kerjasama pendekan ucapan masing-masing, katakanlah, dalam 10 minit seorang berucap itu saya fikir cukup memadai.

Sekarang saya bukakan semula untuk perbahasan dalam Rang Undang-undang ini — Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

*11.48 mlm.*

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam mengemukakan Rang Undang-undang ini telah menghuraikan peristiwa-peristiwa yang telah menyebabkan timbulnya krisis politik di Kelantan sekarang dan mewujudkan

keadaan yang merbahaya keselamatan rakyat dan hartabenda rakyat di negeri tersebut.

Beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah berucap sebelum saya khususnya Ketua Parti Pembangkang telah cuba mengecilkan keadaan bahaya yang dihadapi oleh rakyat di negeri itu dan mengatakan bahawa keadaan itu adalah dalam kawalan dan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga membandingkan keadaan di negeri itu dengan peristiwa di negeri Sarawak di waktu Datuk Stephen Kalong Ningkan menjadi Ketua Menteri Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah dan juga rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Payang telah menjawab hujah-hujah beliau dan tidak payahlah saya menyentuh kepada perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, kami tidak boleh menganggap perkara-perkara ini dengan ringan yang membahayakan diri dan hartabenda rakyat, tambahan pula janganlah dilupakan bahawa walaupun keadaan di sana sedang dalam kawalan, keadaan ini hanya wujud dengan adanya dalam negeri itu lebih daripada 5,000 anggota Polis di mana sebelum keadaan ini terdapat cuma 1,249 anggota Polis. Ini bermakna bahawa sumber-sumber pihak Polis ditegang dengan sepenuhnya untuk menentukan keselamatan sebuah negeri di Semenanjung Malaysia dan ini mendedahkan lain-lain negeri kepada keadaan merbahaya di mana anasir-anasir subversif dan anti-nasional boleh menggunakan keadaan itu untuk kepentingan diri sendiri. Keadaan merbahaya ini adalah nyata apabila kita sedar akan permainan politik yang hebat sekali yang sedang dijalankan di beberapa tempat dalam negara pada masa ini.

Berucap sebagai ahli yang berasal dari Negeri Sarawak yang pernah mengalami keadaan darurat yang telah mengancam seluruh keselamatan negeri itu selepas pembentukan Malaysia dan kegiatan-kegiatan

kominis yang bermilitan dan juga konfrontasi dengan Regim Sukarno yang juga telah mengancam kehidupan negara kita yang baru merdeka pada masa itu, jadi saya adalah sedar tentang apa keadaan yang boleh menghadapi kita semua. Oleh kerana keadaan itu mesti diatasi dan demi keselamatan dan mata pencarian rakyat Sarawak, kami di SUPP telah bersetuju dengan undangan untuk menubuhkan sebuah Kerajaan Campuran di Sarawak selepas pilihanraya tahun 1969. Langkah pertama ini untuk pengalaman berbeza-beza politik demi kebajikan rakyat Sarawak telah membawa dengan sebenarnya keadaan yang lebih baik terhadap kedudukan keselamatan dan ianya membolehkan Kerajaan untuk menumpukan pembangunan ekonomi demi faedah rakyat.

Pembentukan Kerajaan Campuran di Sarawak telah diikuti oleh pembentukan Kerajaan Barisan Nasional selepas pilihanraya tahun 1974. Pembangunan ekonomi dan kejayaan-kejayaan yang diakibatkan oleh kestabilan politik selepas pembentukan Kerajaan Barisan Nasional telah jelas nampak di dalam Belanjawan yang telah dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini oleh rakan saya Yang Berhormat Menteri Kewangan. Mestikah kita membayar semua kejayaan-kejayaan dan kemajuan yang kita telah capai dengan mengambil risiko dari membenarkan keadaan di Negeri Kelantan untuk menjadi buruk dan bukan sahaja membayar keselamatan rakyat di negeri tersebut tetapi juga membayarkan lain-lain negeri di negara ini kepada kemungkinan eksploitasi oleh anasir-anasir subversif dan anti-nasional yang berada dalam negara kita sebagai musuh dalam selimut dan mereka telah ingin mengambil peluang untuk mengganggu dan membinasakan apa yang kita telah dapat capai sehingga hari ini.

Saya telah memikirkan perkara ini dengan rakan-rakan SUPP saya di Parlimen dan kami percaya bahawa atas kepentingan rakyat Kelantan dan juga kepentingan negara kami perlulah menyokong Rang Undang-undang ini yang telahpun dikemukakan oleh Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri di dalam Dewan ini. Walaupun sebagai sebuah parti yang menyokong prinsip demokrasi yang berparlimen, kami adalah menentang sebarang corak Kerajaan yang totalitarian. Pada hakikatnya bahawa langkah itu telah dikemukakan di Parlimen sebagai satu Rang Undang-undang untuk pertimbangan dan kelulusan Dewan yang mulia ini adalah satu tanda yang secukupnya bahawa Kerajaan bersangkutan kepada prinsip-prinsip demokratik walaupun di bawah kuasa darurat yang ada sekarang, Kerajaan Persekutuan adalah mempunyai kuasa untuk mengambilalih Kerajaan Negeri Kelantan tanpa mengadakan mandat baru daripada Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya Rang Undang-undang ini boleh dimansuhkan jika didapati bahawa perlanjutan kuasa-kuasa darurat seperti yang diperbekalkan di bawah Rang Undang-undang ini adalah tidak perlu lagi.

*11.55 mlm.*

**Dr. Lim Chong Eu (Tanjong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Setelah saya mendengar ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri maka jelaslah bahawa satu keadaan cemas wujud di Negeri Kelantan dan selepas saya mendengar ucapan Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri saya yakin bahawa keadaan darurat benar-benar ujud yang mengancam keselamatan dan kehidupan ekonomi bagi Negeri Kelantan. Saya yakin juga bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah seorang yang bersikap tegas dalam tujuannya untuk memelihara keamanan dan keselamatan dalam negara kita. Beliau juga seorang yang tidak dipengaruhi emosi. Barang apa yang dilakukannya adalah demi kepentingan negara dan saya percaya dengan penuhnya bahawa tiada politik yang terlibat dalam keputusan beliau ini.

Tuan Yang di-Pertua, kami menyokong tindakan yang diambil kerana kami bersetuju dengan ikhlasnya bahawa tindakan ini adalah perlu. Kami menyokong Rang Undang-undang ini dengan harapan bahawa melalui tindakan ini kekerasan yang berorganisasi dan kacau-bilau amnya yang berlaku di Kelantan tidak akan merebak ke bahagian-bahagian lain negara ini. Syarat-syarat Rang Undang-undang yang menentukan tempohnya secara jelas menunjukkan bahawa Kerajaan bertujuan bertindak dengan matlamat mengembalikan keamanan dengan secepat mungkin di Negeri Kelantan. Ini adalah masanya apabila setiap warganegara yang mengambil berat tentang masa depan Malaysia dan memahami bahawa masa depan kita bergantung kepada kestabilan, keamanan dan keselamatan negara masa kini, semestinya melihat: issue yang serius yang dibentang kepada kita dari sudut kepentingan nasional. Warganegara Malaysia yang bimbang tentang peristiwa-peristiwa yang mendukacitakan di Kelantan itu semestinya cuba menyelesaikan keadaan itu demi kepentingan negara. Hanyalah kepentingan negara semestinya menjadi faktor yang membimbing keputusan kita. Di dalam Dewan ini bukanlah kita hendak menjadi satu Dewan mahkamah yang mana kita timbang siapa yang betul dan siapa yang tidak betul.

Apa yang kita putuskan di sini ialah samada ada atau tidak ada satu keadaan darurat di dalam Negeri Kelantan. Itulah keputusan yang kita mesti ambil. Kalau ada darurat di dalam Negeri Kelantan, maka kita mesti menyokong kepada Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Semenjak tahun 1969 semua pemimpin yang bersemangat tanggungjawab di negeri ini telah berusaha dengan teliti untuk membina kembali demokrasi berparlimen di negara ini melalui Majlis Perpaduan Negara dan Majlis Perundangan Negara. Kita telah dengan teliti membina struktur demokrasi berparlimen yang telah dipulihkan berdasarkan penerimaan yang luas rakyat negara ini akan lunas-

lunas Rukunegara dan Prinsip-prinsip Dasar Ekonomi Baru. Dalam bidang politik pucuk pimpinan dalam berbagai parti komponen dalam Barisan Nasional termasuklah Parti PAS telah secara ikhlas bersetuju untuk minimise politiking dengan mempertahankan perpaduan negara supaya berdasarkan perpaduan negara ini kita boleh seterusnya menjalankan tugas-tugas pembangunan sosial ekonomi negara kita. Berasaskan fahaman ini demokrasi berparlimen dipulihkan dari bulan Februari tahun 1971. Walau bagaimanapun, kita seharusnya sentiasa berwaspada terhadap politik emosi yang boleh mengancam perpaduan negara yang telah kita bersetuju akan bersama-sama membinanya.

Tadi bila saya dengar rakan lama saya dalam bidang politik Yang Berhormat dari Nilam Puri kata, lima tahun beliau tidak beri ucapan, sungguhpun 5 tahun telah lepas, tetapi kalau kita mesti jaga keamanan negara, jagalah selama-lamanya. Apa yang telah berlaku hari ini adalah tidak dapat dielakkan kerana memang lebih baik keputusan yang tegas diambil sekarang walaupun nampaknya keras pada masa sekarang supaya dapat kita membataskan issue itu kepada sebuah negeri dan sebuah negeri sahaja. Kita tidak boleh membenarkan kacau-bilau umum dan kekerasan berorganisasi merebak dan membahayakan kehidupan dan keselamatan rakyat kita dan juga struktur negara kita sendiri.

Dalam menyokong Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa Parti Gerakan secara tegas menyokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kabinet beliau dalam percubaannya melindungi keamanan dan keselamatan di negara ini. Saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri dan rakan-rakan beliau akan bersikap menasabah dengan tidak akan dipengaruhi parti-parti Pembangkang yang mengambil kesempatan ini sahaja untuk menanggung di air keruh. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri dan rakan-rakan beliau akan menerima pendapat sahabat-sahabat beliau dari Barisan Nasional

kerana ini adalah satu jalan yang tunggal untuk kita bertindak supaya dapat mengekalkan keamanan dan keselamatan dalam negara dan untuk mengembalikan ketenteraman umum dan keamanan di negeri Kelantan dengan secepat mungkin. Saya harap Yang Berhormat dari Nilam Puri menerima rayuan rakan-rakan beliau sebab kita di dalam Barisan Nasional tidaklah ambil sebarang blok.

Tuan Yang di-Pertua, kita seharusnya mengenyepikan segala emosi yang telah timbul dan kita mesti berfikir serta bertindak hanya untuk kepentingan Malaysia saja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

### *12.13 mlm.*

**Datuk Harris bin Mohd. Salleh (Keningau):** Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya kelmarin bila membahaskan Belanjawan tahun 1978, saya menegaskan bahawa betapa pentingnya iaitu keamanan mestilah dipertahankan, barulah kita dapat mencapai cita-cita kita untuk memperkembangkan sosial dan ekonomi tanah air kita. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, kami menyokong Rang Undang-undang Kuasa-kuasa Darurat (Kelantan) tahun 1977 yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, biarpun kami jauh di Sabah tetapi dalam beberapa minggu ini kami telah mendapat khabar, mendapat penerangan iaitu ada kekacauan di Negeri Kelantan. Saya katakan kekacauan, ini bukanlah political crisis, kerana apa, kekacauan yang terjadi di Kelantan itu sepertimana yang dengan tegasnya telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi ini melibatkan rakyat keseluruhannya bukan di antara satu parti dengan lain-lain parti dalam Barisan Nasional ataupun di luar.

Jadi oleh kerana melibatkan rakyat keseluruhannya itu sudah tentulah mendatangkan darurat di negeri itu oleh kerana keadaan yang berlaku sekarang, yang sudah beberapa lama berlaku, rakyat berfikir bukan sahaja di Kelantan tetapi di seluruh Malaysia menunggu-nunggu yang Kerajaan Pusat supaya mengemukakan suatu cadangan seperti yang ada yang kita bahaskan sekarang ini. Ini saya fikir adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat supaya menentukan keamanan di tiap-tiap sebuah negeri dan juga kestabilan politik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ikut bersama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali daripada pihak Kerajaan atau Government Back-benchers iaitu Rang Undang-undang ini dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, selepas memikirkan, mencari jalan bagaimana mengatasi kekacauan yang ada atau yang berlaku di Kelantan kerana apa saya katakan begini jika kita bandingkan di Sabah dua tahun yang dahulu, waktu ada political crisis, itu bolehlah dikatakan political crisis tetapi tidak ada satu cadangan daripada Kerajaan Pusat yang supaya mencadangkan kuasa-kuasa negeri diambil dahulu oleh Kerajaan Pusat oleh kerana di antara parti sama parti, tetapi kalau kekacauan sudah melibatkan seluruh rakyat macam di Kelantan saya percaya yang datang beramai-ramai mengadakan demonstrasi atau datang membakar kereta, membakar rumah barangkali ada juga termasuk ahli-ahli dalam parti UMNO dan PAS. Ini ertinya rakyat sendiri ada bercampur atau terlibat dalam perkara ini. Dan juga sudah sememangnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rakan-rakannya dalam Kerajaan memang berhak menimbangkan samada perkara kejadian kekacauan di satu-satu tempat itu boleh dikatakan seperti sekarang ini darurat. Bagi pihak kami menyokong penuh Rang Undang-undang Kuasa-kuasa Darurat (Kelantan) 1977.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meluruskan rekod, tadi saya ada dengar pertamanya disebut oleh Ahli dari Kota Melaka menyentuh

berkenaan dengan buku Syed Kechik dan kedua Syed Besar. Buku yang dibacakan sedikit oleh Ahli dari Kota Melaka tadi, dalam pendapat saya telah dikondem oleh sesiapa yang membaca kerana apa isinya dalam buku itu yang menunjukkan Syed Kechik sebagai "Superman" sebenarnya tidak betul. Yang kedua, sebenarnya juga dalam tahun 1973 Syed Kechik mengambil tempat dalam Dewan Negara (Senate) daripada Syed Besar.

*12.15 mlm.*

**Tuan Leo Moggie anak Iroke (Kanowit):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil masa untuk menyokong Rang Undang-undang Kuasa-kuasa Darurat (Kelantan), 1977 dan sukalah saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Tuan Leo Moggie anak Iroke (Dengan izin)** Mr. Speaker, Sir, I stood up after listening to a number of speeches that have been delivered by people before me and each of these speeches outlined the various factors and the background which have led to the decision on the part of the Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri to put this Bill to the House for our consideration.

Mr. Speaker, Sir, I have no doubt, and we have heard assurances that this Bill is put after great examination with all the implications well-known to the Government. I know that this Bill has big implications in terms of Federal and State relations. I know it has also implications on the principle of democracy, but at the same time the central question that is posed to us is not that democracy is at stake, it is not that Federal and State relation is in question, but whether the situation in Kelantan as it exists now requires decisive action demanding a state of emergency. Now, I do not know the details of what happened in Kelantan, neither do I know the details of what happened in Sarawak in 1966 for the simple reason that at that time I was not in Sarawak, and for the simple reason also in the case of

Kelantan that I have never been to Kelantan. But I put my judgement on the basic reason that this House has confidence in the Prime Minister and it is the judgement of the Prime Minister supported by all the evidence of security and all the evidence that is available to any Head of Government and it is on the basis of that judgement that I give my full support. I should also like to say here, Mr. Speaker, that I also express the support of the Sarawak National Party. I do not intend to speak so long. All I intended to do is to stand up and place on the record that we from the Sarawak National Party support this Bill that is before us. Let us not be accused later on that we shirked the responsibility when we were faced with it.

Similarly, I would like to end in a very light-hearted way. I am reminded, Mr. Speaker, of a very simple story which if I remember rightly reads something as follows. There was once a young lady who chose to ride away on a tiger. When back they came from the ride, with she inside, there was a smile on the face of the tiger. I hope that we will not be faced with such a situation and the passage of this Bill will ensure that we do not face that situation.

*12.18 mlm.*

**Tuan Mohd. Sophe bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas):** Tuan Yang di-Pertua, semenjak saya mengambil kerusi dalam Dewan yang mulia ini, saya tidak keberatan bila perlu menyuarakan fikiran dan pendapat, serta pendirian saya atas perkara-perkara yang melibatkan prinsip dan dasar secara yang saya percaya tanpa mengira samada fikiran dan pendapat itu disambut baik ataupun tidak oleh pihak atasan ataupun pihak manapun.

Pada malam ini saya juga suka mengeluarkan fikiran dan pendapat berasaskan keyakinan dan kepercayaan dengan dasar dan prinsip-prinsip yang telah memandukan saya selama 35 tahun dalam lapangan politik. Pada saya terutama sekali tidak ada siapa yang menghargai dasar demokrasi yang boleh diterima dengan sewenang-wenangnya sebarang

tindakan ataupun sebarang usaha, walaupun bagi masa yang sesingkatnya akan menjejaskan kebebasan dan segala prinsip-prinsip yang berkaitan dengan demokrasi.

Tetapi saya rasa pada sesiapa yang ada menimbangkan faktor ini tidak dapat melarikan diri, melindungi diri daripada menghadapi kewajipan sebagai seorang Ahli Dewan ini untuk menjalankan kuatkuasa segala peruntukan yang sedia ada di dalam Perlembagaan kita ini untuk menyelamatkan keadaan dan untuk menyelesaikan kekusutan ini demi ketenteraman dan keamanan. Di sini saya rasa pihak Pembangkang sendiri berulang kali menyatakan yang mereka tidak soal sama sekali tentang kejujuran, keikhlasan, ketegasan Perdana Menteri. Saya rasa pada kita sekarang ini apa yang dikehendaki oleh Dewan ini dan juga rakyat yang melantikkan kita ialah satu ujian samada kita percaya atau tidak percaya kepada Perdana Menteri kita dan sekiranya kita percaya, saya rasa dengan tidak kira samada ya atau tidak, ini buat sementara waktu menjadi satu soal kepada kita. Kita mesti beri sokongan yang tidak terbatas, sebulat, sepenuhnya kepada Perdana Menteri untuk mengatasi masalah yang telah timbul di Kelantan.

Perkara kedua, saya rasa patut ditegur sebab diulang-ulangkan beberapa kali tadi oleh pihak Pembangkang seakan-akan membayangkan satu perselisihan, satu konfrontasi atau pergaduhan telah timbul di antara PAS dengan UMNO ini. Tetapi bagaimana telah diterangkan dan telah didalilkan perkara ini bukan satu kesalahan, ketegangan, pergaduhan antara PAS dengan UMNO. Pada hakikatnya kita telah dapatkan bukan sahaja di Negeri Kelantan di mana perselisihan itu timbul di kalangan pemimpin-pemimpin dan tokoh-tokoh PAS akan tetapi di dalam Dewan kita sendiri sudah ada terdapat keadaan di mana setengah tokoh PAS duduk di tempat asal dan setengah tokoh PAS itu dengan ketetapan sendiri minta ubah tempat duduk mereka.

Saya mengucapkan satu perasaan penghargaan kepada kedua-dua pihak. Pada pihak yang telah merasa kepercayaan, keyakinan bersatu, pihak yang lain yang juga saya rasa oleh satu-satu sebab berpegang pada pendapatnya, mengambil sikap masing-masing sikap-sikap ini saya rasa berat bagi yang kena dipecat itupun berat bagi pihak yang menyerah kuasa yang telah diberinya kepada Perdana Menteri dan jawatan yang lain itupun berat. Itu yang saya kata pada hari ini negara kita masing-masing ada teruji Perlembagaannya, teruji oleh kerana segi Perlembagaan kita tahu Perlembagaan kita lengkap dan cukup untuk menjaga segala masalah yang mungkin timbul demi ketenteraman pentadbiran, keselamatan dan sebagainya. Pendeknya pada hari ini dapat peluang kita express act of faith and confidence. Menyatakan kepercayaan yang Perlembagaan kita ini dapat kita pertahankan, Perlembagaan ini cukup lengkap. Kepercayaan kita pada Perlembagaan ini sebagai satu alat untuk menyatupadukan rakyat kita, untuk menjalankan pentadbiran dalam negeri ini dan untuk mengatasi segala masalah yang akan timbul. Begitu juga ini menjadi satu ujian, satu ujian tentang cara kepercayaan kita, cara kita menyusun, cara-cara kita berhubung, cara-cara kita bekerjasama. Saya rasa mahupun barangkali ada orang yang khuatir Barisan Nasional akan pecah, perpaduan Melayu akan pecah.

Sebaliknya saya rasa selagi kita jujur, bagaimana kejujuran yang ditunjukkan kepada kita oleh Perdana Menteri kita, selagi kita ikhlas, bukan demi kepentingan parti, bukan demi kepentingan diri, akan tetapi kerana keutuhan negara, kerana kepentingan keselamatan, kerana kepentingan rakyat jelata umumnya, timbullah sepuluh kali masalah semacam ini, sepuluh kali dapat kita atasinya. Kata Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri, ini bukan kali yang pertama, ini kali yang ketiga, memang betul. Ternyata beberapa kali masalah ini, kali pertama yang kita gunakan kuasa ini tahun 1966, segala masalah dan segala kerumitan di Negeri Sarawak itu telah dapat diatasi; mati, reput,

hangus, hapus demokrasi di Negeri Sarawak, tidak. Sebaliknya lebih subur, lebih selamat demokrasi di Negeri Sarawak lebih tenteram Kerajaan. Berbagai-bagai kemajuan telah dicapai semenjak tergunanya cara ini untuk sementara masa supaya dapat dipulih semula keadaan supaya demokrasi pemilihan rakyat dan sebagainya berjalan seperti biasa.

Begitu juga kali yang kedua tahun 1969, barangkali lambat sedikit sampai 21 bulan tetapi siapa boleh menafikan atau siapa berani menafikan bahawa dalam tempoh 21 bulan dibuat pemerintahan NOC itu kita tidak dapat mencapai kemajuan, perubahan, penyelesaian, pembetulan dan macam-macam kemajuan yang mungkin tidak terdapat jikalau kita tidak setuju, redha, terima bagi sementara masa, satu cara yang tidak dapat kita elak sebagaimana juga terpaksa kita makan ubat untuk menyembuh sesuatu penyakit atau demam yang kita seringkali alami. Hapuskah, hilangkah demokrasi. Sebaliknya demokrasi kita lebih cergas, lebih luas pemandangan kita sehingga terbentuknya kerjasama parti-parti yang dahulunya sering bermusuhan, selalu bergaduh, saya dapati 90 pertubuhan dalam parti bersatu.

Saya rasa begitu juga barangkali pada saat ini, waktu kita menghadapi perkara ini oleh kerana kita rasa partisan kerana kita terlibat boleh jadi kita ini tidak adil, tidak betul, sebab kita memihak, saya sendiri tidak dapat memihak, sebab saya tidak tahu sebenarnya. Tetapi bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya ingat dia juga tidak memihak walaupun dia tahu lebih banyak tentang latarbelakangnya dan dunia amnya boleh faham; bila saya kata saya sendiri tidak memihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak memihak kerana kalau dikaji keadaan perkara yang telah timbul di Kelantan ini dengan teliti, saya minta maaf kerana Tuan Yang di-Pertua kata balik ke latarbelakang. Jadi, saya cuma hendak illustrate pointnya....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah Yang Berhormat, banyak latar belakangnya. Masa sudah larut malam ini.

**Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim:** Iaitu kalau ini dijalankan kuatkuasanya bererti segala keadaan yang akan diatasi itu menguntungkan siapa; dia tidak menguntungkan Menteri Besar yang tidak mahu berhenti, kerana sekiranya dia terus menjadi Menteri Besar pun dia tidak berkuasa, sebab kuasa itu akan diambil oleh Perdana Menteri. Adakah ini boleh dikatakan memihak kepada satu golongan yang tidak disukai oleh golongan yang nampaknya daripada bilangan lebih ramai. Sebaliknya di luar pula yang memeranjatkan saya ini tadi kata Yang Berhormat daripada Nilam Puri begitu, begini yang barangkali menerangkan mengapa beliau sebagai seorang Menteri kalau tahu benar-benar perkara semacam ini berlaku tidak berhubung dengan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ataupun Menteri lain yang berkaitan selama ini, seminggu, dua minggu, tiga minggu, tetapi baharu sekarang lepas empat lima minggu baharu timbulkan perkara ini, kita sendiri tahan. Adakah menjadi kewajipan seorang Menteri faham tentang collective responsibility kepada kabinet, diam diri selama ini tidak membangkitkan perkara ini kepada Kabinet atau pergi menyiasat tahu betul tetapi kalau hendak dengar cakap orang macam-macam dusta dan macam-macam tuduhan akan berjalan. Banyak orang hendak memperlagakan kita. Banyak orang yang hendak rubuh dan runtuhkan Barisan Nasional ini, ini telah dilakukan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Saya rasa ini juga satu perkara yang kita mesti menungkan dan fikir panjang-panjang. Dibangkitkan juga soal Fasal 6 dalam Rang Undang-undang ini yang dikatakan barangkali ini menyentuh kedudukan Raja Negeri. Kalau kita perhatikan ini betul-betul nampaknya tidak ada perbezaan daripada keadaan Perlembagaan Negeri Kelantan sekarang di

mana Raja ini memerintah sebagai Raja yang berperlembagaan (Constitutional Ruler) dan dia mesti menerima nasihat daripada Menteri Besar dan juga berhak mendapatkan maklumat sebagaimana diperuntukkan dalam Perkara 6 ini. Ini juga saya kira bukan satu hujah yang sebenarnya dapat mendurungkan kita mengubah sikap kita sehingga tidak percaya kepada Perdana Menteri kita tidak memberikan sokongan penuh. Sebaliknya saya rasa ini patut kita terangkan supaya kita sendiri faham ini tidak menyentuh sama sekali kedaulatan dan kedudukan serta sifat Raja Negeri tetapi sesuai dengan Perlembagaan sebagaimana yang terdapat sekarang.

Saya kesal sedikit kerana sungguhpun kita tahu segala krisis, segala kedudukan yang memerlukan Undang-undang ini terbit daripada perselisihan yang terdapat dari sikap Menteri Besar yang tidak dapat meletakkan jawatan sebab dia menunggu sahaja sehingga diberitahu yang syornya untuk menyuraikan Majlis itu tidak dapat sehingga hari ini. Ini tidak payah diulangkan tetapi kita faham bahawa apa yang dibuat ini patut diasingkan daripada kepentingan parti ataupun parti politik sebagaimana telah diterangkan oleh Perdana Menteri samada yang penting katanya ini political blackmail. Sehingga terima atau tidak terima, itu saya ingat anggapan dan mengelirukan; kalau kita baca suratkhbar betul-betul, saya sendiri baca suratkhbar, saya tahu samada formula Mahathir ataupun formula apapun tidak kira macam formula tidak kira formula PAS, diterima atau tidak diterima, memang peruntukan Perlembagaan ini mesti dan terpaksa dijalankan sekiranya perselisihan politik tidak dapat diselesaikan. Saya ingat tidak ada bila-bila masa pun seminggu dua ini sesiapa yang menggunakan ini sebagai ugutan politik (political blackmail) tidak terima, aku akan buat begini, mesti terima. Saya ingat ini not charitable bukan sahaja mengelirukan tetapi akan mendatangkan tuduhan tentang sikap dan kejujuran yang tidak patut. Saya rasa pada pemerhati (observer) di sini dan di merata tempat sudah terang dan nyata bahawa samada formula itu

diterima atau tidak diterima demi kepentingan keselamatan, ketenteraman dan sebagainya, cara ini mesti dijalankan. Ini. Saya ingat kawan saya antara tokoh-tokoh PAS ini pun sedar, jangan kita kelirukan perkara ini.

Saya hendak sudahi dengan rayuan iaitu perkara ini sungguhpun penting tetapi ianya satu perkara sahaja daripada beberapa perkara yang kita mesti bekerja sama-sama untuk menunaikan dan melaksanakannya. Dalam melaksanakan berbagai-bagai rancangan dan dasar tentulah sekali tidak dapat kita semua parti sama berpendapat dan sama fikiran, satu aliran, inilah namanya demokrasi, inilah namanya kebebasan. Sebab itu saya rasa sambil memberi sokongan yang sepenuh-penuhnya kepada Rang Undang-undang ini, kita sama kita membuat pengakuan — perjanjian biarlah kita lebih toleransi, biarlah kita barangkali sambil ada fikiran berlainan tujuan dan niat berlainan tetapi asalkan tujuannya satu untuk menyatukan umat negeri ini hidup damai mencapai kemajuan, mengekalkan kebebasan adakan pemerintahan demokrasi, biarlah kita bertengkar, biar kita bergaduh tetapi boleh kita duduk bersama-sama bukan sahaja dalam Dewan ini akan tetapi sama sebelah, sama kumpulan dalam Dewan ini. Dengan itulah saya harap apa yang telah terjadi dengan letak jawatan pindah tempat ini, perkara inipun dapat diatasi dan dapat diubah, orang yang pindah itu boleh pindah balik, yang dipecat itu dihabiskan pemecatannya, orang yang gaduh itu dapati diselesaikan dan segala kekusutan di Kelantan itu dapat diatasi sehingga damai. Saya minta begitulah kalau Tuhan makbulkan tetapi niat kita itu mesti kuat.

Sekian, terima kasih dan saya harap rancangan ini kita mula bersatu semula.

*12.40 mlm.*

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar (Kota Setar):** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kerana memberi peluang kepada saya bercakap sepetah dua di dalam perbahasan

mengenai Rang Undang-undang Kuasa-kuasa Darurat (Kelantan), 1977.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum daripada saya menyatakan yang bahawa saya membangkang Rang Undang-undang ini dengan sekeras-kerasnya, izinkanlah saya bercakap sepatah dua berhubung dengan Rang Undang-undang ini. Kalau tidak silap saya, Tuan Yang di-Pertua, krisis Kelantan sekarang ini adalah krisis politik, tidak boleh dikatakan krisis keselamatan, krisis ekonomi ataupun sebagainya. Dunia dalam, dunia luar, kecil besar, tua muda, parti ataupun tidak parti menyatakan krisis ini krisis politik, berhubung dengan penukaran seorang Menteri Besar. Kalaulah krisis Kelantan sekarang ini krisis keselamatan, saya rasa ada negeri-negeri yang lebih teruknya, lebih seriusnya berhubung dengan krisis keselamatan. Perak misalnya, curfew sentiasa dilakukan dan dikenakan sehinggakan pilihanraya kecil yang berjalan sekarang ini pun tidak boleh diadakan rapat umum (public rally) oleh kerana demi keselamatan. Tetapi kenapakah pihak Perdana Menteri ataupun Kerajaan Pusat sekarang ini tidak mengenakan Undang-undang Darurat yang sebagaimana yang ada pada masa ini yang kita bahaskan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih lagi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri walaupun tidak tersebut di dalam Undang-undang ini mengatakan ada krisis politik, tetapi dalam ucapan Yang Amat Berhormat membayangkan yang bahawa seolah-olahnya mengandungi politik dan implikasi politik. Kalau itu, marilah dan sepatutnya mengubati krisis ini dengan politik sendiri, dengan cara politik. Mungkin saya ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan kerana kesihan belas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meletakkan saya di Kementerian Kesihatan yang sentiasa berdamping dengan doktor-doktor dan melihat penyakit-penyakit dan menziarahi hospital-hospital yang banyak orang sakit. Sebagai seorang yang bukan doktor maka dengan sendirinya apabila dia

berdamping dengan doktor, cara-cara doktor memikir itu berkesan kepada diri saya. Maka saya cuba menganalisisakan penyakit-penyakit sebelum dia memberikan ubat. Maka seolah-olahnya apa yang saya dapat faham penyakit berupakan politik tetapi hendak diubatkan bukan dengan cara politik; sakit jantung hendak diubatkan dengan cara sakit kulit. Jadi sampai bilakah penyakit ini akan selesai? Boleh jadi aman negeri, tetapi politically tidak akan menjadi stabil. Saya rasa kemungkinan masaalah-masaalah ini kesalahan doktor itu sendiri dengan cara menganalisisanya ataupun doktor itu sendiri untuk mengubatkan penyakit mengharap kepada nasihat-nasihat H.A. (Hospital Assistant) bagaimana cara ubatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengaku dan saya sependapat dengan wakil dari Kuala Kedah yang bawa sayangnya UMNO kepada perpaduan orang Melayu, begitu juga PAS sayang kepada perpaduan orang Melayu. Kalau tidak PAS sayang kepada perpaduan orang Melayu dan kestabilan politik di negara ini PAS tidak akan berada di dalam Barisan Nasional sampai hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal bertolak ansur, kami telah cuba menelan pil yang cukup pahit di dalam masaalah Kelantan ini, dalam masaalah Menteri Besar itu sendiri. Di tahun 1974 PAS Negeri Kelantan telah menentukan bukan Menteri Besar yang ada sekarang ini untuk menjadi Menteri Besar tetapi oleh kerana kepentingan-kepentingan ataupun apa yang difikirkan oleh Allahyarham Perdana Menteri di waktu itu maka pemilihan PAS ditolak maka diambilkan pemilihannya maka kami telah demi kepentingan perpaduan umat-umat Islam dan perpaduan orang-orang Melayu. Tetapi, pil yang pahit itu boleh ditelan sebiji, tetapi kalau berbiji-biji amatlah susah kita menelannya.

Tuan Yang di-Pertua, wakil dari Kuala Kedah menyatakan UMNO tidak pernah campurtangan dalam hal masaalah politik Negeri Kelantan. Itu apa yang dikatakan oleh wakil dari Kuala Kedah. Tetapi saya boleh

mengatakan yang bahawa UMNO terang-terang campurtangan dalam hal politik Negeri Kelantan, khasnya dalam soal Menteri Besar itu. Kalau tidak manakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan kepada saya dan kepada wakil Nilam Puri: "Insyallah, saya akan dapat memujuk Menteri Besar sekarang ini untuk meletakkan jawatannya sekiranya pengganti Menteri Besar itu dapat diterima oleh orang-orang UMNO Negeri Kelantan." Kalau soal rumahtangga Yang Berhormat Wakil dari Kuala Kedah, apa yang difikirkan pengganti Menteri Besar yang akan digantikan, itu soal rumahtangga PAS, sepuluh kali dia hendak ganti satu hari Menteri Besar itu adalah haknya. Bukan 5 tahun sekali bila kami memikirkan itu Menteri Besar tidak lagi mendapat kepercayaan daripada kami, maka berhak kami menggantikannya dengan yang lain. Bagi parti-parti component ....

**Datuk Senu bin Abdul Rahman:** (*Bangun*).

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Saya tidak beri jalan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sabar, sabar! Kedua-dua duduk dahulu! Saya bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah, adakah ini di bawah Peraturan Mesyuarat 37 (1) iaitu tentang tatatertib atau penjelasan?

**Datuk Senu bin Abdul Rahman:** Penjelasan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Kalau penjelasan, saya tanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar memberi jalan atau tidak?

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tidak beri jalan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Tidak beri jalan. Teruskan!

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, habis point saya lari ke mana Wallahu-alam.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga untuk memelihara perpaduan khasnya di antara PAS dengan UMNO, kami tidak pernahpun mengatakan sesuatu kepada mana-mana negeri yang kami berada di dalam Kerajaan apabila dilakukan oleh Kerajaan di negeri itu sebagai sebuah parti politik. Kami tidak pernah melanggar dan tidak pernah mengata apapun sebelum daripada ini kepada Menteri Besar Negeri Kedah, kalaulah UMNO hendak melantik siapapun, silalah, tetapi sekarang ada sedikit hal, sebab PAS akan mengemukakan undi tidak percaya kepada Menteri Besar Negeri Kedah, sebelum daripada itu tidak.

Tuan Yang di-Pertua, wakil dari Alor Gajah katanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak dapat memujuk Menteri Besar Kelantan untuk meletakkan jawatan kerana beliau itu adalah ahli PAS. Dan itu saya sudah terangkan kepada Dewan ini sebentar tadi. Dan soal meletakkan undang-undang darurat untuk menolong PAS supaya ia boleh hidup sebagai sebuah parti-politik di dalam Malaysia ini, saya rasa tidak dapat saya menerimanya. Sebab PAS belum pernah hidup dengan pertolongan UMNO sebagai sebuah parti politik. Ia hidup dengan tenaganya sendiri. Dan Insya Allah ia akan hidup dengan sesubur-suburnya selepas daripada ini, selepas daripada rakyat jelata mengetahui siapakah yang betul dan siapakah yang tidak betul.

*12.51 mlm.*

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr. Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil rakyat bagi kawasan Nibong Tebal, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tinjau balik 10 atau 20 tahun dari sekarang, pagi ini sudah jadi pagi, Tuan Yang di-Pertua, ....

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ya, saya pun sedar juga. (*Ketawa*)

**Dr. Goh Cheng Teik:** Pagi ini akan merupakan satu pagi yang bersejarah sekali. Walau bagaimanapun pagi ini akan direkodkan dalam sejarah Malaysia sebagai satu pagi yang sangat-sangat menyedihkan khususnya bagi kami dalam Barisan Nasional. Sebab pada tarikh ini kita lihat beberapa rakan kami di Barisan Nasional yang tidak sihat dengan kami.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar telah menyebutkan bahawa apa yang sedang berlaku ialah krisis politik.

Tuan Yang di-Pertua, element parti politik itu tentu tidak boleh dipisahkan. Tentu tidak boleh dinafikan kerana kita lihat ada beberapa buah organisasi politik yang terlibat. Akan tetapi kalau kita mengkaji dengan lebih dalam, dengan lebih teliti, apa yang sedang berlaku ialah dua krisis yang disatukan yang berlaku pada saat yang sama.

Pertama, krisis federalisma.

Kedua, krisis demokrasi.

Kerana selepas Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini federalisma akan digantung di Negeri Kelantan, dan demokrasi pun akan digantung di Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, federalisma mengadakan sejarah yang panjang sekali di tanah air kita. Sebab apabila pemerintah Inggeris selepas Perang Dunia Kedua mengemukakan Malaysia Union rakyat memberontak, rakyat memilih sebab mereka menganggap lebih sesuai sistem federalisma yang bermula pada tahun 1948. Dan selama lebih kurang 30 tahun nampaknya federalisma telah berjalan dengan baiknya walaupun pada beberapa tarikh yang lalu berlaku sedikit kesusahan dalam proses federalisma. Akan tetapi pagi ini krisis federalisma telah muncul di Negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, demokrasi kita telah bermula apabila tanah air kita mencapai kemerdekaan. Dan pada peringkat awal demokrasi boleh dianggap sebagai demokrasi yang elitis, cuma golongan atas yang mengambil bahagian di dalam demokrasi di tanah air kita. Akan tetapi selepas 20 tahun nampaknya democracy has grown roots in this country, dan demokrasi sekarang berasaskan (mass base) di dalam tanah air kita.

Pada tahun 1969 masalah timbul. Akan tetapi kita di bawah Allahyarham Tun Abdul Razak yang bijak dapat mengatasi kesulitan yang timbul pada waktu itu. Dan demokrasi yang berasas colisi parti politik sehingga hari ini nampaknya telahpun berjalan dengan baik. Sehingga hari ini, sebab krisis demokrasi sedang muncul di Negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi objektif apa yang dibahaskan di dalam Dewan yang mulia ini merupakan satu step backward, sebab dengan kelulusan Rang Undang-undang ini proses federalisma dan proses demokrasi yang akan digantung di Negeri Kelantan. Ini dari segi objektif haruslah dianggap sebagai satu langkah ke belakang (a step backward).

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli dari pihak Pembangkang tentu akan bertanya saya, kenapa kalau saya berkata langkah ini ialah satu langkah ke belakang, kenapa saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya berbuat demikian, saya menyokong Rang Undang-undang ini kerana langkah ini bukan satu langkah untuk menghapuskan federalisma, bukan satu langkah untuk menghapuskan demokrasi di Kelantan. Akan tetapi sebaliknya Rang Undang-undang ini akan menjadi satu langkah untuk menghidupkan sejenis federalisma dan demokrasi yang lebih sihat di Negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, kita terpaksa berundur untuk maju, we must take one step backward in order to take two steps forward.

Kita lihat beberapa negeri Komenwel seperti India, dari semasa ke semasa Kerajaan Pusat terpaksa campurtangan, terpaksa mendaratkan negeri. India ambil tindakan dengan sikap yang terpaksa dan kita pun lihat di sebuah federation yang tua seperti Amerika, walaupun Kerajaan Federal tidak mendaratkan sebuah negeri di Amerika, tetapi dari semasa ke semasa Kerajaan Federal terpaksa mengambil langkah yang drastic sekali, misalnya di negeri-negeri selatan di Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi apabila keselamatan diancam dan kenyataan ini telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjung dan saya menyokong apa yang beliau berkata. Apabila keselamatan terancam Kerajaan Federal terpaksa bertindak dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi butir-butir yang lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, ada Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini yang menentang apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan keselamatan dalam negeri Kelantan. Akan tetapi sebagai seorang anggota Kerajaan Federal, saya menganggap Perdana Menteri sebagai nakhoda kapal, beliau dari tempatnya memandang dan melihat yang lebih banyak daripada saya. Beliau mengadakan facts and figures yang lebih lengkap dan saya memberi kepercayaan penuh kepada nakhoda kapal ini dan kalau beliau berkata bahawa keadaan keselamatan di Kelantan memerlukan langkah yang begitu drastic ini, saya sebagai seorang anggota Kerajaan menyokong dengan sepenuh-penuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri tadi telah berkata keadaan keselamatan Negeri Kelantan mungkin tidak begitu serius. Kalau benar, ini merupakan satu kenyataan yang sangat menggalakkan,

sebab kalau keadaan sebenar-benarnya tidak begitu serius dengan Rang Undang-undang, pada satu masa, satu tempoh di mana kegiatan berpolitik dikurangkan atau diharamkan, keadaan keselamatan akan pulih di Negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ini berlaku bermakna federalisma dan demokrasi dapat dipulihkan dalam tempoh yang singkat di Negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, saya serta rakan-rakan dari Tanjung, Taiping, Jelutong, dan Telok Anson berdoa supaya rakan-rakan kami dari PAS akan mengkaji semula sikap dan pendapat mereka tentang Rang Undang-undang ini dalam suasana yang kurang panas, walaupun bilik Dewan ini makin lama makin sejuk, dalam suasana yang lebih tenang. Sebab kami percaya bahawa kalau ada satu cooling off period, if tempers can cool off demokrasi dan federalisma dapat dipulihkan dalam masa yang singkat dan kami percaya bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa beliau bertanggungjawab atas keselamatan negara dan beliau mengambil langkah membentangkan Rang Undang-undang ini bukan dengan tujuan hendak bermain politik, tetapi dengan tujuan menjaga keselamatan negara. Kami percaya bahawa apa yang beliau perkatikan adalah jujur dan ikhlas dan sebagai seorang federalis dan demokrat, saya merasa sedih bahawa Dewan yang mulia ini terpaksa menimbang dan meluluskan satu Rang Undang-undang seperti yang dibentangkan, akan tetapi sikap yang paling positif pada saat ini pada hemat saya ialah bekerjasama dengan Kerajaan dan saya berharaplah rakan-rakan kami dari PAS akan bekerjasama dengan rapatnya dengan Kerajaan Federal supaya tempoh darurat ini dapat dipendekkan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya nampak makin pagi makin rancak. Saya akan minta Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjawab selewat-lewatnya pukul 1.45 pagi. Oleh sebab itu Ahli-ahli Yang

Berhormat yang hendak bercakap selepas ini harap dihadkan percakapannya tidak lebih daripada 10 minit. Dijemput Yang Berhormat Menteri Penerangan!

*1.07 pagi.*

**Menteri Penerangan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam banyak perbincangan petang tadi dan pagi ini memanglah ada disebutkan latarbelakang politik dan banyak tafsiran telahpun diberi mengenai latarbelakang politik ini. Memanglah tidak dapat dinafikan bahawa latarbelakang politik ini memang relevant, ada kaitan dengan keadaan yang ada di Kelantan sekarang ini. Tetapi tindakan yang kita bincang pada pagi ini tidaklah boleh dibincangkan hanya dengan memikirkan latarbelakang politik itu sahaja. Ada Ahli Yang Berhormat yang telah mengatakan bahawa keadaan yang kita hadapi sekarang ini adalah hanya keadaan krisis politik dan ubatnya mestilah ubat politik.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita memandang keadaan sekarang ini dengan kajian yang demikian mungkin juga kita akan terperangkap pada masa akan datang dalam kesalahan macam ini lagi. Dalam soal keadaan yang timbul seperti di Kelantan ini memang tidak dapat dinafikan politik ada kesan, tetapi di mana kesan politik dan di mana soal security timbul tidak boleh kita kaji dengan sebarangan. Memang ada keadaannya kesan politik menimbulkan keadaan politik dan keadaan itu boleh menanti untuk diselesaikan, tetapi malangnya tidak semua keadaan hanya berbangkit dengan cara yang mudah yang tidak serius.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menunjukkan kedudukan Kelantan dan keadaan dalam Kelantan dalam hemat beliau yang mempunyai banyak maklumat-maklumat sekuriti mungkin akan membawa ke-

pada satu kedudukan yang lebih serius daripada hanya political crisis. Kalau kita lihat, saya tak suka menyebutnya, peristiwa Mei, 13 tidak boleh kita sebut sekarang ini, sebab memandangkan beberapa tahun kemudian bahawa krisis itu sengaja ditimbulkan orang, bahawa orang Kuala Lumpur ini orang yang buas, yang ganas. Ini tidak betul, Tuan Yang di-Pertua. Orang Kuala Lumpur baik, tidak ada political party pada masa itu ingin hendak mencetuskan satu pembunuhan ataupun keganasan tetapi sekali satu keganasan timbul kadang-kadang tidak ada orang dapat mengawalkannya dengan cepat. Di antara perbuatan dengan akibat kadang-kadang ada jauh perantaraan. Bagi seseorang ahli politik tidaklah boleh kita menganggapkan bahawa tindakan politik yang kita buat hanya mengakibatkan krisis politik yang tidak membawa akibat lebih besar lagi. Selalunya keganasan mungkin membawa banyak keganasan. Keganasan boleh menimbulkan ketakutan, ketakutan pula menimbulkan lebih banyak ketakutan dan ketakutan juga boleh menimbulkan orang supaya ganas, ini dia sociology of violence. Oleh sebab itu saya rasa keadaan di Kelantan tidaklah boleh kita ambil ringan sahaja sebagai satu political crisis yang patut kita biar kepada orang-orang politik sahaja untuk menyelesaikannya. Kita dalam pihak Kerajaan terpaksa apakala satu keadaan timbul, keadaan di mana banyak orang berkumpul di mana seseorang boleh menimbulkan satu sorakan, kemudian satu tikaman, membaling batu, satu pergaduhan kita cuba hendak mengawalinya tetapi kadang-kadang dalam mengawalkannya kita terpaksa menggunakan taktik-tektik yang difikir kita dapat effective dan seimbang dengan kebolehan kita untuk mengawalkannya.

Saya terpaksa bercakap ini kerana ada tuduhan daripada seorang Ahli Yang Berhormat bahawa Jabatan Penerangan telahpun sengaja menolong supaya diadakan demonstrasi besar-besaran. Memang benar pegawai dalam Kementerian Penerangan telahpun diarahkan pada satu masa kerana berkhidmat

di bawah seorang Menteri Besar untuk mengadakan rapat raksaksa, beliau mesti menjalankan arahan itu. Kemudian selepas soal vote of no confidence dijalankan, Jabatan Penerangan telahpun diarahkan sebagai satu daripada langkah untuk mengawal orang ramai (crowd) untuk menyalurkan orang ramai ini kepada satu tempat supaya dalam keadaan bilangan Polis kita lagi sedikit dapat kita kawal orang ramai itu dan selepas itu menyuruh orang pulang dengan secara damai. Ini memang ada Pegawai Penerangan menjalankan, tetapi kita tidak berbuat demikian untuk menghasut orang. Penerangan telahpun diberi mengenai soal ini oleh Jawatankuasa Keselamatan negeri Kelantan sendiri yang mengambil tindakan dan cuba mengawal keadaan dalam Kelantan. Jadi, saya harap tuduhan janganlah dilemparkan dengan sebarangan mengenai satu pegawai kerana mereka tidak dapat mempertahankan mereka sendiri terutama sekali dalam bibit politik.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan bercakap panjang sangat tetapi saya menyokong Rang Undang-undang ini kerana saya fikir keadaan di Kelantan tidak boleh dibiarkan berterusan menanti masa orang berunding politik, mencari solution politik supaya dapat menentukan adakah Kelantan akan mempunyai Kerajaan atau tidak. Keadaan sekarang ini Kelantan tidak mempunyai Kerajaan yang boleh bertindak. Jawatankuasa Keselamatan Negeri pun tidak ada ketua politiknya. Jadi kalau kita hendak buat Jawatankuasa Keselamatan itu untuk menjalankan Kerajaan seperti MAGERAN ini sudah tidak boleh lagi kerana puncanya kalau hendak ada political figure dalam MAGERAN puncanya tidak ada lagi, vote of no confidence telah diberi terhadap beliau.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, ini hujung tahun pada mana kita patut mengadakan satu session Majlis Undangan Negeri untuk meluluskan Budget untuk gaji-gaji orang bekerja di dalam Kerajaan Negeri Kelantan. Kita tidak boleh biarkan confidence civil service kita jatuh, keadaan dengan mana seolah-

olahnya negeri Kelantan tidak ada haluan lagi, budget tidak ada, effective Government yang boleh berjalan tidak ada, sementara itu kita tahu keganasan telah mulai muncul di Negeri Kelantan. Ini bererti sesiapa yang bertanggungjawab atas keselamatan negara itu tidak boleh mengambil ringan sahaja segala tanda-tanda ini sebagai permainan politik. Tidak boleh seseorang menganggapkan tanda-tanda ini sebagai hanya permainan politik. Kita mesti mengkaji keadaan itu dengan latarbelakang keadaan Negeri Kelantan sendiri, kedudukan sekuriti kita seluruhnya, adakah ini akan mencetuskan keadaan yang lebih buruk lagi dan dalam pendapat Kerajaan Pusat keadaan di Kelantan sekarang ini dan beberapa hari sudah adalah merbahaya kalau dibiarkan dengan tidak ada tindakan daripada kita untuk mententeramkan keadaan.

Oleh sebab itu saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, maka Rang Undang-undang ini tidak boleh menanti lagi untuk diluluskan. Kita bertanggungjawab kepada rakyat Kelantan, sekurang-kurangnya untuk mengadakan satu solution kepada keadaan yang tidak tentu arah sekarang ini sungguhpun terkawal, tidak mempunyai civilian Government supaya kalau ada political solution dapat dijalankan masa menantinya tidak akan membawa mudharat yang berat kepada orang Kelantan.

*1.18 pagi*

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menentang Rang Undang-undang yang dibentangkan kepada kita pada petang ini yang bertujuan untuk mendapatkan....

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Petang mana lagi, sudah pagi ini! (*Ketawa*).

**Tuan Lee Lam Thye:** Yang bertujuan untuk mendapatkan peralihan kuasa Kerajaan Kelantan kepada Kerajaan Persekutuan. Saya berbuat demikian bukan bererti saya hendak menyebelahi atau membela apa-apa pihak samada kepada pihak Datuk Mohamad Nasir

atau pihak PAS atau pihak UMNO. Apa yang saya ingin menitikberatkan di sini ialah apabila Rang Undang-undang ini diluluskan saya bimbang dan juga rakyat akan bimbang bahawa ini akan menjejaskan keutuhan demokrasi berparlimen serta membelakangkan lunas hak-hak asasi rakyat dan mencabuli kehormatan Perlembagaan Malaysia.

Parti saya menentang Rang Undang-undang ini, sebab krisis politik sekarang di Kelantan ialah satu krisis politik di antara parti PAS dan parti UMNO dan saya rasa ini tidak berkehendakkan pembentangan Rang Undang-undang ini. Krisis ini boleh diselesaikan melalui lunas-lunas biasa melalui misalnya perundingan berlanjutan di antara parti PAS dengan parti UMNO dan tidak seharusnya dengan berpura-pura untuk mengakui perlu diwujudkan pentadbiran ala-Mageran. Apa yang dikehendaki oleh Rang Undang-undang ini ialah untuk menghidupkan Perkara 150 Perlembagaan bagi membolehkan diambil tindakan menubuhkan pentadbiran ala-Mageran di Kelantan.

Perkara 150 Perlembagaan memperuntukkan iaitu jika Yang di-Pertuan Agong bertindak mengikut nasihat Kabinet berpuashati jika darurat mengancam keselamatan negara dan ekonomi negara atau salah satu darinya digugat, maka Yang di-Pertuan Agong bolehlah membuat perisytiharan darurat dan Parlimen boleh bersidang bagi membuat perundangan darurat menggantung Perlembagaan Negeri termasuk membuat pemerintahan ala-Mageran.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada tugas yang berat untuk menjaga dan juga memperlindungan nyawa dan keselamatan. Akan tetapi berapa jauhkah yang telah diakui telah tergugat dan terancam keselamatan di Negeri Kelantan sehingga dipaksa mengambil tindakan seperti ini. Jikalau betul keselamatan tergugat dan terancam sudah semestinya dibuat perisytiharan darurat dahulu sebagaimana yang telah dikatakan oleh Wakil dari

Kota Melaka dan bukan bergantung kepada penerimaan atau penolakan formula Mahathir. Apa yang kami ingin tahu kenapa formula Mahathir telah digunakan sebagai helah tolak ansur (bargaining point) untuk menggunakan atau mengadakan kuasa darurat di Kelantan. Jikalau benar keadaan sudah meruncing maka adalah tidak perlu untuk mengadakan Formula Mahathir tetapi sebaliknya boleh diteruskan undang-undang darurat oleh kerana keadaan darurat tidak boleh menanti sesiapa pun. Formula Mahathir sekarang telah jadi formula Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang disyorkan adalah pentadbiran pemerintahan ala-Mageran seperti yang telah diketuai oleh Allahyarham Tun Abdul Razak pada tahun 1969. Dengan perlantikan seorang Pengarah Kerajaan bagi mengetuai Kerajaan Kelantan ketika perundangan darurat diisytiharkan untuk menggantung Perlembagaan Negeri Kelantan diluluskan oleh Parlimen menurut Perkara 150 Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Rang Undang-undang ini juga adalah pada anggapan saya sebagai satu kemunduran bagi proses demokrasi berparlimen dan Perlembagaan di negara kita. Di atas nama rakyat dan bagi menjamin ketenteraman dan keselamatan di Kelantan Kerajaan telah melakukan satu precedent dengan mengenakan pemerintahan Persekutuan di Negeri Kelantan di mana rakyat sendiri patut diberi keutamaan membuat satu pilihan.

Apa yang menjadi pokok persoalan bagi masa kini dan juga pada masa yang akan datang ialah jika Kerajaan Persekutuan sanggup untuk mengatakan di atas nama keselamatan untuk mengadakan undang-undang persekutuan atau pentadbiran ala-Mageran dalam satu negeri maka ini akan berlaku di mana-mana negeri dalam Malaysia jika Parti UMNO tidak berpuas hati dengan parti-parti lain yang mempunyai majoriti di dalam Dewan Undangan Negeri atau ancaman keselamatan dijadikan satu alasan untuk mengadakan keadaan darurat.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menarik balik Rang Undang-undang yang dibentangkan dan berhentikan daripada membuat pentadbiran ala-Mageran di Kelantan kerana ia dengan terang bukan sahaja mengabaikan kuasa tetapi ia juga mencabuli kehormatan lunas-lunas demokrasi Perlembagaan Malaysia. Di dalam satu masyarakat demokrasi yang tulin kekuasaan bergantung kepada rakyat dengan cara yang mengikut lunas demokrasi digunakan untuk menyelesaikan krisis politik di Kelantan ialah dengan mengadakan satu pungutan suara rakyat melalui misalnya satu pilihanraya umum dan cara ini akan membolehkan rakyat di Kelantan menentukan siapa kelak yang akan memimpin negeri Kelantan. Alasan mengatakan pilihanraya umum ....

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat belum lagi sentuh perkara-perkara dalam Rang Undang-undang ini.

**Tuan Lee Lam Thye:** Sekarang saya membahaskan Rang Undang-undang ini dan saya beri ....

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada satu dua minit sahaja lagi.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tetapi ucapan saya bukannya panjang dan saya akan pendekkan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Kalau panjang memang saya tak benarkan. Dua minit sahaja lagi.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tadi saya ada katakan bahawa satu cara yang boleh digunakan iaitu mengadakan satu peluang bagi rakyat Kelantan untuk mengundi untuk menentukan sesiapa kelak akan memimpin Negeri Kelantan. Alasan mengatakan pilihanraya umum baru boleh menjejaskan dan membangkitkan perasaan emosi rakyat adalah alasan yang lemah kerana saya yakin dengan kawalan polis yang ketat dan dengan adanya keselamatan tentu pilihanraya dapat dijalankan dengan aman dan

damai. Akan tetapi jika keduanya iaitu Parti PAS dan Parti UMNO tidak bersedia menghadapi permintaan rakyat mahukan pilihanraya umum, oleh yang demikian hak undang-undang dan kedaulatan demokrasi berkehendakan supaya mana-mana parti yang ada banyak majoriti dalam Dewan Undangan Negeri boleh melantik Menteri Besarnya dan tubuhkan Exco sendiri. Tidak ada jalan lain yang dapat mengatasi perkara tersebut melainkan dua jalan yang saya sebutkan di atas tadi.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu sebab kenapa saya tidak bersetuju dengan Rang Undang-undang ini ialah kerana pentadbiran ala-Mageran di satu-satu negeri akan mengakibatkan kemerosotan penanaman modal. Sudah tentu dia akan mengakibatkan kehilangan kepercayaan negara-negara asing terhadap penanaman modal mereka kerana kestabilan politik secara amnya telah tergugat.

Bagi mengakhiri ucapan saya ini, izinkan saya menerangkan iaitu Parti PAS tidak akan terima apa-apa tindakan yang telah diambil bagi melemahkan demokrasi berparlimen di negara kita. Di masa yang sudah kami telah beberapa kali mengkritik dan membantah tindakan yang tidak berasas demokrasi berparlimen yang telah diambil oleh Kerajaan atas nama keselamatan. Kami sekali lagi menyeru supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak akan mengenakan pentadbiran ala-Mageran di Kelantan demi untuk kepentingan rakyat Kelantan dan juga kepentingan seluruh rakyat jika tidak kepentingan seluruh rakyat akan tercabul.

*1.30 pagi*

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Kuasa-kuasa Darurat (Kelantan), 1977 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Dewan ini.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, beberapa kejadian kacau-bilau yang mengakibatkan beberapa kesusahan kepada rakyat dan kerosakan yang banyak kepada hartabenda telahpun berlaku di Negeri Kelantan baru-baru ini. Untuk menyelesaikan punca kejadian tersebut telahpun diadakan dengan bersungguh-sungguh oleh pihak-pihak yang terlibat tetapi nampaknya penyelesaian yang dipersetujui oleh semua pihak tidak tercapai. Dengan sebab itu kedudukan yang ada sekarang tidaklah boleh dibenarkan berlanjutan kerana ini bukan sahaja akan mengancam ketenteraman negara tetapi juga akan mengancam keselamatan negara kita. Dengan sebab itu adalah perlu Kerajaan Pusat mengambil tindakan sewajarnya supaya keadaan yang stabil boleh muncul semula di negeri Kelantan demi kepentingan keselamatan dan pembangunan negara kita. Dengan sebab itu Rang Undang-undang ini dibuat dengan tujuan untuk menjaga kestabilan dan keselamatan.

Dalam pada itu kita berharap keadaan darurat ini tidak berpanjangan dan tidak lama lagi negeri Kelantan akan kembali seperti sediakala dan pemerintahan diberi semula kepada rakyat. Buat sementara ini negeri Kelantan akan ditadbir secara MAGERAN atau NOC (National Operations Council) iaitu oleh beberapa orang pegawai tinggi Kerajaan yang cukup berpengalaman dan mahir dari segi pentadbiran negara. Saya percaya Kelantan akan mendapat faedah dari pentadbiran mereka ini terutama sekali memandangkan keadaan di negara itu sekarang. Dengan dedikasi dan ketekunan pegawai-pegawai tinggi ini tidak syak lagi Negeri Kelantan tak lama lagi akan pulih seperti sediakala dan projek-projek pembangunan yang berharga berjuta-juta ringgit dapat dilaksanakan dengan licin untuk faedah rakyat jelata.

Saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa walaupun undang-undang darurat telah digunakan beberapa kali di masa yang lepas, bukanlah dengan tujuan menindas rakyat tetapi untuk memelihara

keselamatan rakyat dan kestabilan negara. Oleh yang demikian saya penuh percaya bahawa undang-undang darurat ini juga akan memberi munafaat kepada rakyat jelata di Kelantan khasnya dan seluruh negara amnya dan akan mengembalikan semua keadaan tenang di Negeri Kelantan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, marilah kita sama-sama mencari ikhtiar dan berdoa kepada Tuhan supaya kita diberi hidayah dan pemikiran yang tenang untuk mengatasi masaalah yang kita harapi ini. Saya bagi pihak parti USNO menyokong Rang Undang-undang Kuasa Darurat ini dengan sepenuhnya.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sebagaimana yang saya katakan tadi, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan menjawab pada pukul 1.45 pagi. Bagi yang akhir sekali, saya benarkan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

*1.35 pagi.*

**Tuan Rasiah Rajasingam (Jelutong):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris oleh kerana Bill ini sangat mustahak?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Tak boleh!

**Tuan Rasiah Rajasingam:** Boleh campur?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Boleh campur, tetapi jangan rosakkan bahasa. (*Ketawa*)

**Tuan Rasiah Rajasingam:** Itu susah, Tuan Yang di-Pertua, saya tak boleh beri jaminan. Lebih baik Tuan Yang di-Pertua beri saya kebenaran bercakap dalam bahasa Inggeris. Kali ini yang akhir, lain kali kalau

saya jadi Ahli Parlimen, saya mesti bercakap dalam Bahasa Malaysia. (*Ketawa*)

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Cakap Bahasa Malaysia, tetapi sedikit campur dalam bahasa Inggeris tak mengapa. Bagi kali ini sahaja.

**Tuan Rasiah Rajasingam:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Barisan Nasional, bercakap di atas dasar prinsip keselamatan dan kepentingan negara yang terdiri dari berbilang kaum, in other words, being a member of the Barisan Nasional which was formed in 1972 by our late Prime Minister Tun Abdul Razak for national security and national interest. I found today that everybody in the House was talking off the tangent. But the man yang kita cakap betul-betul dari kejujuran hatinya ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Kita dalam Dewan ini boleh bercakap banyak berdasarkan keselamatan dan sebagainya. Tetapi kalangan kita bukan dari Kelantan dan kebanyakan orang-orang dari Parti Pembangkang (DAP) bukan dari Kelantan. Kalau apa-apa terjadi dalam Kelantan, mereka tidak akan bertanggungjawab tetapi kalau mereka dapati anak-anak dan saudara-mara mereka mati terbunuh ataupun rumahnya terbakar, mereka akan bercakap, "Apa kita punya Perdana Menteri buat hanya duduk dalam air-conditioned office?" Ini, Tuan Yang di-Pertua is our conscience, dalam hati kita. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri mengatakan "Demi Allah", kalau dia kata begitu, kita pun boleh kata "Demi Allah", tetapi kalau kita mahu buka cerita, dia tak boleh lawan kita. Oleh itu kita dalam Dewan ini bukanlah bercerita masalah itu.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari ini mengemukakan Rang Undang-undang ini bukan disebabkan politik UMNO, ataupun PAS mahu makan UMNO, atau UMNO mahu makan PAS, GERAKAN mahu makan PAS, sebaliknya tidak. (*Ketawa*) Sebab saya tahu, saya dalam Barisan Nasional saya pun sendiri ada bercakap dalam akhbar dan buat kenyataan terhadap Ahli Yang Ber-

hormat dari Tanjong dan pemimpin dari Barisan Nasional mengenai Essential Security Cases Act. Saya tidak menyokong Rang Undang-undang ini, tetapi kita juga memperjuangkan demokrasi berparlimen. Pada hari ini saya berani mengakui tetapi tidak seperti Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri dan Pembangkang bercakap masalah lain. Dalam Dewan ini kita boleh bercakap, kalau dibuat di luar Dewan, orang ramai akan bersorak. Kita hendaklah bercakap dengan jujur.

(*Dengan izin*) Mr. Speaker, Sir, it will be more expressive in English. Being a member of the Barisan Nasional and being in the component party of the Gerakan I have criticised the Gerakan and its President, the Member for Tanjong. That has called for a lot of criticism from my own members. It has caused dissatisfaction among many members of the Barisan Nasional, very senior members who are leaders of the Barisan Nasional, but I have got to serve a constituency, I have got to serve my constituents with fear and no favour, and till today, I have done it, I have not been arrested, my freedom has not been restricted, and last, not to say the least, I oppose the Essential Security Cases Act. I chose not to defend any cases against the ISA which is a resolution under the Emergency Ordinance 1/69 which is also part and parcel of this. But we are not worried about that part.

The Member for Nilam Puri was talking about atrocities in Kelantan on the one hand, but on the other hand, he was talking about something else. Now I couldn't fathom what he is actually talking about. I may be stupid. We are interested in the politicking. I think the Member for Nilam Puri started his speech with these words, "With the Grace of God". If he can say those words "With the Grace of God" outside Parliament with me, then he is honest. I will take him on because I think there is one man with conscience in the House today, that is my Prime Minister. I say he is my Prime Minister, I respect him. Till the day he lets me down I will still call him my Prime Minister, but the day he lets me down, I am not going to

call him my Prime Minister (*Ketawa*). His past history, as a member of the same profession to which I belong — a brother colleague, has proved to be a man of conscience. We have heard a lot of talks about the Opposition Members — people whom we do not like. None of them talked about conscience. I am talking of conscience. My conscience was not right in defending the Essential Security Cases. I refused. I refunded the money. So did the Prime Minister today when he made this Bill not because of UMNO beating PAS or PAS killing one another — No. He was only interested in why should innocent lives and people's property be destructed. We all are here today. I think half or ninety percent of us are not affected with what happened in Kelantan. But if my son was in Kelantan and if he had been killed accidentally in those riots, I will go for the Prime Minister (*Ketawa*). What sort of Prime Minister have we got in this country? He is responsible. It is easy for all of us to talk, but let us have a conscience. I am prepared. I speak straight, I do not deviate from my principles.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya tolong bercakap mengenai Ahli Parti Pembangkang ....

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Jangan ganggu, jangan ganggu. (Kepada Tuan Lim Cho Hock). Adakah hendak tegur dia atau apa?

**Tuan Lim Cho Hock:** Sebab dia dahulu Labour Party.

**Tuan Rasiah Rajasingam:** Ya, Labour Party. Tuan Yang di-Pertua, principle conscience serupa juga bukan macam lain Parti Pembangkang, boleh tukar sini sana. Dua minggu dahulu dia bercakap lain, hari ini dia ingat, ah! PAS sama UMNO sudah gaduh, kita sokong PAS! Kita dapat tiket. Itu saya tidak sumpah. That is not me (*Ketawa*). *I am not a political opportunist but I will stand straight to my principles, as our Honourable Prime Minister stood and said. Let not the DAP*

accuse me of being a swinging snake. I have not been. None of them can accuse me, but I think I can point many a finger at them till this day. If they choose to challenge me, I am prepared for it. Mr. Speaker, Sir, the only thing we are now interested ....

**Tuan Ngan Siong Hing:** (*Bangun*).

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sabar, sabar! Penjelasan? Ada beri jalan atau tidak? Are you giving way?

**Tuan Rasiah Rajasingam:** You want to say something? Go ahead.

**Tuan Ngan Siong Hing:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ada menuduh bahawa ada orang di pihak sini kotor. Saya cabar dia namakan orang itu, siapa dia, namakan orang itu di Dewan ini atau di luar. Kalau tidak duduk di sana dan diam. Orang itu tiada conscience, sekarang ada 500 orang dalam jel. Ini conscience orang dari Jelutong.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ini luar dari penjelasan?

**Tuan Rasiah Rajasingam:** Pada hari itu, 18hb Oktober, dia seorang yang minta luluskan satu resolusi jangan bawa kes ISA, dia sendiri tidak datang. Saya boleh challenge dia keluar. Dia boleh keluar Dewan (*Ketawa*).

**Tuan Ngan Siong Hing:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sabar, sabar!

**Tuan Ngan Siong Hing:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Pada hari itu bukan saya tidak mahu pergi. Saya ....

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Mahu beri jalan atau tidak! Saya bertanya mahu beri jalan atau tidak.

**Tuan Rasiah Rajasingam:** Boleh challenge, saya beri jalan, bilapun boleh challenge. (*Ketawa*)

**Tuan Ngan Siong Hing:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya beri satu dua penjelasan. Saya terima.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sudah beri jalan, duduk dahulu!

**Tuan Rasiah Rajasingam:** Tuan Yang di-Pertua, tentukan haribulan jam dan tempat. Saya buat.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Kalau sudah beri jalan, kenalah duduk.

**Tuan Ngan Siong Hing:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada dengar apa Yang Berhormat dari Jelutong kata iaitu pada 18hb bukan saya tidak mahu datang ke Kuala Lumpur. Tetapi saya tidak boleh dapat leave dari Mahkamah. Sebab itu saya tidak boleh datang, plane ticket pun saya sudah beli, Tuan Yang di-Pertua. Ini adakah salah saya atau salah Mahkamah atau Magistrate itu dan ini ada di dalam rekod. Saya ada satu gambling case 20 orang kena tangkap. Dia cakap bohong. Jangan cakap bohong, duduk! (*Ketawa*)

**Tuan Rasiah Rajasingam:** Saya minta Tuan Yang di-Pertua buat satu ruling.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya beri dua minit sahaja lagi.

**Tuan Rasiah Rajasingam:** Saya tahu. (*Ketawa*). Kalau Ahli Yang Berhormat itu mahu challenge dengan saya, dia boleh buat di luar. Saya bagi Tuan Yang di-Pertua tentukan hari, tempat dan jam.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya tidak mahu campur. (*Ketawa*)

**Tuan Rasiah Rajasingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap ini yang akhir. All members in this House should not be mistaken that there is partisan politics in this Kelantan

affair. The Honourable Prime Minister did not take sides — whether UMNO or PAS involved.

**Tuan Ngan Siong Hing:** (*Bangun*).

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Tolong, Yang Berhormat jangan ganggu!

**Tuan Rasiah Rajasingam:** Tolong suruh dia diam (*Ketawa*).

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Terus-kan. Ada dua minit lagi fasal diganggu. Jangan ganggu lagi!

**Tuan Rasiah Rajasingam:** Mr. Speaker, Sir, the only consideration which we as members of the Gerakan and as members of the Barisan Nasional took into regard was to choose the first priority. Though this course of action was as a result of a decision of the Barisan Nasional, the ultimate decision was left to our Honourable Prime Minister — to decide on priorities as to whether we want politicking or whether we want bloodshed. So he chose the course of “no bloodshed”; hence we are passing this Bill today. I am against the eroding of constitutional rights, but in this case my conscience says I am perfectly right in supporting our Honourable Prime Minister’s motion for the passing of this Bill.

**Tuan Ngan Siong Hing:** Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat memberi jalan?

**Tuan Rasiah Rajasingam:** No.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Dia tidak boleh beri jalan kali ini.

**Tuan Rasiah Rajasingam:** (*Kepada Tuan Ngan Siong Hing*) Duduk! Would you sit down please? (*Ketawa*).

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Mengikut Peraturan Mesyuarat 37 (2), kalau diberi jalan

dia akan bercakap. Tadi diberi jalan, fasal itu dia bercakap. Tolong tamatkan ucapan Yang Berhormat.

**Tuan Rasiah Rajasingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. I am fully supporting this Bill....

**Tuan Ngan Siong Hing:** Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak beri jalan? Saya bertanya, hendak beri jalan atau tidak di bawah peraturan mesyuarat. Dia tidak beri jalan.

**Tuan Rasiah Rajasingam:** Saya tidak beri jalan. Tuan Yang di-Pertua kata tadi saya sudah bercakap lebih lima minit.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya berikan lima minit lebih sebab ada gangguan. Yang Berhormat boleh tamatkan ucapan.

**Tuan Rasiah Rajasingam:** Tuan Yang di-Pertua, if I may say, notwithstanding that I am against the erosion of constitutional rights, in this particular case, I am supporting our Honourable Prime Minister who is a very firm and unbiased man....

**Tuan Ngan Siong Hing:** We do not support.

**Tuan Rasiah Rajasingam:** We do not care about your opposition. This Bill would be passed by the majority anyway. I am supporting our Honourable Prime Minister on this Bill because otherwise I think innocent lives and property will be lost. We have learnt one lesson in 1969. Because none of us here had been affected at that time, we are very bravely talking here. But if one of our kind or a beloved one had been involved in that crisis, then we would have been blaming the poor Prime Minister. I fully support that this Bill goes through and that....

**Tuan Ngan Siong Hing:** (*Bangun*).

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Teruskan dan tamatkan ucapan, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong!

**Tuan Rasiah Rajasingam:** Terima kasih. (*Ketawa*).

*1.53 pagi*

**Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menyatakan rasa dukacita saya kerana sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri waktu dianya membuat ucapan tidak ada talivisyen baginya. Ucapan saya ini bukan sahaja tidak ada talivisyen, tetapi nampak semuanya sudah mengantuk termasuk pemberita-pemberita, jadi ada kerugian sedikit bagi saya. Walau bagaimanapun, inilah nasib orang-orang yang suka menceburkan diri di dalam bidang politik, kadang-kadang naik, kadang-kadang turun.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, pada pagi ini ataupun bermula pada petang tadi sehingga ke pagi ini kita telah membahas di dalam Dewan yang berbahagia ini dan ramailah Pembangkang-pembangkang yang menyebut tentang kemerosotan demokrasi di dalam negara kita ini akibat pembentukan undang-undang yang kita bahaskan di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita tidak perlu membahas undang-undang ini. Ada pakar-pakar Undang-undang yang berpendapat bahawa setelah darurat diisytiharkan maka Kerajaan Pusat berkuasa melanjutkan kuasanya ke Negeri-negeri. Saya ingin membaca satu peruntukan di dalam undang-undang yang berbunyi demikian iaitu undang-undang Perkara 150 — Proclamation of Emergency — Bahagian (4) yang mana ianya berkata:

“While a Proclamation of Emergency is in force....” — dan sebenarnya proclamation

of emergency memang in force sejak tahun 1969 — "... the executive authority of the Federation shall, notwithstanding anything in this Constitution, extend to any matter within the legislative authority of a State and to the giving of directions to the Government of a State or to any officer or authority thereof."

Peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa apa yang perlu dibuat oleh Kerajaan sekarang ialah mengisytiharkan darurat kalau diannya suka, tetapi darurat telahpun diisytiharkan daripada tahun 1969 dan selepas itu dikuatkuasakan peruntukan di dalam Perlembagaan ini tanpa bahasan di dalam Dewan ini. Tetapi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berpendapat bahawa negara kita ini adalah sebuah negara yang demokratik yang mana rakyat perlu mendengar hujah-hujah dan pendapat-pendapat tentang tiap-tiap satu tindakan ataupun langkah yang diambil oleh Kerajaan yang melibatkan nasib dan kehidupan rakyat, sebab itu kita tidak menggunakan peruntukan di dalam undang-undang ini tetapi kita lebih rela datang ke Dewan ini untuk membahaskan undang-undang ini memberi peluang kepada sahabat-sahabat kita daripada parti lawan ataupun bekas parti lawan ataupun yang akan menjadi parti lawannya ataupun sahabat-sahabat yang lain membincangkan perkara ini. Ini menunjukkan bahawa kita suka kepada demokrasi, lebih suka supaya tiap-tiap satu langkah yang kita ambil tidak dikritik oleh orang sebagai tidak mematuhi prinsip-prinsip demokrasi. Inilah Kerajaan yang pada malam ini — pada pagi ini membentangkan undang-undang ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri juga menyebut bahawa sejak kita merdeka 20 tahun emergency telah diproclaimkan selama tiga kali — 20 tahun kita mengadakan proclamation of emergency tiga kali — dan ini merupakan satu rekod kalau dibandingkan dengan mana-mana juga negeri-negeri yang baharu merdeka dan baharu membangun. Kebanyakan daripada negeri-negeri yang

baharu merdeka selepas perang dunia kedua ini, sekarang ini tidak demokratik lagi. Kebanyakan daripada mereka sudah merupakan Kerajaan yang dictatorial yang mana tidak ada bukti-bukti demokrasi lagi tetapi di dalam negara kita ini kita cuma mengadakan tiga proclamation of emergency tetapi apakah tingkah laku kita di waktu kita mempunyai kuasa yang begitu luas yang diperuntukkan di bawah proklamasi. Kita boleh kaji dan kita tidak rasa malu ataupun segan tentang rekod kita. Negara inilah satu-satu negara yang biasa mengadakan Kerajaan emergency yang mana seorang telah diberi kuasa yang begitu besar sehingga diannya boleh menjatuhkan hukum kepada semua orang jika diannya suka, tetapi setelah dapat kuasa begitu besar, cuma dalam jangka masa 21 bulan sahaja diannya rela memulangkan kuasa ini kepada Dewan Rakyat. Diannya rela menghadapi rakyat sekali lagi untuk menentukan samada rakyat masih memberi mandat kepadanya untuk memerintah. Kita mewarisi kepimpinan pemimpin ini yang begitu sekali sanggup menyerahkan nasibnya kepada rakyat untuk menentukannya. Sebab itu kita boleh berkata di sini bahawa rekod kita menunjukkan; pegangan kita begitu kokoh kepada prinsip-prinsip demokrasi dan kita tidak mengisytiharkan emergency as a matter of convenience seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri. Memang benar kalau kita "coin" satu perkataan yang semacam ini mudah menjadi "catch-word" yang boleh dipergunakan di dalam surat-khabar. Saya percaya surat-khabar akan berpegang kepada perkataan "emergency of convenience" ini seperti "marriage of convenience" juga tetapi ini tidak benar sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini seperti kata Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, sebenarnya ini merupakan "emergency of inconvenience" kerana inconvenience yang diannya membawa kepada bukan sahaja kepada penduduk di Kelantan tetapi juga Menteri-menteri di dalam Kerajaan Pusat yang tidak dapat tidur beberapa hari untuk cari jalan menyelesaikan masalah ini. Tugas-tugas

mencari jalan menyelesaikan masalah ini memang dijalankan kerana saya mengakui bahawa memanglah apa yang berlaku di Kelantan itu merupakan krisis politik.

Saudara saya Ahli dari Kota Setar telah menyebut bahawa sejak dianya berdamping kuat dengan doktor-doktor, diapun menyerap sedikit-sebanyak daripada pengetahuan doktor-doktor. Saya bukan berdamping tetapi saya doktor dan saya ingin berkata bahawa bandingan yang dibuat ini memang tepat sekali tetapi sebagai seorang doktor saya tahu juga bahawa demam umpamanya boleh disebabkan oleh berbagai jenis penyakit, tetapi sementara kita menentukan penyakit itu dapat disembuhkan, kita perlu mengubati symptomnya iaitu demam tadi perlu diubati. Selepas itu kalau masih kita dapat mencari sebab-sebabnya menentukan jenis sakitnya bolehlah kita memberi ubat yang lebih tepat. Dalam perkara ini keadaan yang serupa telah berlaku iaitu dalam mengubati demam yang merupakan tindakan yang liar di Negeri Kelantan, masalah krisis politik memang belum diatasi, tetapi ini tidak bermakna bahawa kita tidak akan cuba mengatasi masalah krisis politik kerana kita yakin dan percaya bahawa dengan mengatasi krisis politik inilah maka dapat kita memperbaiki keadaan di Negeri Kelantan. Tetapi apa yang patut kita buat sementara itu, apakah kita akan membiarkan perkara yang buruk berlaku di Negeri Kelantan sehingga kita dapat mengubati penyakitnya yang tidak mudah diubati?

Saya telah sebut bahawa kita telah cuba mengubati penyakit politik di Negeri Kelantan ini, kita telah cuba berbagai formula sehingga dianya menjadi satu ejekan di dalam surat-khabar iaitu formula demi formula telah dikeluarkan oleh si polan, si polan, tetapi tidak nampak bahawa masalah di Negeri Kelantan itu dapat diatasi. Saya ingin menjelaskan bahawa sebelum undi tidak percaya dikemukakan di dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan, kita telah mencuba mengelakkan daripada kejadian ini berlaku. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah cuba men-

cari jalan supaya tidak diadakan undi tidak percaya ini kerana mengikut maklumat yang telah kita terima, ada kemungkinan kalau undi tidak percaya ini dibuat di dalam Dewan Undangan maka satu keadaan huru-hara mungkin tercetus di Negeri Kelantan. Kita telah mencadangkan supaya kita akan cuba memujuk Menteri Besar yang tidak disukai itu mengundur diri dan diganti dengan orang yang tidak menimbulkan masalah di Negeri Kelantan, tetapi malangnya formula ini ditolak dengan perkataan bahawa ini adalah hak kami dan kalau kami ingin singkirkan siapapun tidak berhak menahan kami, dan kami tidak akan mengemukakan siapa yang akan menggantinya kerana itu juga hak kami. Jadi usaha untuk mengelakkan daripada perkara ini berlaku sudahpun dijalankan, tetapi oleh kerana tidak sanggup menerima nasihat daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, maka undi itu telah dijalankan juga dan akibat yang telah kita predict, yang telah kita katakan dahulu sudahpun dapat dilihat sekarang ini. Walaupun demikian kita telah berusaha juga untuk mengatasi krisis politik ini dengan cara politik.

Kita percaya dengan goodwill, dengan perasaan muhibbah perkara ini dapat diatasi secara tolak-ansur telah dikemukakan, sebab itu apabila Ahli Yang Berhormat daripada Parti Pembangkang mengemukakan satu Usul untuk membincangkan krisis di Kelantan, saya minta kepada Tuan Speaker, memberitahu kepada Tuan Speaker sebenarnya usaha dijalankan dan ada kemungkinan usaha itu akan mencapai kejayaan. Sebarang perbahasan dalam Dewan ini mungkin mengeruhkan keadaan ini. Ini adalah satu cara untuk mengatasi krisis politik dengan cara politik. Malangnya usaha ini juga tidak berjaya. Sementara itu Negeri Kelantan tidak mempunyai Kerajaan yang effective sedangkan Negeri Kelantan berkehendakkan kepada sebuah Kerajaan yang boleh mentadbirnya kerana dia telah diberi peruntukan yang begitu tinggi untuk membangunkan Negeri Kelantan memandangkan bahawa Negeri Kelantan ini telah ketinggalan dalam segi pembangunan.

Dengan tidak adanya sebuah Executive Council dan tidak adanya Menteri Besar maka segala kerja-kerja urusan Kerajaan tidak dapat dijalankan dengan sempurna. Ini menimbulkan masalah dan sementara perkara-perkara ini diselidik dan cara-cara menyelesaikannya dari segi politik dapat ditentukan, kita perlu mengambil tindakan segera, kerana kita tidaklah dapat lagi menunggu krisis politik ini diatasi dengan cara politik. Sebab itulah maka kita menggubalkan Undang-undang ini.

Kita tahu bahawa keadaan di Negeri Kelantan telah pulih sedikit sebanyak tetapi pemulihan ini disebabkan bukan ketenangan yang asasi, ketenangan yang semula jadi tetapi kerana terpaksa kita menetapkan di sana bilangan polis yang begitu banyak. Saya mengaku bahawa pada mulanya nampak seolah-olah polis ini tidak menjalankan tugas mereka dengan sempurna tetapi ini adalah perkara biasa dalam cara mengawal kumpulan-kumpulan yang besar. Sebagai Menteri Pelajaran, saya masih ingat di waktu demonstrasi berlaku di dalam tahun 1974, saya telah meminta kepada polis supaya dengan lekas menyuraikan kumpulan-kumpulan penuntut tetapi mereka menyatakan kepada saya bahawa tidak dapat mereka membuat sesuatu dengan lekas tanpa membawa akibat yang buruk, tanpa mencederakan orang-orang yang berhimpun. Polis kita bukan seperti polis di negeri-negeri lain, mereka menjaga keselamatan dengan cara yang begitu cermat, tidak suka mencederakan sesiapa walaupun mereka itu penganas sekalipun. Kalau kita dapat melihat gambar-gambar daripada negeri-negeri lain, mereka itu menggunakan lastik kayu 6 kaki panjang yang dibedanya kepada kepala orang sehingga pecah, tetapi polis di dalam negara kita ini saya diberitahu menggunakan rotan sahaja supaya kalau dipukul dengan rotan tidak ada cedera parah, tidak ada pecah kepala, patah tangan dan sebagainya. Kita berkehendakkan cara-cara ini kerana ini menyelamatkan orang kita sebab itu apabila bilangan polis itu terlalu kecil ianya tidak dapat mengawal perhimpunan-

perhimpunan yang diadakan pada masa-masa yang awal. Ini adalah perkara biasa. Saya telah lihat dan saya sendiri berasa keciwa kerana pihak polis tidak bertindak dengan begitu cepat dalam masalah pemberontakan penuntut tahun 1974 sepertimana kita tahu pemberontakan itu berjalan sampai 3 hari sebelum pihak polis masuk ke dalam kampus kerana mereka enggan memasuki kampus.

Saya percaya bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat di sini samada dari Parti Pembangkang ataupun dari Parti Kerajaan akan menyokong tindakan yang seperti ini. Sudah tentu mereka tidak suka kalau mereka terdapat di dalam satu kumpulan itu tetapi telah dibedal dengan kayu yang keras kerana polis kita yang menjaga supaya tidak siapa pun menerima cedera parah apabila mereka mengambil tindakan.

Saya tidak tahu samada bilangan mereka yang berhimpun sampai 80,000 ataupun berkehendakkan kepada Padang Merdeka empat tingkat dan sebagainya tetapi yang saya tahu bilangan itu banyak. Sedangkan cerita berkenaan dengan perhimpunan itu diperkecil-kecilkan. Cerita berkenaan apa yang terjadi di keliling rumah Timbalan Menteri Besar telah dicerita dengan panjang lebar. Pihak polis mengatakan bahawa perhimpunan itu menjadi ganas bukan sebelum tetapi selepas tembakan dilepaskan oleh pihak yang berkenaan. Sebab itulah terpaksa pistol itu diambil daripadanya. Ini bukan merupakan satu pesta dan ini berlaku sewaktu saya berada di Kota Bharu. Dan saya mendapat maklumat di masa itu juga, waktu ianya terjadi. Saya mendapat makluman di waktu saya menerima taklimat dari pihak polis apabila saya sampai ke Kota Bharu. Dan taklimat itu dihadiri juga oleh kawan saya dari parti PAS iaitu Dr. Abbas Alias dengan seorang doktor lagi. Dan mereka itu telah bersama-sama dengan saya, bukan berunding dengan kumpulan yang dinamakan 'Barisan Bertindak Rakyat' itu, tetapi untuk mengetahui pendapat mereka. Perjumpaan ini bukan merupakan rundingan, tetapi kalau pun saya berunding dengan

mereka, ini tidak menjadi satu kesalahan. Sebagai Timbalan Perdana Menteri yang juga bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan saya perlu mencari apa juga cara untuk mengatasi masalah-masalah yang seperti ini. Dengan kerana saya berjumpa dengan orang ini tidak bermakna saya mengiktiraf mereka. Sepertimana Tunku Abdul Rahman biasa berjumpa dengan Chin Peng, tidak bermakna bahawa dia mengiktiraf Chin Peng sebagai ketua bagi satu negara ataupun lain-lain. Kita tentu terpaksa mencari jalan untuk mengatasi masalah-masalah yang seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini bukan dibentuk secara tindakan panic. Dia sebenarnya merupakan satu tindakan terakhir dan ianya dibentuk demikian rupa supaya semua perkara-perkara yang diambil kira. Saya yakin Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri di waktu ianya menyebut tentang peruntukan Fasal 6 dalam Undang-undang ini tidak ada tujuan yang tidak baik, tetapi malangnya sebutannya terhadap peruntukan ini mungkin menimbulkan perasaan kemarahan di kalangan Raja-raja dan mungkin juga mereka yang sayangkan kepada Raja-raja mereka akan merasa marah, kerana mengikut Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri peruntukan ini dikatakan merendahkan mertabat Raja-raja ataupun perkataan yang sedemikian. Peruntukan ini berbunyi demikian:

“Raja Negeri adalah berhak, atas permintaannya, mendapat apa-apa maklumat berkenaan dengan Kerajaan Negeri yang boleh didapati oleh Pengarah.”

Katanya peruntukan ini merendahkan mertabat Kerajaan. Tetapi saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa peruntukan ini sebenarnya diangkat daripada The Constitution of the State of Kelantan, muka 6 Perkara 15 yang berbunyi demikian:

“1. In the exercise of his functions under the Constitution of the State or any law or as a member of the Conference of Rulers, His Highness shall ....

macam-macam lagi, tetapi disambung pada hujungnya dengan perkataan —

“... shall be entitled, at his request, to any information concerning the Government of the State, which is available to the State Executive Council.”

Jadi, tidak ada niat sama sekali oleh pihak Kerajaan merendahkan mertabat Raja-raja. Sebenarnya, peruntukan macam ini ada di dalam Perlembagaan Negeri Kelantan dan ianya dimasukkan di sini supaya kita menjaga taraf kedudukan Raja Kelantan. Saya berharaplah apa yang diperkatakan itu saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri berniat baik, tetapi kesannya mungkin menjadi begitu buruk, sebab itu saya terpaksa menjelaskan asas-asas peruntukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri tentang usul yang ditolak oleh Tuan Yang di-Pertua dulu, dan saya telah terangkan kenapa kita menjelaskan kepada Tuan Yang di-Pertua tentang tindakan-tindakan yang telah diambil.

Tuan Yang di-Pertua, di antara perkara-perkara yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri ialah tentang kedudukan ahlinya di dalam Kerajaan. Ini sekali lagi saya yakin bahawa tujuannya tentulah baik iaitu tidak ada niat untuk menimbulkan sebarang embarrassment kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Keadaan ini berlaku dengan kerana tidak ada tindakan untuk keluar daripada Barisan Nasional. Dan ini kita alu-alukan kerana memang benar kita suka supaya semua orang berada di dalam Barisan Nasional, termasuklah Parti Pembangkang sendiri pun. Tetapi keadaan ini janganlah pula digunakan untuk menimbulkan embarrassment kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang komposisi Kabinetnya. Kalau tindakan ini yang saya yakin tidak bertujuan untuk menimbulkan embarrassment; tindakan berada di dalam Barisan Nasional ini dibuat dengan tidak niat

ini saya amat mengalu-alukan kedudukan Ahli Yang Berhormat dan rakan-rakannya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga bercakap dengan panjang lebar berkenaan dengan soal demokrasi dan kemungkinan Kerajaan meminda Perlembagaan sehingga ianya tidak demokratik.

Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham bahawa bagaimana pindaan yang semacam ini dapat dilakukan melainkan diizinkan. Kalau diizinkan maka tindakan itu menjadi demokratik, kerana bilangan yang ramai akan meminta supaya Perlembagaan itu dipinda demikian rupa. Tetapi untuk meminda Perlembagaan kita berkehendakkan kepada majoriti  $\frac{2}{3}$  dan ini tidak mudah didapati kalau tujuan pemindaan itu ialah tujuan yang berniat buruk yang akan mengancam demokrasi di dalam negara kita ini. Fikiran yang saya suspicious seperti ini saya tidak mahu tegur kerana tidak ada faedah daripadanya. Kita mempunyai rekod yang baik yang menunjukkan bahawa kita tetap berpegang kepada demokrasi dan tidak siapa pun patut khawatir tentang soal demokrasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyokong dan saya bagi pihak Kerajaan mengucapkan terima kasih kerana sokongan mereka dan kita percaya bahawa sokongan itu datang semuanya daripada hati yang ikhlas sama ikhlasnya dengan hati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di waktu dianya mengemukakan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi ingin saya tegaskan di sini iaitu di waktu Kerajaan memikir tentang Undang-undang ini kita tidak ada niat untuk merebut kuasa ataupun membuat apa-apa selain daripada yang telah dinyatakan di dalam ucapan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi. Tujuan kita ialah supaya kita mententeramkan keadaan di negeri Kelantan dan menjalankan pentadbirannya dengan secara yang sempurna dan kita berharap dengan keadaan

yang tenteram itu suasana yang panas, yang tegang dapat dikurangkan, direndahkan, dilonggarkan dan mereka yang terlibat dengan peristiwa ini dapat melupakan tentang usul-usulnya dan balik kepada pangkal jalan. Saya percaya bahawa semua pihak berkehendak supaya keadaan di Negeri Kelantan ini dipulih semula dengan secepat mungkin. Ini dapat dilakukan kalau tidak ada usaha-usaha untuk membakar hati orang, usaha samada dijalan dengan senyap-senyap atau terbuka dan kalaulah kita dapati bahawa keadaan di Negeri Kelantan ini sudah reda sedikit maka kita akan mencari jalan untuk menamatkan pemerintahan secara darurat ini kerana ini merupakan tambahan beban kepada Kerajaan Pusat dan kita sudah banyak beban yang hendak dipikul dan tidak ada satu sebab yang kita ingin menambah beban.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat telah berkali-kali mengatasi banyak masalah secara rundingan dan saya tidak perlu perhitungkan masalah-masalah ini kerana ini adalah menjadi ketahuan umum. Apa yang kita ingin jelaskan di sini ialah kita masih bersedia untuk mencari jalan politik ataupun jalan apa juga untuk mengatasi masalah ini sementara Undang-undang ini berkuatkuasa dan membawa ketenteraman kepada Negeri Kelantan. (*Tepuk*)

Usul dikemuka bagi diputuskan.

**Dato' Shariff Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta iaitu sebelum Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan ketiga maka hendaklah diadakan belah-bahagian mengikut peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 46.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju di atas permohonan itu diminta jemput berdiri (*Lebih lima belas Ahli-ahli bangun*) pungutan undi akan dijalankan dengan belah-bahagian. Saya jemput Penghitung undi mengambil tempat masing-masing.

Dewan berbelah-bahagi: Yang Bersetuju, 118; Yang Tidak Bersetuju, 18; Yang Tidak Mengundi; Tiada.

### **YANG BERSETUJU**

1. Datuk Hussein bin Onn
2. Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad
3. Datuk Lee San Choon
4. Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah
5. Tan Sri Ong Kee Hui
6. Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie
7. Datuk Haji Abdul Ghani Gilong
8. Tan Sri Lee Siok Yew
9. Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof
10. Dato Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani
11. Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud
12. Datuk Seri Ali bin Haji Ahmad
13. Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj bin Tengku Ismail
14. Datuk Haji Mohamed bin Yaacob
15. Dato' Michael Chen Wing Sum
16. Datuk Musa bin Hitam
17. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah
18. Datuk Abdul Samad bin Idris
19. Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad
20. Tan Sri Chong Hon Nyan
21. Dato' Shariff Ahmad
22. Datuk Mohamed bin Rahmat
23. Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar
24. Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa
25. Datuk Chan Siang Sun
26. Tuan Mokhtar bin Haji Hashim
27. Tuan Richard Ho Ung Hun
28. Dr. Sulaiman bin Haji Daud
29. Tuan Paul Leong Khee Seong
30. Dato' Haji Ramli bin Omar
31. Dr. Goh Cheng Teik
32. Dr. Neo Yee Pan
33. Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff
34. Tuan Rais Yatim
35. Tuan S. Subramaniam
36. Tuan Edmund Langgu anak Saga
37. Tuan K. Pathmanaban
38. Tuan Lew Sip Hon
39. Tuan Abdul Manan bin Othman
40. Dr. Ling Liong Sik
41. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman
42. Tuan Jawan anak Empaling
43. Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar
44. Dato' Haji Embong bin Yahya
45. Datuk Saadun bin Mohammad Noh
46. Tan Sri Datuk Syed Nasir bin Ismail
47. Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub
48. Dr. Lim Chong Eu
49. Datuk Harris bin Mohd. Salleh
50. Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop Al-haj
51. Tuan Leo Moggie anak Iroke
52. Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir
53. Tan Sri Haji Mohamed Said bin Keruak
54. Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Indar
55. Datuk Stephen Yong kuet Tze
56. Tuan Azahari bin Md. Taib
57. Tuan Edwin anak Tangkun
58. Tuan Tan Cheng Bee
59. Datuk Peter Lo Su Yin
60. Datuk Haji Shafie bin Abdullah
61. Tuan Sulaiman bin Haji Taib
62. Tuan Abdul Ghafar bin Baba
63. Datuk Senu bin Abdul Rahman
64. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong
65. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid
66. Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin
67. Tuan Mohamed Sopiae bin Sheikh Ibrahim
68. Datuk Peter Lim Pui Ho.
69. Dr. Hee Tien Lai
70. Tuan Latip bin Haji Dris
71. Penghulu Abit anak Angkin
72. Tuan Pang Sui Chee @ Alex Pang
73. Tuan Lim Kiam Hoon @ Lim Ah Ying
74. Datuk Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak
75. Tuan Shaari bin Jusoh
76. Tuan Sanusi bin Junid
77. Tuan Haji Madina bin Unggut
78. Tuan Oo Gin Sun

79. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah
80. Datuk James Stephen Tibok
81. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin
82. Tuan Abu Bakar bin Arshad
83. Tuan Ja'afar bin Hamzah
84. Datuk Albert Mah
85. Tuan Buja bin Gumbilai
86. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk
87. Raja Nasron bin Raja Ishak
88. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad
89. Wan Zainab binti M.A. Bakar
90. Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar
91. Tuan Ariffin bin Haji Daud
92. Tuan Rasiah Rajasingam
93. Tuan Lee Boon Peng
94. Tuan Yang Siew Siang
95. Tuan Liben anak Kato @ Wairy Liben anak Kato
96. Tuan Richard Dampeng anak Laki
97. Tuan S. Samy Vellu
98. Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya
99. Tuan Mak Hon Kam
100. Tuan Chin Hon Ngian
101. Tuan Au How Cheong
102. Tuan Loh Fook Yen
103. Tuan Wee Ho Soon
104. Tuan Ting Ling Kiew
105. Tuan Sibat anak Tagong @ Sibut Miyut anak Tagong
106. Tuan Haji Jamil bin Ishak
107. Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed
108. Tuan Chieng Tiong Kai @ Chieng Sie Lung
109. Tuan Thomas Salang Siden
110. Tuan Racha Umong
111. Tuan Haji Abdul Rashid bin Haji Jais
112. Datuk Nik Hassan bin Abdul Rahman
113. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais
114. Tuan Shamsuddin bin Din
115. Tuan Hashim bin Ghazali
116. Tuan Lukman bin Abdul Kadir
117. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim
118. Tuan A.K. Aliuddin

#### **YANG TIDAK BERSETUJU**

1. Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda

2. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar
3. Tuan Mustapha @ Hassan bin Ali
4. Tuan Mohd. Zahari bin Awang
5. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus
6. Tengku Zaid Al-haj bin Tengku Ahmad
7. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat
8. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah
9. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim
10. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor
11. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail
12. Tuan Lim Kit Siang
13. Dr. Chen Man Hin
14. Tuan Lim Cho Hock
15. Tuan Farn Seong Than
16. Tuan Lee Lam Thye
17. Tuan Oh Keng Seng
18. Tuan Ngan Siong Hing

#### **YANG TIDAK MENGUNDI**

Tiada

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingg 16* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Pendahuluan* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Mesyuarat bersidang semula*

#### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang ini telah ditimbang dalam

Jawatankuasa dan telah dipersetujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Datuk Lee San Choon:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat berdiri mengundi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam peraturan belah-bahagian yang dibuat dahulu sebelum daripada saya jadi Yang di-Pertua tidak menjadi peraturan, bukan salah saya. Dalam peraturan, saya bacakan:—

“47. (1) Apabila belah-bahagian telah diperintahkan, maka Penghitung undi hendaklah bertanya pada tiap-tiap ahli pihak mana hendak diundinya. Setiausaha hendaklah memasukkan undi masing-masing ahli itu dan nama ahli-ahli yang tidak mengundi dalam buku Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat.

(2) Apabila seorang ahli itu ditanya pihak mana hendak diundinya dalam sesuatu belah-bahagian, bolehlah dijawabnya mengatakan ia mengundi bagi pihak *Bersetuju* atau bagi pihak *Tidak* atau dengan menyatakan terang-terang iaitu ia tidak hendak mengundi.”

Tidak wajib dengan dibuat secara berdiri. Peraturannya bertanya nama — Ahli Yang Berhormat ‘A’ — Bersetuju, Tidak Bersetuju, Tidak Mengundi; selepas itu dijawab dan akan dimasukkan dalam rekod.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Division akan membolehkan setiap orang menunjukkan pendiriannya samada mereka sokong atau menentang, samada boleh selepas undian nama disenarai-kan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, akan disenarai-kan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Diumumkan di Dewan ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak pernah diumumkan namanya, melainkan ada dimasukkan dalam rekod.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tetapi Dewan mahu tahu, rekod pada masa sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak pernah jadi amalan diberitahu siapa mengundi Bersetuju atau Tidak Bersetuju waktu mengundi. Senarai yang ada pada Penghitung undi itu Bersetuju atau Tidak Bersetuju akan dimasukkan dalam rekod Votes and Proceedings. Ahli Yang Berhormat sudah lama di sini tidak perasankah?

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalnya sekarang ialah kita mahu tahu siapa yang berdiri undi menyokong atau undi menentang oleh kerana kita mahu tahu sekarang, untuk sejarah masa depan itu lain hal, masanya ialah sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh dengar suara — itu perintah saya mengikut peraturan. Sila jalankan undian — Boleh tanya nama dengan kuat dan Ahli Yang Berhormat boleh jawab dengan kuat — tidak ada halangan.

**Tuan Lim Cho Hock:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat orang ramai mahu tahu, siapa sokong dan siapa menentang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ketika hendak mengundi hendak main politik? — Tidak boleh diluluskan.

**Tuan Lim Cho Hock:** Kalau boleh umum-kan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Orang ramai boleh beli rekod Votes and Proceedings Parlimen ini, harta rakyat bila sampai masanya.

Usul dikemuka bagi diputuskan.

Dewan berbelah-bahagi: Yang Bersetuju, 118; Yang Tidak Bersetuju, 18; Yang Tidak Mengundi, Tiada.

### **YANG BERSETUJU**

1. Datuk Hussein bin Onn
2. Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad
3. Datuk Lee San Choon
4. Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah
5. Tan Sri Ong Kee Hui
6. Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie
7. Datuk Haji Abdul Ghani Gilong
8. Tan Sri Lee Siok Yew
9. Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof
10. Dato' Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani
11. Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud
12. Datuk Seri Ali bin Haji Ahmad
13. Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj bin Tengku Ismail
14. Datuk Haji Mohamed bin Yaacob
15. Dato' Michael Chen Wing Sum
16. Datuk Musa bin Hitam
17. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah
18. Datuk Abdul Samad bin Idris
19. Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad
20. Tan Sri Chong Hon Nyan
21. Dato' Shariff Ahmad
22. Datuk Mohamed bin Rahmat
23. Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar
24. Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa
25. Datuk Chan Siang Sun
26. Tuan Mokhtar bin Haji Hashim
27. Tuan Richard Ho Ung Hun
28. Dr. Sulaiman bin Haji Daud
29. Tuan Paul Leong Khee Seong
30. Dato' Haji Ramli bin Omar
31. Dr. Goh Cheng Teik
32. Dr. Neo Yee Pan
33. Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff
34. Tuan Rais Yatim
35. Tuan S. Subramaniam
36. Tuan Edmund Langgu anak Saga
37. Tuan K. Pathmanaban
38. Tuan Lew Sip Hon
39. Tuan Abdul Manan bin Othman
40. Dr. Ling Liong Sik
41. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman
42. Tuan Jawan anak Empaling
43. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar
44. Tuan Haji Embong bin Yahya
45. Datuk Saadun bin Muhammad Noh
46. Tan Sri Datuk Syed Nasir bin Ismail
47. Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub
48. Dr. Lim Chong Eu
49. Datuk Harris bin Mohd. Salleh
50. Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop Al-haj
51. Tuan Leo Moggie anak Iroke
52. Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir
53. Tan Sri Haji Mohamed Said bin Keruak
54. Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Indar
55. Datuk Stephen Yong Kuet Tze
56. Tuan Azahari bin Md. Taib
57. Tuan Edwin anak Tangkun
58. Tuan Tan Cheng Bee
59. Datuk Peter Lo Su Yin
60. Datuk Haji Shafie bin Abdullah
61. Tuan Sulaiman bin Haji Taib
62. Tuan Abdul Ghafar bin Baba
63. Datuk Senu bin Abdul Rahman
64. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong
65. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid
66. Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin
67. Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim
68. Datuk Peter Lim Pui Ho
69. Dr. Hee Tien Lai
70. Tuan Latip bin Haji Dris
71. Penghulu Abit anak Angkin
72. Tuan Pang Sui Chee @Alex Pang
73. Tuan Lim Kiam Hoon @Lim Ah Ying
74. Datuk Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak
75. Tuan Shaari bin Jusoh
76. Tuan Sanusi bin Junid
77. Tuan Haji Madina bin Unggut
78. Tuan Oo Gin Sun

79. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah
80. Datuk James Stephen Tibok
81. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin
82. Tuan Abu Bakar bin Arshad
83. Tuan Ja'afar bin Hamzah
84. Datuk Albert Mah
85. Tuan Buja bin Gumbilai
86. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk
87. Raja Nasron bin Raja Ishak
88. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad
89. Wan Zainab binti M.A. Bakar
90. Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar
91. Tuan Ariffin bin Haji Daud
92. Tuan Rasiah Rajasingam
93. Tuan Lee Boon Peng
94. Tuan Yang Siew Siang
95. Tuan Liben anak Kato @ Wairy Liben anak Kato
96. Tuan Richard Dampeng anak Laki
97. Tuan S. Samy Vellu
98. Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya
99. Tuan Mak Hon Kam
100. Tuan Chin Hon Ngian
101. Tuan Au How Cheong
102. Tuan Loh Fook Yen
103. Tuan Wee Ho Soon
104. Tuan Ting Ling Kiew
105. Tuan Sibat anak Tagong @ Sibut Miyut anak Tagong
106. Tuan Haji Jamil bin Ishak
107. Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed
108. Tuan Chieng Tiong Kai @ Chieng Sie Lung
109. Tuan Thomas Salang Siden
110. Tuan Racha Umong
111. Tuan Haji Abdul Rashid bin Haji Jais
112. Datuk Nik Hassan bin Abdul Rahman
113. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais
114. Tuan Shamsuddin bin Din
115. Tuan Hashim bin Ghazali
116. Tuan Lukman bin Abdul Kadir
117. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim
118. Tuan A.K. Aliuddin

#### **YANG TIDAK BERSETUJU**

1. Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda

2. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar
3. Tuan Mustapha @ Hassan bin Ali
4. Tuan Mohd. Zahari bin Awang
5. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus
6. Tengku Zaid Al-haj bin Tengku Ahmad
7. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat
8. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah
9. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim
10. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor
11. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail
12. Tuan Lim Kit Siang
13. Dr. Chen Man Hin
14. Tuan Lim Cho Hock
15. Tuan Farn Seong Than
16. Tuan Lee Lam Thye
17. Tuan Oh Keng Seng
18. Tuan Ngan Siong Hing

#### **YANG TIDAK MENGUNDI**

Tiada

Rang Undang-undang dibaca kali yang ketiga dan diluluskan. (*Tepuk*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum daripada saya tangguhkan Dewan ini, sekali lagi saya memaklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Pembangkang dan Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri, peraturan yang saya buat ini ialah semata-mata mengikut peraturan yang diperuntukkan dalam Peraturan Mesyuarat, tidaklah selain daripada sebab-sebab itu dan cara ini telah dijalankan beberapa kali selepas daripada saya menjadi Yang di-Pertua Dewan ini. Bukan kerana apa-apa sebab hendak melindungi atau hendak menyusutkan siapa Yang Bersetuju, siapa Yang Tidak Bersetuju. Sebagaimana saya maklumkan, Votes and Proceeding Parliment bila dicetak kelak adalah harta rakyat dan rakyat boleh dapat dengan membelinya daripada Jabatan Cetak Kerajaan. Saya harap minta ambil fahaman.

Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari ini, Rabu, 9hb November, 1977.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 2.45 pagi.*